

Jilid 1
Bil. 1



Hari Rabu
2hb. Mei 1979

LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA

FIFTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG PERTAMA
FIRST SESSION

MESYUARAT YANG KETIGA
THIRD MEETING

Jilid 1
Bil. 1



Hari Rabu
2hb. Mei 1979

LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA
FIFTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG PERTAMA
FIRST SESSION

MESYUARAT YANG KETIGA
THIRD MEETING

KANDUNGAN

1. PENGUMUMAN TUAN SPEAKER	2
2. JAWAPAN KEPADA SOALAN SOALAN	3
3. RANG UNDANG UNDANG	79
4. USUL USUL	91
5. PENANGGUHAN	94

**LAPORAN PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI,
PULAU PINANG, YANG KELIMA.
MESYUARAT YANG KETIGA BAGI PENGGAJAL YANG PERTAMA
Hari Rabu, 2hb. Mei, 1979**

HADIR—

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor, P.J.K.)
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
- Yang Berhormat Penasihat-Penasihat Undang-Undang (Encik Haidar bin Mohd. Noor, D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N., J.M.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, K.M.N., A.M.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Encik Abdul Rahman bin Haji Abbas)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng @ Khor Gark Kim)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah, K.M.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, P.J.K., P.P.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Mohamad @ Ahmad Radhi bin Pachee)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Aceh (Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed @ Mahmud, P.P.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Chung Hor @ Teoh Kooi Sneah, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan @ Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
- Yang Berhormat Ahli Pekan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik C.Y. Choy)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.)

TIDAK HADIR—

- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh)

TURUT HADIR—

- Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K., P.J.M.)

Dewan bersidang pada jam 9.30 pagi

1. DOA

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Tuan Speaker, bolehkah saya meminta Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam duduk di tempat yang ditetapkan.

PENGUMUMAN TUAN SPEAKER:

Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ada beberapa pengumuman dalam Dewan ini.

Satu ialah ucapan takziah bagi pihak Dewan ini di atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Tuanku Yahya Putra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim. Setelah baginda menaiki takhta selama 4 tahun yang amat membanggakan, secara tiba-tiba baginda telah mangkat dalam usia 61 tahun pada 29hb. Mac, 1979. Sesungguhnya satu kehilangan yang amat besar bagi negara dan rakyat Malaysia. Sepanjang empat tahun Almarhum memerintah Negara, Malaysia dikurniakan Allah dengan pertumbuhan ekonominya yang amat pesat sementara keamanan dan kemajuan politik dan sosial memberi harapan yang cerah kepada negara dan seluruh rakyat. Dengan berkat dan daulat dan kepimpinan Almarhum, Malaysia telah berjaya memainkan peranan yang penting dalam usaha mengujudkan keamanan dan kestabilan Rantau Asia Tenggara sehingga mengharumkan nama baik Negara kita di kalangan antara bangsa. Bersama seluruh rakyat yang taat setia, kita merakamkan ucapan takziah semoga Allah mencucuri Rahmat-Nya ke atas Almarhum Seri Paduka Baginda dan semoga dihimpunkan roh Almarhum itu bersama-sama hamba-Nya yang saleh.

Saya minta Ahli-Ahli Dewan ini bangun bertafakur selama dua minit dan bagi orang-orang Islam bolehlah membaca Alfatihah tiga kali. (Semua yang hadir berdiri dan bertafakur

selama dua minit).

Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, yang keduanya ialah Dewan ini juga akan bertafakur selama seminit di atas kematian Encik Tan Khim Hoe, seorang bekas Ahli Dewan Undangan Negeri dan seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah meninggal dunia baru-baru ini iaitu pada 18hb. April, 1979, dan diminta kita bertafakur selama seminit.

(Semua yang hadir berdiri dan bertafakur selama seminit).

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pengumuman saya yang ketiga ialah Dewan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas perlantikan semula Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang baru iaitulah yang ketujuh, Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah. Semoga negara kita terus mencapai keamanan, kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh.

Demikian juga Dewan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Datuk Haji Sardon bin Haji Jubir, yang dilantik semula bagi kali yang keduanya mengetuai Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Semoga Tuan Yang Terutama dapat terus memainkan peranan yang penting terhadap rakyat dan negeri ini khususnya. Didoakan semoga Tuan Yang Terutama dan Toh Puan sentiasa sihat dan di dalam peliharaan Allah.

Dan yang keempat, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya suka memaklumkan kepada Dewan ini iaitu Yang Berhormat Encik Ooi Ean Kwong, Ahli dari kawasan Kampong Kolam telah pun mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan pada 10hb. Januari, 1979.

Dan akhirnya, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya suka menarik

perhatian Dewan ini, iaitu sebarang soalan-soalan ataupun pertanyaan-pertanyaan ataupun cadangan Usul-Usul yang dikemukakan untuk dibincangkan dan dibahaskan di dalam Dewan ini hendaklah ditulis di dalam bahasa Malaysia sahaja. Selain daripada itu, bagi pihak Dewan ini tidak akan memberi layanan sama sekali.

2. MEMBENTANGKAN RISALAT-RISALAT

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon membentangkan di atas Meja Dewan, Kertas-Kertas Bilangan 1, tahun 1979, seperti yang tersenarai di dalam Susunan Urusan Mesyuarat.

3. (A) JAWAPAN-JAWAPANMULUT KEPADA SOALAN-SOALAN

(I) Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason) bertanya kepada Ketua Menteri:-

Tuan Speaker, soalan 1.

1. Bolehkah Kerajaan Negeri menimbangkan perlantikan Presiden-Presiden penuhmasa untuk Perbandaran Pulau Pinang dan Seberang Perai dengan tujuan memberikan perkhidmatan yang lebih baik memandang kepada hakikat kedua-dua orang Presiden sekarang memegang secara serentak jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri yang sendirinya merupakan jawatan-jawatan yang berat dan penuh dengan tanggungjawab?

- (1. Will the State Government consider appointing full-time Presidents for the Municipality of Penang Island and province Wellesley with a view to providing better services as the present Presidents also concurrently hold the posts of State Secretary and State Financial Officer respectively which are by themselves very onerous and responsible positions?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, jawapannya ialah tindakan telah diambil untuk mengisi jawatan-jawatan Yang Di-Pertua, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Seberang Perai, secara penuhmasa. Jawatan

Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran, Seberang Perai, telah pun diisikan dengan seorang pegawai yang berkhidmat secara penuhmasa mulai dari 1.2.1979 dan tindakan untuk mengisi jawatan Yang Di-Pertua, Majlis Perbandaran Pulau Pinang kini sedang diambil. Perlantikannya akan dibuat dalam sedikit masa lagi.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Ketua Menteri, bolehkah beritahu kepada persidangan ini berapa upah yang diterima oleh bekas Presiden dan Presiden sekarang?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, saya ingat itu adalah soalan lain.

Tuan Speaker: Jawapan telah diberi oleh Yang Berhormat dari Kawasan Datuk Keramat iaitu mengenai jawatan tersebut sudah pun diisi oleh pegawai yang tetap. Jadi saya ingat soalan dari segi pembayaran itu adalah soalan lain.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan ke 2.

2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan mengapa penghuni-penghuni rumah-rumah pangsa yang telah menandatangani perjanjian pembelian baru-baru ini dengan Kerajaan Negeri setakat ini belum diberi salinan perjanjian tersebut? Berapakah bilangan orang-orang yang telah menandatangani perjanjian tersebut dan adakah mereka akan diberi salinan perjanjian tersebut supaya mereka akan tahu syarat-syarat yang terkandung di dalam perjanjian itu?
- (2. Can the Hon'ble Chief Minister state why is it that flat-dwellers who signed purchase agreements recently with the State Government have not been given copies of the agreement to date? How many have signed up and would they be given copies of the agreement so that they would be in a position to know the conditions contained therein?)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Spea-

ker, setiap penghuni di Rifle Range, Kampong Melayu dan Noordin Street Ghaut yang telah menandatangani perjanjian bayaran ansuran dengan Kerajaan akan diberikan senaskah perjanjian masing-masing dan kertas perjanjian tersebut yang telah ditan-datangani itu sedang dihantar ke Pejabat Cukai Stem untuk tindakan pengecualian daripada cukai stem. Hingga sekarang 2,754 naskah perjanjian telah ditandatangani dan Pejabat Cukai Stem akan mengambil masa untuk menyelesaikannya. Sebelum mereka menandatangani perjanjian, segala syarat-syarat telah diterangkan dengan jelas kepadanya supaya mereka sedar tentang keadaan mereka itu selanjutnya.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Tuan Speaker, soalan tambahan. Berkenaan dengan jawapan Encik Khor, saya hendak bertanya samada sebelum mereka menandatangani perjanjian itu, adakah mereka diberi peluang mengambil balik perjanjian itu untuk dibaca oleh penghuni-penghuni. Pada fikiran saya, sampai hari ini perjanjian itu tidak dibenarkan diangkat balik. Itulah sahaja.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Speaker, keterangan berkenaan syarat-syarat yang ada di dalam perjanjian ini adalah telah diberikan kepada kesemua yang berkenaan dalam tiap-tiap peluang yang kita ada berjumpa atau dialogue session dengan penduduk di Rifle Range, Kampong Melayu dan Noordin Street Ghaut dan juga yang berkenaan ada dipanggil ke pejabat dan pegawai bahagian perumahan ada pun memberi keterangan dengan cukup kepada mereka.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Tuan Speaker, soalan tambahan lagi. Berkenaan dengan jawapan itu, saya hendak tanya mengapa perjanjian itu tidak dibenarkan diangkat balik. Tadi jawapan ada berkata dan diterangkan, tapi berapa penghuni dalam Rifle

Range mereka ada baca. Banyak penghuni-penghuni yang menghuni di Rifle Range barangkali buta huruf dan apa yang telah diterangkan tidak boleh difahami oleh penghuni. Sebab itu saya mahu bertanya mengapa perjanjian itu dibenarkan angkat balik dahulu?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Speaker, perkara macam ini tidak bertimbul sampai hari ini oleh sebab sampai hari ini yang berkenaan atau yang terlibat tidak pernah meminta daripada Kerajaan Negeri untuk mengangkat balik perjanjian ini.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Tuan Speaker, soalan tambahan lagi. Saya boleh mengambil bukti kepada penghuni yang mahu mengangkat balik perjanjian itu tetapi tidak dibenarkan. Tadi jawapan itu tidak berapa sesuai.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, jawapan sudah pun diberi iaitu segala perjanjian itu telah pun diserahkan kepada pihak Jabatan Cukai Stem. Saya ingat itu sudah menjadi soalan lain.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Soalan ke 3, Tuan Speaker.

3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan samada:—

(i) Kerajaan Negeri akan menasihati pihak Perbandaran menjual rumah-rumah pangsa dan rumah-rumah yang terletak di sepanjang Jalan Rifle Range/Jalan Boundary dan Jalan Sheikh Madar kepada penghuni-penghuni yang kebanyakannya telah menduduki rumah-rumah tersebut selama lebih daripada 20 tahun?

(ii) Beliau sedar akan seruan yang dibuat baru-baru ini oleh Menteri Perumahan yang telah menyatakan bahawa beliau akan meminta pihak-pihak berkuasa tempatan menjual rumah-rumah dan rumah-rumah pangsa kepada penghuni-penghuni?

(3. Can the Hon'ble Chief Minister state whether:—

(i) The State Government will advise the Municipality to sell flats and houses

along Rifle Range Road/Boundary Road and along Jalan Sheikh Madar to the tenants occupying the same most of whom have been staying there for more than 20 years?

- (ii) He is aware of the recent call made by the Minister of Housing that he would ask local authorities to sell houses and flats owned by them to the tenants occupying the same?)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Speaker, rumah pangsa dan rumah teres di Rifle Range dan Jalan Sheikh Madar yang di bawah bidang tugas dan pentadbiran Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah dibina dengan pinjaman Persekutuan dan bertujuan untuk diduduki secara sewa. Samada unit-unit perumahan ini harus dijual kepada penduduk-penduduk yang terlibat merupakan satu perkara untuk Majlis Perbandaran Pulau Pinang membuat keputusan selepas perundingan dengan Kerajaan Persekutuan. Setakat ini nasihat Kerajaan Negeri tentang perkara ini belum diminta lagi. Berkenaan dengan seruan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, setakat ini perhubungan sedemikian telah diterima secara rasmi oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan ke 4.

4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan samada:—

- (i) Kerajaan Negeri akan memberi jaminan yang pihak Lembaga Perumahan akan menjual rumah-rumah pangsa di Rifle Range kepada mereka yang telah membeli rumah-rumah tersebut dari penghuni-penghuni asal memandangkan kepada hakikat mereka telahpun membayar di antara \$4,000 hingga \$9,000 untuk rumah-rumah tersebut kerana terdapat kekurangan rumah-rumah murah di Pulau Pinang dan juga kerana Kerajaan Negeri telah sedar tentang amalan ini yang telah berlaku bertahun-tahun tetapi tidak mengambil langkah-langkah untuk menghentikan amalan tersebut?
- (ii) Kerajaan Negeri akan menimbangkan untuk menjual rumah-rumah pangsa

tersebut kepada mereka dengan harga yang sama yang ia telah bercadang menjual kepada penghuni-penghuni asal kerana tujuan Kerajaan untuk mengangapkan mereka yang telah membeli rumah-rumah tersebut daripada penghuni-penghuni asal itu sebagai penyewa-penyewa sebulan ke sebulan kemudian menjualkan kepada mereka rumah-rumah tersebut dengan harga yang lebih tinggi menunjukkan Kerajaan berniat memperolehi keuntungan yang "unconscionable"?

- (iii) beliau sedar bahawa keadaan kecau yang wujud di rumah pangsa Rifle Range, Noordin Street dan Kampong Melayu adalah disebabkan oleh kegagalan Kerajaan Negeri menunaikan syarat-syarat yang terkandung di dalam perjanjian "probationary tenancy" yang ditandatangani oleh penghuni-penghuni sementara itu dengan Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri telah gagal menukar hakmilik rumah-rumah tersebut kepada penghuni-penghuni asal sepertimana dikehendaki di bawah Fasal 2(3) perjanjian tersebut?
 - (vi) beliau sedar bahawa langkah Kerajaan Negeri hendak menaikkan kadar bayaran faedah dari 2% ke 5% adalah tidak adil dan munasabah.
- (4. Can the Hon'ble Chief Minister state whether:—
- (i) the State Government will give an undertaking that the Housing Board would sell flats at Rifle Range to those who bought them from original tenants in view of the fact that they have already paid between \$4,000 — \$9,000 for the flats they bought because of lack of public low-cost housing in Penang and because the State Government was aware of this practice which had been going on for years and did not take steps to stop this practice?
 - (ii) the State Government will consider selling these flats at the same price as it was intended to be sold to the original tenants as the stated intention of the government to treat those who had bought these flats from the original tenants as month-to-month tenants and thereafter sell the flats to them at a higher price denotes that the government intends to make unconscionable profits?
 - (iii) he is aware that the mess that is existing at Rifle Range Flats, Noordin Street Flats and Kampong Melayu

Flats is due to the fact that the State Government failed to fulfil the terms of the probationary tenancy agreements signed by the probationary tenants and the State Government in that the State Government did not transfer the flats to the original tenants of the flats as required under Clause 2(3) of the said agreement?

- (iv) he is aware that the State Government's move to increase the interest rate from 2% to 5% is unfair and unreasonable?)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Speaker, soalan 4(i), tidak boleh. Mana boleh seorang itu membeli satu yunit rumah pangsa daripada penghuni asalnya yang belum memilikinya lagi. Kerajaan Negeri masih memiliki rumah-rumah pangsa ini dan sebarang pemindahan di antara penghuni asal dengan penghuni baru adalah haram dari segi undang-undang. Jika-lau terdapat penghuni asal yang membantah perjanjian penghunian sementara, maka Kerajaan Negeri akan menggunakan kuasanya mengambil balik unit tersebut. Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk memperuntukannya kepada yang mana-mana pemohon yang dianggap sesuai. Kerajaan Negeri telah memberi amaran beberapa kali supaya orang ramai jangan melibatkan diri dengan segala pemindahan hakmilik yang haram itu.

Bahagian (ii), soalan harga penjualan unit rumah pangsa kepada penghuni bukan asal dengan harga asal ataupun harga pasaran sekarang itu adalah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri tidak lama lagi. Tujuan Kerajaan Negeri bukan hendak mendapat keuntungan dari rancangan perumahan murah. Sebenarnya Kerajaan Negeri telah memberi subsidi kepada setiap rancangan rumah murah terutamanya dalam bentuk kemudahan infrastruktur dan tanah-tanah. Kerajaan Negeri akan menjamin bahawa keputusan yang diambil itu adalah realistik dan adil bukan sahaja kepada orang-orang yang terlibat tetapi juga kepada orang ramai.

Bahagian (iii), adalah tidak benar bahawa Kerajaan Negeri akan menambah kadar faedah dari 2% hingga 5% bagi penghuni rumah pangsa di Rifle Range, rumah pangsa peringkat III Kampung Melayu dan rumah pangsa Noordin Street Ghaut tidak kira mereka itu adalah penghuni asal ataupun mereka yang akan dijadikan penghuni biasa.

Ahli Kawasan Kampung Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Saya terkejut mendengar jawapan yang Kerajaan Gerakan telah berjaya dalam 10 tahun dan hari ini saya dengar amaran telah diberikan kepada penghuni di Rifle Range. Saya hendak tanya mengapa dalam tujuh tahun tidak ada tindakan diambil oleh Kerajaan Pulau Pinang. Mengapa?

Tuan Speaker: Soalan yang berapa itu?

Ahli Kawasan Kampung Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan yang keempat nombor (i).

Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik): Tuan Speaker, boleh saya beri sedikit penerangan dalam Dewan ini bahawa saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Kampung Kolam bolehlah menarik balik perkataan "Kerajaan Gerakan". Saya harap Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampung Kolam boleh tarik balik perkataan "Kerajaan Gerakan" sebab Kerajaan yang telah memerintah Negeri Pulau Pinang bukanlah Kerajaan Gerakan tetapi adalah Kerajaan Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Kampung Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Tuan Speaker, saya rasa tiap-tiap orang di Pulau Pinang tahu bila mereka ada ceramah di tiap-tiap tempat ada bilang Gerakan jadi Kerajaan.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, sila kemukakan soalan tambahan.

Ahli Kawasan Kampung Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan saya

ialah mengapa Kerajaan tidak mengambil tindakan pada masa tujuh tahun berkenaan dengan selesai perkara itu atau berkenaan dengan penjualan rumah pangsa di Rifle Range?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Speaker, tindakan mahkamah atau tindakan lain yang Kerajaan Negeri telah ambil dalam tujuh tahun yang lalu telah diberikan butir-butirnya di surat khabar, akan tetapi untuk maklumat Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Kampong Kolam saya akan sekali lagi memberi sedikit butir-butir di sini.

Dalam tahun 1973, adalah 8 notices yang telah dihantar kepada setiap orang yang bertunggakan, dalam tahun 1974 ada 3 notices, dalam tahun 1975 ada 2 notices, dan dalam tahun 1976 ada 2 notices termasuk tindakan mahkamah. Sampai hari ini, sejumlah 693 penghuni-penghuni telah menerima notices daripada peguam yang mewakili bahagian perumahan. Dan 217 penghuni telah menerima summons atau notis mahkamah, dan juga sejumlah \$34,676 telah dibelanjakan untuk tindakan-tindakan yang menyatakan tersebut.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Tuan Speaker, soalan tambahan. Tadi saya mendengar jawapan dalam tahun 1974, 1975, 1976 ada diberi notices, tetapi tahun 1977 dan 1978 mengapa tidak ada notis?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Speaker, saya harap Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Kampong Kolam jangan cuba splitting hairs. Apa yang saya perkatakan ialah daripada tahun 1973 hingga tahun 1976, ada notices; akan tetapi daripada tahun 1976 sampai hari ini, tindakan peguaman dan juga tindakan mahkamah telah diambil.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan nombor 5.

5. (i) Berapakah jumlah bayaran penyelenggaraan yang dipungut oleh Kerajaan dari penghuni-penghuni rumah pangsa Rifle Range bagi tahun 1970, 1971, 1972, 1973, 1974, 1975, 1976, 1977, 1978 dan sehingga 30.4.1979?

(ii) Mengapakah bahagian luar rumah-rumah tersebut tidak dicat sejak ia dibina?

(iii) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa tangga dan kakilima rumah rumah tersebut penuh dengan sarang labah-labah, pintu yang terdapat di bawah saluran sampah sarap telah runtuh dan tidak diganti sehingga hari ini dan sampah sarap dibiarkan bertimbun lama-lama tanpa dipungut? Jika, apakah tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini?

(5.(i) What is the total amount of money collected by the Government by way of maintenance charges from the occupants of Rifle Range Flats for the years 1970, 1971, 1972, 1973, 1974, 1975, 1976, 1977, 1978 and until 30.4.1979?

(ii) Why is it that the exterior of these flats have not been painted since they were built?

(iii) Is the Hon'ble Chief Minister aware that the corridors and staircases are full of cobwebs, the doors at the foot of the rubbish chutes have decayed and have not been replaced to date and that rubbish is allowed to accumulate for days without being cleared? If so, what action has been taken to remedy the situation?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Speaker, jumlah wang yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri daripada penghuni-penghuni rumah pangsa untuk perbelanjaan penyelenggaraannya dari tahun 1970 hingga 30hb. Mach tahun ini adalah sebanyak \$3,148,507.60. Jumlah wang yang dikutip bagi bulan April belum siap lagi dikira. Tetapi jumlah perbelanjaan dari Kumpulan-wang Amanah Penyelenggaraan itu adalah sebanyak \$3,357,869.80. Wang yang tidak mencukupi itu sebanyak \$209,362.20 adalah pinjaman dari Kerajaan Negeri.

Bahagian kedua, sembilan buah bangunan rumah-rumah pangsa di

Rifle Range belum lagi dicat semula kerana ia memakan belanja yang sangat besar dan baki Kumpulan-wang Amanah Penyelenggaraan itu tidak mencukupi tujuan tersebut. Sehingga ini ada lagi banyak tunggakan yang akan dikutip. Berkenaan dengan perkara ini, sangatlah ketara bahawa Ahli Yang Berhormat daripada Ayer Itam itu sengaja membesar-besarkan keadaan rumah pangsa dan cuba memberi gambaran yang salah kepada orang ramai. Adalah tidak benar bahawa kaki lima dan tangga-tangga itu dipenuhi dengan sarang labah-labah. Tidak benar juga bahawa semua pintu aliran sampah telah dimakan karat dan belum lagi diganti. Tidaklah benar juga iaitu sampah sarap itu tidak dikutip selama beberapa hari.

Saya harap Ahli Yang Berhormat daripada Ayer Itam akan mendasarkan maklumatnya dari penyelidikan dan pemerhatian sendiri, dan jangan membuat tuduhan melulu mengikut bisikan di kedai kopi. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam, kaki lima dan tangga rumah pangsa adalah disapu tiap-tiap hari oleh buruh dari unit perumahan. Dalam setiap blok adalah ditetapkan dua orang pekerja untuk tugas ini.

Jika terdapat pintu tong sampah sudah rosak, dengan serta-merta kontraktor dipanggil untuk membaikinya atau menggantikannya. Bahagian Perumahan Negeri telah pun menugaskan seorang kontraktor penuhmasa yang duduk di rumah pangsa itu untuk tujuan ini juga. Kadangkala kelewatan berlaku kerana pekerjaan membaiki atau menukar pintu tong sampah yang rosak itu memakan masa juga. Sebab utama pintu tong sampah itu dimakan karat dengan senangnya ialah sampah-sampah yang basah itu dibuang ke dalam aliran sampah tanpa dibungkus. Sampah-sarap di rumah pangsa itu dikutip tiap-tiap hari oleh pekerja-pekerja Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan pada musim perayaan

mereka bekerja kutipan sampah dua kali sehari. Untuk memperbaiki keadaan ini lagi di Rifle Range, semenjak tahun 1978 Kerajaan Negeri telah meluluskan perbelanjaan tahunan sebanyak \$40,000 kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebagai subsidi untuk mengupah tenaga tambahan pekerja-pekerja untuk membaiki keadaan kawasan rumah pangsa lagi di Rifle Range. Semenjak awal tahun ini seorang pegawai yang bertugas menjaga pentadbiran penyelenggaraan rumah pangsa itu juga diupahkan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Soalan tambahan, Tuan Speaker, tidaklah ada orang lebih buta daripada seorang yang ada mata tetapi tidak mahu tengok. Tuan Speaker, pintu tong sampah di flat-flat ada sudah rosak. Jikalau ahli Exco yang bertanggungjawab tidak pernah pergi ke situ, atau kalau ada pergi ke situ tapi tidak pakai mata beliau, bukan salah saya.

Tuan Speaker, bolehkah ahli Exco yang bertanggungjawab memberitahu Dewan ini siapakah yang membaiki tong-tong sampah rosak? Jabatan Kerajaan atau kontraktor lain (independent contractor)?

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, saya ingat telah diberi jawapan tadi iaitu telah disebut tadi ada seorang pemborong.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Siapa pemborong itu?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Speaker, ini tidak adil untuk Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Ayer Itam meminta saya memberi semua nama-nama pekerja-pekerja yang berkenaan dengan kebersihan rumah pangsa, tetapi kalau sesiapa yang bekas nama yang Ahli Yang Berhormat kawasan Ayer Itam hendak tahu saya minta masa supaya di persidangan Dewan Undangan di hari depan saya boleh memberi semua

nama-nama yang Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Ayer Itam hendak tahu.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan tambahan. Ahli Exco yang bertanggungjawab sedar tidak, orang-orang yang duduk di flat-flat itu memberitahu atau selalu komplek orang supervisor yang jaga di situ dan orang-orang yang kerja di situ tidak bikin, tetapi Ahli Exco, bertanggungjawab kata mereka buat dan mereka buat kerja sehari-hari.

Tuan Speaker: Dua kali sehari.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tidak benar. Mereka tak buat kerja. Mengikut peraturan Kerajaan sudah tentu mahu tahu tapi sedar atau tidak mereka tidak buat kerja mereka?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Speaker, kalau ada apa-apa hari yang mana pekerja-pekerja daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak atau gagal bertugas mereka sendiri, saya haraplah Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam boleh bagi saya semua butir-butir berkenaan tarikh supaya tindakan yang selanjutnya akan diambil.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Saya sangat sukacita mendengar Ahli Tanjung Bungah yang mengata selalu itu flat-flat ada dicuci dan ada disapu, tetapi saya hendak tanya samada wakil Tanjung Bungah sedar di rumah pangsa Rifle Range saya boleh nampak tikus macam kucing besar, boleh nampak di merata tempat. Dan kalau tempat itu ada disapu macamanakah tikus itu boleh dihidari di rumah pangsa itu? Saya rasa Ahli Tanjung Bungah tidak biasa menghadiri rumah pangsa di Rifle Range.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, saya rasa janganlah timbulkan perkara tikus, tikus besar, dan lain-lain (ketawa).

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan 6.

6. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa lif-lif yang terdapat di Rumah Pangsa Rifle Range kerap kali rosak dan tidak dibaiki selama beberapa hari dan dengan itu mendatangkan kesulitan kepada penghuni-penghuni dan bahawa lif-lif di situ sangat kotor dan tidak diselenggarakan dengan baik? Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini?

(6. Is the Hon'ble Chief Minister aware that lifts at the Rifle Range Flats practically go out of order every other day and are left unrepaired for days thereby causing tremendous inconvenience to residents and that the lifts at the flats are also dirty and not properly maintained? What steps have been taken to improve the situation?)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Ahli Yang Berhormat daripada Ayer Itam, lagi ia sengaja membesar-besarkan keadaan di rumah pangsa di Rifle Range dan mencuba sekali lagi memberi maklumat yang tidak benar kepada orang ramai. Adalah tidak benar bahawa lif di rumah pangsa Rifle Range itu rosak setiap hari, dan dibiarkan dengan tidak dibaiki. Kesemuanya didapati tiga buah lif dalam penggunaan di setiap blok rumah pangsa. Dan kerosakan amat jarang berlaku kepada lebih daripada sebuah lif di suatu masa.

Pihak Kerajaan Negeri telah menandatangani kontrak penyelenggaraan lif dengan agensinya yang memberi 24 jam perkhidmatan. Apabila kerosakan lif berlaku, atenden lif akan memberitahu syarikat tersebut dengan serta-merta supaya pembaikan dapat diuruskan. Akan tetapi mungkin terjadi kelewatan kadangkala disebabkan kekurangan alat-alat gantian.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Tuan Speaker, soalan tambahan. Ahli Exco yang bertanggungjawab ada kata lif ini ada 24-hour service tetapi di Kampong

Melayu ada satu lif sampai tiga bulan sudah rosak.

Tuan Speaker: Itu soalan lain.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Itu serupa di rumah pangsa juga.

Tuan Speaker: Kena buat soalan lain.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan 7.

7. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa terdapat kekurangan besar tempat meletak kereta bagi penduduk-penduduk rumah pangsa Rifle Range? Adakah rancangan-ancangan yang sedang dirangka untuk mengatasi keadaan ini dan bilakah rancangan-ancangan tersebut akan dilaksanakan?

- (7. Is the Hon'ble Chief Minister aware that there is an acute shortage of motor-car parking space for residents of the Rifle Range Flats? What plans have been drawn up to alleviate the situation, and when will these plans be implemented?)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Speaker, rumah pangsa Rifle Range adalah rumah murah bagi golongan yang berpendapatan rendah. Pada masa rumah pangsa ini diduduki dahulu, tapak letak kereta kenderaan itu sangat lapang kerana sebilangan kecil sahaja yang mempunyai kereta. Tetapi bila pendapatan mereka itu bertambah — ini sebab perindustrian dan lain-lain di Negeri Pulau Pinang — bilangan kereta pun bertambah. Ada juga penghuni-penghuni yang mempunyai bas sekolah atau pun van kerana pekerjaan mereka. Kesesakan lalu-lintas dan letak kereta berlaku terutamanya dalam tempoh dua tahun yang lalu setelah kerja pembinaan pasar bermula dan penaja-penaja serta gerai-gerai telah dipindah ke tapak sementara sekarang ini. Keadaan ini akan dapat diperbaiki tidak lama lagi setelah pembinaan pasar dan kompleks penaja itu disiapkan dan penaja-penaja serta gerai-gerai itu ditempatkan semula.

Satu kajian telah dijalankan baru-baru ini oleh pihak perumahan dan ini menunjukkan ada 525 buah kereta dan van dimiliki oleh penghuni-penghuni rumah pangsa Rifle Range. Dari jumlah 3,669 unit, ini merupakan bilangan 14.3% penghuni mempunyai kenderaan kereta atau van. Dan 14.3% ini telah menggunakan semua tapak letak kenderaan ini tidaklah begitu adil bagi baki 18.57% penghuni.

Tetapi dengan kerjasama dari J.K.R., pihak perumahan negeri telah merancang untuk menyediakan tapak letak kereta bagi sebanyak 600 buah kereta dan juga menyediakan kawasan rekreasi bagi penghuni rumah pangsa di Rifle Range. Dan untuk kebajikan semua penghuni rumah pangsa, pihak perumahan sedang mempertimbangkan kutipan wang daripada penghuni-penghuni tapak letak kereta. Sebenarnya kerja melebarkan jalan telah dimulakan untuk mengadakan banyak lagi tapak letak kereta.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Soalan tambahan. Adakah Ahli Exco yang bertanggungjawab sedar oleh kerana tidak ada tempat letak kereta yang cukup, penduduk-penduduk di situ terpaksa letak kereta mereka di Jalan Boundary yang mana kereta-kereta tidak boleh diletak di sebelah pasar besar di Jalan Boundary ini, dan sebab itu mereka selalu kena saman? Jika sedar, bolehkah Kerajaan minta pihak polis membenarkan mereka meletak kereta mereka di Jalan Boundary pada waktu malam?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Ayer Itam, latar belakang letak kereta di kawasan Rifle Range, saya pun telah memberi dengan jelasnya dan dengan penuh butir-butir dan berkenaan apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak polis ataupun pihak bahagian perumahan, inilah perkara yang pihak Kerajaan dan pihak lain akan meng-

kaji lagi dan saya haraplah dengan pengalaman ini lain butir-butir saya boleh memberi kepada Ahli Yang Berhormat daripada Ayer Itam di persidangan Negeri yang depan.

Ahli Kawasan Kampung Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Tuan Speaker, soalan tambahan lagi. Tadi Ahli Tanjung Bungah ada berkata — ada mengaku salah — berkenaan dengan masaalah di Rifle Range dan sebab itulah Kerajaan mesti berunding dengan pihak polis untuk mengatasi masaalah itu. Adakah perundingan dengan balai polis ada dijalankan dengan Kerajaan berkenaan dengan masaalah itu?

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, jawapannya telah diberi bagi pihak Kerajaan akan cuba mengatasi masaalah letak kereta. Sudah jelas.

Ahli Kawasan Kampung Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Tuan Speaker, tadi soalan tambahan saya, adakah perbincangan dengan pihak polis. Bukan mengatasi masaalah itu tapi berkenaan dengan saman-saman.

Tuan Speaker: Yang Berhormat, jawapan telah diberi mengatakan bagi pihak perumahan akan mengatasi masaalah letak kereta. Itu termasuk semua sekali.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan 8.

8. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa tuanpunya-tuanpunya gerai di pasar baru di Rumah Pangsa Rifle Range khasnya penjual- penjual babi tidak puas hati kerana gerai-gerai yang diberikan kepada mereka adalah terlalu kecil dan ruang yang diperuntukan untuk para pembeli berjalan adalah sangat sempit? Adakah langkah-langkah akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini?

(8. Is the Hon'ble Chief Minister aware that stall holders are dissatisfied with the new market at Rifle Range Flats especially the pork-sellers as the stalls given to them are too small and the space provided for customers to walk is too narrow? Would steps be taken to remedy the situation?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, tidak. Mengikut Majlis Perbandaran, size gerai-gerai daging babi dan lorong-lorong lalu-lalang yang diadakan itu adalah mencukupi. Penjual-penjual daging babi yang berkenaan tidak menunjukkan sebarang perasaan tidak puashati semasa dialog mereka dengan Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Soalan tambahan. Bolehkah Ahli Exco, yang bertanggungjawab mengatakan bilakah pasar baru ini boleh dimulakan dan apakah sebabnya terdapat kelambatan dalam pembukaan pasar baru itu?

Tuan Speaker: Ada kaitan dengan soalan 8? Saya ingat tidak ada kaitan sebab soalan asal ialah berkenaan ruang yang kecil.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan ke 9.

9. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu 40,000 hingga 50,000 orang pemohon rumah-rumah murah memandangkan kepada hakikat hanya 3,400 unit rumah murah dibina di Pulau Pinang dibawah Rancangan Malaysia Ketiga?

(9. What steps does the State Government intend to take to help the 40,000 to 50,000 applicants for low-cost public housing in the State to obtain such houses in view of the facts that only 3,400 units of low-cost housing would be built under the 3rd. Malaysia Plan in the State?)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Speaker, adalah tidak benar untuk Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam menyatakan bahawa hanya 3,400 unit perumahan kos rendah akan dibina dalam Negeri Pulau Pinang dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Jumlah bilangan unit perumahan kos rendah yang akan dibina oleh Kerajaan Negeri dan P.D.C. dibawah Rancangan Malaysia Ketiga sebenarnya sudah melebihi

angka yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ayer Itam. Kerajaan telah memulakan 25 skim perumahan kos rendah yang akan menyediakan sejumlah kira-kira 4,200 unit. Ini di bawah Kerajaan Negeri sahaja. Sebilangan skim ini telah siap sedia dan lain-lain skim akan diselesaikan samada tahun ini atau tahun kemudian. 25 skim perumahan kos rendah ini sedang dilaksanakan dengan satu peruntukan kumpulan wang Rancangan Malaysia Ketiga dari Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri. Ini termasuk rumah pangsa kos rendah serta perumahan peralihan. Kerajaan Persekutuan pada lewat-lewat ini telah meluluskan \$5 juta tambahan kepada \$34 juta yang awal-awal diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk Negeri ini supaya melaksanakan lebih banyak skim perumahan kos rendah kepada rakyat jelata. Sebenarnya rancangan untuk skim perumahan yang lain akan disiapkan bagi tujuan ini. Tambahan kepada ini, P.D.C. juga sedang melaksanakan skim-skim perumahan yang akan menyediakan kira-kira 13,000 unit rumah terutamanya rumah kos rendah dalam negeri ini.

Untuk memenuhi keperluan rakyat jelata di Negeri ini, Kerajaan Negeri telah berulang kali merayu kepada sektor swasta untuk mempergandakan usaha dalam bidang pembinaan perumahan. Sebenarnya sekiranya sektor swasta boleh mencontohi usaha Kerajaan dan mengikut nisbah satu persatu, maka akan dapat diramalkan bahawa bersama-sama kita akan dapat mematahkan tulang belakang masalah perumahan dalam 5 tahun kelak. Tentulah terdapat banyak masalah yang sedang dihadapi oleh Kerajaan Negeri serta oleh sektor swasta dalam usaha ini seperti kekurangan tenaga pekerja dan bahan binaan tetapi Kerajaan telah menunjukkan dengan amat jelas azamnya untuk menyelesaikan dan mengatasi masalah-masalah perumahan.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan tambahan, Tuan Speaker, Tadi penjelasan dari Exco, ada mengatakan rumah kos rendah. Bolehkah Wakil Exco. bilangkan kepada kita berapakah harga rumah kos rendah itu? Dalam fikiran saya — pada pendapat saya — rumah kos rendah adalah lebih-kurang \$33,000 di mana kita boleh kata itu untuk rumah kos rendah. Sila jelaskan.

Yang kedua, saya dapat tahu penduduk-penduduk yang dijelaskan dalam KOMTAR sampai hari ini tidak boleh tahan membeli rumah-rumah kos rendah yang dikatakan oleh wakil itu kerana sampai hari ini mereka tidak ada wang untuk membeli rumah kos rendah itu.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Speaker, rancangan perumahan murah Kerajaan Negeri adalah kebanyakannya berharga di antara \$10,000 hingga \$15,000 se unit.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Tadi soalan daripada wakil Ayer Itam itu mengatakan 3,400 unit untuk rumah murah tetapi ahli Exco kata ribu-ribu dibina oleh P.D.C. Itu tidak bersangkutan dengan 3,400 yang dipersoalkan. Sila jelaskan.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Speaker, penjelasan telah diberi dalam jawapan saya pagi tadi.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan ke 10.

10. Adakah paip-paip awam akan dibina di pasar di Tanjung Bungah kerana pada masa sekarang tidak ada apa-apa paip yang disediakan di pasar tersebut?
- (10. Will stand-pipes be built at the Tanjung Bungah market as there are no water pipes available at the said market?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker,

tidak ada pasar yang ditawarkan di Tanjung Bungah.

Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah mengambil langkah-langkah untuk memasang sebuah stenpaip di tapak berkenaan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Soalan tambahan. Bilakah tindakan akan diambil?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tindakan itu telah diambil.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Saya hendak tanya kepada wakil dari Datuk Keramat samada beliau sedar bahawa pasar itu telah berada di tempat itu lebih-kurang 20 — 30 tahun di sana. Mengapa langkah tidak diambil sampai sekarang?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, jawapan ialah 20 tahun yang lalu tempat itu tidak ramai, sekarang sudah ramai. Sebab itu Majlis Perbandaran sekarang mengambil tindakan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan tambahan. Soalan itu belum dijawab lagi. Bilakah langkah-langkah ini diambil?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Macam tadi telah dijawab: Tindakan telah diambil.

Tuan Speaker: Tunggu siap.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Bila diambil? Sekarang? 10 tahun?

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah wakil dari Datuk Keramat beri bukti berkenaan masaalah itu? Bilakah sudah dibincangkan dengan Pihak Berkuasa Air (P.B.A.)?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Saya adalah

satu bukti. Saya sudah tengok dan sudah dapat laporan daripada penduduk-penduduk di Tanjung Bungah. Air paip telah dipasang.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Tuan Speaker, soalan tambahan. Berkenaan dengan jawapan wakil Tanjung Bungah, dua pihak telah bertikaian berkenaan masaalah itu. Mengapa? Wakil Datuk Keramat dan Tanjung Bungah jawab tidak berapa serupa? Saya mahu tanya Ahli Kawasan Datuk Keramat, bila?

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, kesimpulannya tindakan telah diambil. Penjelasan telah diberi oleh Ahli dari Tanjung Bungah mengatakan air paip telah dipasang. Tindakan telah diambil.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan ke 11.

11. (A) (i) Berapakah jumlah geran jalan setiap batu yang diterima oleh Kerajaan Negeri dari Kerajaan Pusat?

(ii) Berapakah jumlah geran jalan yang diperuntukkan untuk kawasan georgetown, kawasan Pulau Pinang yang lain dan Seberang Perai.

(B) (i) Mengapakah jalan-jalan yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta di kawasan-kawasan perumahan belum lagi diambil alih oleh pihak perbandaran, misalnya di Taman Beauty?

(11. (A) (i) What is the total road grant per mile the State Government is receiving from the Federal Government?

(ii) How much road grant has been allocated for the Georgetown area, the rest of Penang Island and Province Wellesley?

(B) (i) Why is it that roads built by private developers in housing estates have not yet been taken over by the municipal authorities, e.g. Beauty Park?

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Mohamad@ Ahmad Radhi bin

Pachee): Nombor 11 (A) (i), jawapannya adalah seperti berikut:-

Kerajaan Negeri menerima peruntukan jalanraya sebanyak \$6,200 bagi tiap-tiap sebatu.

Bagi (A) (ii), peruntukan jalanraya bagi tahun 1979 adalah seperti berikut:-

Kawasan Georgetown	— \$ 759,562
Kawasan-Kawasan lain di Pulau Pinang	— \$ 845,624
Seberang Perai	— \$2,082,853

Jawapan bagi 11 (B) (i), ini agak mengambil masa yang panjang kalau hendak memberi jawapan secara detail, tetapi bolehlah saya beri jawapan-jawapan secara ringkas.

Jalan-jalan yang digunakan oleh pemaju-pemaju persendirian di kawasan-kawasan perumahan yang belum diambil alih oleh Kerajaan Negeri kebanyakannya telah dibina pada masa pentadbiran Majlis Daerah Luar Bandar dahulu, oleh kerana itulah jalan-jalan tersebut didapati 'sub-standard'.

Jalan-jalan Beauty Park tidak diambil alih untuk penyelenggaraan oleh kerana:-

- (a) Lebar simpanan berbeza-beza;
- (b) Tebal gegili jalan berbeza-beza;
- (c) Lebar lintasan-lintasan Titi juga 'Sub-Standard';
- (d) Terdapat satu masaalah tentang sebahagian jalan tersebut yang memasuki tanah rumah berjala;
- (e) Taraf tanah di mana jalan-jalan ini terletak masih belum diselesaikan — beberapa bahagian tanah itu mempunyai nombor-nombor lot dan kepunyaan tuan tanah private dan lain-lainnya tidak mempunyai nombor-nombor lot;
- (f) Pada masa sekarang terdapat antara lain lapan (8) buah rumah yang terletak di dalam simpanan jalan yang dicadangkan. Itu adalah sebab-sebab yang tidak dapat diambil alih.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker,

soalan ke 12.

12. (a) Berapakah jumlah wang yang diperuntukkan kepada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri untuk projek-projek di kawasan mereka?
- (b) Apakah tatacara yang harus diturut untuk membuat permohonan bagi projek-projek berkenaan?
- (c) Adakah semua Ahli Dewan Undangan Negeri tanpa mengira parti berhak menerima peruntukan tersebut?
- (12. (a) What is the total amount allotted to State Assemblymen for projects in their constituencies?
- (b) What is the procedure to be adopted in making applications for these projects.?
- (c) Are all State Assemblymen irrespective of parties entitled to this allocation?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, jawapan saya kepada ketiga-tiga bahagian ialah, pertama, tidak ada sebarang peruntukan yang tertentu untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ini untuk projek-projek di kawasan masing-masing. Walau bagaimanapun, satu peruntukan sebanyak \$500,000 telah disediakan dalam Belanjawan Negeri 1979 untuk projek-projek kecil bagi semua kawasan.

Kedua, cadangan-cadangan projek dari Ahli-Ahli Yang Berhormat bolehlah dikemukakan kepada Pegawai Daerah yang akan kemudiannya merujuk untuk pertimbangan Pegawai Kemajuan Negeri.

Ketiga, semua Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan cadangan-cadangan projek mereka melalui saluran yang tertentu. Soal hak mutlak ke atas peruntukan begini tidaklah berbangkit.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan nombor 13.

13. Berapakah bilangan dan apakah nama syarikat-syarikat yang dimiliki penuh atau dimiliki bersama oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang yang menanggung kerugian? Berapakah jumlah kerugian dan apakah sebab-sebab

mengapa kerugian berlaku?

- (13. How many and what are the names of the companies which are wholly or partly owned by the Penang Development Corporation which have incurred losses? What was the amount lost and what are the reasons for the losses?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, cara Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam mengemukakan soalan ini menunjukkan bahawa beliau tidak berapa faham dan menyedari sifat-sifat penubuhan syarikat-syarikat atau cara yang syarikat-syarikat tersebut diuruskan, terutama sekali syarikat-syarikat di sektor pengeluaran.

Di dalam negeri yang membangun, bagi penubuhan syarikat-syarikat yang menjalankan pengeluaran di mana perindustrian merupakan satu perkara baru, jangka masa yang diambil oleh syarikat-syarikat tersebut bagi mendapatkan keuntungan merupakan satu proses yang lama. Lebih-lebih lagi sekiranya syarikat-syarikat ini digalakkan bagi mendapatkan penglibatan dan penyertaan pihak-pihak tempatan.

P.D.C. telah mengadakan usaha sama dengan menanam modal di dalam sektor-sektor pengeluaran terutama sekali bagi menjamin terdapat penglibatan pihak-pihak tempatan di segala peringkat di dalam syarikat-syarikat ini sepertimana yang dikehendaki oleh rakyat negara ini dan juga mencerminkan objektif-objektif negara di dalam Dasar Ekonomi Baru.

Bagi menjamin syarikat-syarikat ini terus maju berkembang dan kukuh di dalam sektor pengeluaran, masa, usaha dan modal tambahan selalunya diperlukan. Di dalam syarikat-syarikat di mana P.D.C. terlibat, terdapat juga masa perkembangan, pelajaran dan penyusunan semula dan pembentukan semula yang berlanjutan. Faktor ini harus dinilai dan diterima sebagai penglibatan Kerajaan secara langsung bagi menjamin Negeri ini

akan mendapat faedah daripada pengalakan dan pembangunan sektor pengeluaran di dalam Negeri ini, terutama sekali di dalam perindustrian yang merupakan satu pengalaman baru kepada Negeri ini.

Tuan Speaker, memandangkan ini, hanya sebuah syarikat sahaja di mana P.D.C. terlibat iaitu Syarikat Penang Electronics Sdn. Bhd., yang mengalami kerugian berjumlah \$2,687,764.00. Syarikat ini telah memberhentikan pengeluarannya sejak bulan Oktober, 1975.

Dalam kes Penang Electronics Sdn. Bhd. ini, haruslah diingatkan iaitu syarikat ini telah ditubuhkan bukan sahaja untuk menggalakkan penubuhan industri-industri litronik di Pulau Pinang tetapi juga bagi menyediakan kemudahan-kemudahan sebagai pengenalan permulaan bagi bakal-bakal pekerja kita. Syarikat ini juga dimaksudkan untuk memberi latihan kepada pekerja-pekerja agar apabila syarikat-syarikat elektronik yang lain mula ditubuhkan di Negeri ini, dengan mudahnya terdapat pekerja-pekerja yang telah dibiasakan dengan elektronik yang merupakan satu lapangan perindustrian baru bagi perindustrian di Negeri ini. Bila Syarikat itu ditubuhkan, tidak ada syarikat lagi di Negeri Pulau Pinang. Pekerja-pekerja ini akan dilengkapi dengan latihan asas di sebuah kilang litronik, iaitu Penang Electronics Sdn. Bhd., yang merupakan satu-satunya yang julung-julung kali diperkenalkan di Pulau Pinang.

Haruslah juga diingatkan iaitu Penang Electronics Sdn. Bhd. telah memainkan peranan yang penting bagi menarik penanaman-penanaman modal di lapangan elektronik di Pulau Pinang lalu menjadikan Negeri ini pusat industri elektronik di Malaysia buat masa sekarang.

Seperti yang dinyatakan tadi, syarikat-syarikat yang lain di mana P.D.C. terlibat sedang memberi sumbangan yang positif terhadap kemajuan ekonomi Negeri ini. Syarikat-

syarikat ini diawasi dengan teliti dan dengan kerjasama yang rapat di antara pemegang-pemegang saham. Setiap usaha sedang dijalankan dalam banyak kes-kes melalui penyusunan semula modal dan pengurusan jika perlu, demi menjamin syarikat-syarikat ini pada masa hadapan akan menguntungkan dan ditubuhkan dengan kukuhnya dalam sektor pengeluaran ekonomi Negeri ini.

Jumlah modal ditanam di dalam tiap-tiap syarikat adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Jumlah Permodalan	Jumlah Ekuiti
---------------	-------------------	---------------

Kepunyaan Penuh

Penang Electronics (M) Sdn. Bhd.	2,500,000.00	100.00
----------------------------------	--------------	--------

Anak Syarikat

Penang Shipbuilding Corporation Sdn. Bhd.	2,790,239.78	98.14
Malaysia Foods Berhad	3,109,000.00	62.27

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan saya ialah nama-nama syarikat yang owned by P.D.C. yangmana company mendapat kerugian sahaja. Bukan semua company. Company yang kerugian berapa? Nama sahaja.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, sebablah soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Ayer Itam adalah bawa satu perkara yangmana saya telah jalankan dengan teliti telah dijawab masaalah kerugian yangmana Kerajaan mestilah tanam modal tambahan atau modal ekuiti yang mencukupi, saya pun telah menjawab satu dengan satu dan di mana-mana kita mestilah bayar lebih modal atau tanam lebih modal. Jumlah ekuiti yang kita pegang adalah penting sebab kalau kita ada pegang saham dalam syarikat-syarikat ini dan syarikat-syarikat ini meminta lebih modal dan tanggungjawab kita adalah ikut jumlah ekuiti yang kita pegang

pada masa sekarang tetapi kalau Yang Berhormat dari Ayer Itam telah puas dengan jawapan saya, saya tidak payah makan masa dalam Dewan ini. Sebablah perkara ini berbangkit beberapa kali dahulu dan selalu, nampak saya, ahli-ahli daripada D.A.P. selalu membangkitkan perkara yang lama dan saya pun tidak mahu buang masa yang lama dan kalau Ahli Kawasan Ayer Itam sudah puas hati dengan jawapan saya, saya boleh terima.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan ke 14.

14. Adakah Kerajaan Republik Rakyat China telah bercadang untuk menubuhkan perusahaan-perusahaan usahasama' dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang atau pun dengan sektor swasta? Jika ya, apakah jenis perusahaan-perusahaan itu, jumlah wang yang terlibat dan bilakah perusahaan-perusahaan tersebut akan dimulakan?

(14. Has the Government of the People's Republic of China proposed setting up any joint venture industries with the State Government of Penang, the P.D.C. or with the private sector? If so, what is the nature of the ventures, the amount involved and when will operations commence?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, lawatan oleh rombongan Kerajaan Negeri ke Republik Rakyat Cina adalah lawatan sambil belajar yang ditajakan oleh Yayasan Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat Cina. Tujuan utamanya ialah untuk bertukar-tukar pengetahuan di dalam beberapa bidang. Sungguhpun kemungkinan-kemungkinan usahasama di antara Republik Rakyat Cina dengan Pulau Pinang telah dikaji, sehingga kini tiada sebarang cadangan yang telah dibuat oleh Republik Rakyat Cina samada kepada Kerajaan Negeri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, atau pun kepada pihak swasta.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Tuan Spea-

ker, soalan tambahan. Lawatan Datuk Hussein Oon ke Negeri Cina adakah bersangkut dengan rombongan Ketua Menteri yang telah dijalankan tahun lepas?

Tuan Speaker: Saya harap sebelum mengemukakan soalan tambahan, sila teliti di atas soalan itu. Itu soalan lain.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya harap apa yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri ada dilaku dan berkumpul dengan apa-apa yang telah dijalankan oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Pusat untuk perhubungan baik di antara Kerajaan Republik Rakyat Cina dengan Malaysia kita.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan ke 15.

15. (a) Berapakah bilangan lawatan yang dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri ke Australia dan Amerika Syarikat sejak beliau menjadi Ketua Menteri dan berapakah jumlah perbelanjaan yang terlibat?

(b) Berapakah bilangan rombongan-rombongan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang yang telah dihantarkan ke Australia dan Amerika Syarikat sejak bulan Mei, 1969 dan berapakah jumlah perbelanjaan yang terlibat? Berapakah jumlah pelaburan yang dilaburkan oleh pelabur-pelabur Australia dan Amerika Syarikat di Pulau Pinang sejak Mei 1969 hingga 30.4.1979?

(15. (a) How many visits had been made by the Hon'ble Chief Minister to Australia and the United States of America since he became Chief Minister and what are the total expenses involved?

(b) How many P.D.C. delegations have been sent to Australia and the United State of America since May 1969? What are the total expenses involved? What is the amount of investments invested by Australians and Americans in Penang since May 1969 to 30.4.1979?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, soalan ini ada dua pihak. Saya tidak

tahu Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Ayer Itam inginkan jawapan saya dengan teliti tetapi saya telah sedia.

Tuan Speaker, semenjak Y.A.B. Ketua Menteri mula menyandang jawatan beliau pada tahun 1969, beliau telah melawat ke Australia 6 kali dan ke Amerika Syarikat 3 kali.

Perbelanjaan yang terlibat adalah seperti berikut:-

- | | |
|--|-------------|
| (i) Lawatan-lawatan ke Australia | \$49,700.49 |
| (ii) Lawatan-lawatan ke Amerika Syarikat | \$43,734.06 |

Perbelanjaan semasa lawatan ke Amerika Syarikat baru-baru ini tidak diberi kerana kira-kiranya belum lagi dibereskan.

Untuk (b), sejak bulan Mei 1969, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah menghantar tujuh rombongan ke Australia dan empat rombongan ke Amerika Syarikat. Jumlah perbelanjaan yang terlibat ialah \$105,210.01. Jumlah pelaburan yang dilabur oleh Australia dan Amerika Syarikat di Pulau Pinang sejak bulan Mei 1969 berjumlah \$0.799 juta dan \$13,294 juta.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan ke 16.

16. Berapakah jumlah yang dilaburkan di dalam perusahaan perkilangan bagi tahun-tahun 1974, 1975, 1976, 1977 dan 1978 oleh sektor swasta di Pulau Pinang.

(16. What is the total amount invested in the manufacturing industries for the years 1974, 1975, 1976, 1977, 1978 by the private sector in Penang?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, selama tempoh 5 tahun dari 1974 hingga 1979, sejumlah \$262.77 juta telah dilaburkan oleh sektor swasta dalam perusahaan-perusahaan membuat barang-barang di dalam kawasan-kawasan perusahaan di bawah pengurusan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Dari jumlah ini sebanyak \$199.24 juta telah dilabur-

kan dalam perusahaan-perusahaan baru sementara \$63.53 juta lagi telah dilaburkan terhadap memperkembangkan perusahaan-perusahaan yang sedia ada. Tambahan-tambahan dalam modal terkumpul perusahaan-perusahaan yang baru dan yang sedia ada di dalam kawasan-kawasan perusahaan di bawah pengurusan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dalam tempoh lima tahun tersebut adalah seperti berikut:-

Tahun	Pelaburan (\$ Juta)	% Perubahan
1974	74.1	—
1975	69.58	6.1
1976	13.0	76.8
1977	19.57	37.8
1978	22.99	66.2

Jumlah pelaburan dalam bentuk modal terkumpul di dalam perusahaan membuat barang-barang setakat 31.12.78 ialah sebanyak \$487.25 juta.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan 17.

17. (a) Berapakah bilangan pelancung-pelancung yang telah melawat Pulau Pinang bagi tahun 1972, 1973, 1974, 1975, 1976, 1977, 1978 dan berapakah bilangan pelancung-pelancung yang dianggarkan akan melawat Pulau Pinang dalam tahun 1979 dan 1980?

(b) Berapakah jumlah wang pertukaran asing yang didapati dari bidang pelancungan bagi tahun-tahun yang dinyatakan di atas ini dan jumlah wang pertukaran asing yang dianggarkan akan diperolehi bagi tahun 1979 dan 1980?

(17. (a) How many tourists have visited Penang for the years 1972, 1973, 1974, 1975, 1976, 1977, 1978 and what are the projections for 1979 and 1980?)

(b) What is the amount of foreign exchange earned due to tourism for the above years and the amount of foreign exchange Penang expects to earn for the years 1979 & 1980?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Tuan Speaker, bagi menjawab soalan 17 (a),

bilangan pelancung-pelancung yang berkunjung terus (*direct tourists*) ke Pulau Pinang melalui udara dan laut telah meningkat dari 62,801 dalam tahun 1972 kepada 160,027 dalam tahun 1978, yakin tambahan sekadar lebih-kurang 155%. Butir-butir lanjut mengenai ketibaan-ketibaan pelancung secara terus melalui udara dan laut ke Pulau Pinang di sepanjang tempoh dari 1972 hingga 1978 adalah seperti berikut:-

Tahun	Bilangan Pelancung-Pelancung
1972	62,801
1973	92,367
1974	100,773
1975	105,578
1976	109,491
1977	150,025
1978	160,027

Adalah dijangkakan bahawa menjelang tahun 1980, bilangan ketibaan pelancung-pelancung secara terus melalui udara dan laut akan berada dalam lingkungan 180,000 — 200,000.

Untuk menjawab soalan 17 (b), mengikut anggaran yang telah diasaskan kepada tempoh purata kedudukan pelancung-pelancung dan juga jumlah perbelanjaan purata tiap-tiap seorang pelancung, maka anggaran jumlah Ringgit Malaysia dari segi pertukaran wang (*foreign exchange*) yang telah diperolehi ialah dalam lingkungan \$142.3 juta bagi tujuh tahun (1972 — 1978) itu. Berdasarkan kepada purata sebanyak 190,000 orang pelancung-pelancung bagi tahun-tahun 1979 dan 1980 tiap-tiap satunya, jumlah pertukaran asing yang dijangka akan diperolehi di dalam bentuk persamaan Ringgit Malaysia ialah lebih-kurang \$69 juta.

Untuk maklumat Dewan ini juga, tempoh kedudukan purata di Pulau Pinang bagi seseorang pelancung ialah kira-kira 2 — 3 hari.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Adakah ahli Exco yang bertanggungjawab sedar dalam

tahun 1978 sebanyak 1.65 juta pelancung-pelancung telah melawat Semenanjung Malaysia dan dari jumlah ini, lebih-kurang 10% daripada pelancung-pelancung ini melawat Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Tuan Speaker, ya.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Kerana apa Pulau Pinang ialah satu "Pearl of the Orient" boleh dapat 10% pelancung-pelancung mari ke Semenanjung Malaysia sahaja?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Tuan Speaker, saya harap mendapat kerjasama dari Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam kalau boleh bawa perkara ini dalam Parlimen supaya kita minta Kerajaan Pusat menambahkan services MAS ke Pulau Pinang dan juga memberikan lebih banyak perubahan di Pulau Pinang dan bolehlah kita tambahkan jumlah tersebut.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Adakah Ahli Exco yang bertanggungjawab sedar, dari jumlah 76,000 pelancung-pelancung yang datang ke Semenanjung Malaysia dalam tahun 1970, 39,000 orang pelancung-pelancung yang datang ke Pulau Pinang. Itu lebih dari 50% orang pelancung-pelancung mari ke Semenanjung Malaysia dalam tahun 1970 mari ke Pulau Pinang tetapi dalam tahun 1972, dari jumlah 287,000 pelancung-pelancung yang datang ke Malaysia, 62,000 orang pelancung-pelancung datang ke Pulau Pinang iaitu kurang daripada 25% pelancung-pelancung yang mari ke Semenanjung Malaysia datang ke Pulau Pinang. Kerana apa?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Tuan Speaker, saya harap Yang Berhormat kalau hendak bawa soalan tambahan biarlah berasaskan kepada soalan asal atau soalan yang telah dikemukakan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Adakah Ahli yang bertanggungjawab sedar dalam tahun 1970 Pulau Pinang dapat lebih daripada 50% pelancung-pelancung yang mari ke Semenanjung Malaysia, dalam tahun 1972 baru 25%, sekarang tahun 1978 10% sahaja?

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, saya rasa jawapan telah jelas. Beliau telah memberi jawapan iaitu sedar. Beliau meminta Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam tolong bawa perkara ini dalam Parlimen supaya menambahkan perkhidmatan MAS ke Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Bolehkah Ahli yang bertanggungjawab memberitahu Dewan apakah tindakan atas langkah-langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah diambil untuk rectify situation ini?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Saya pun telah berbincang masaalah ini bukan sahaja dengan MAS tetapi juga dengan pihak berkenaan iaitu P.D.C. supaya menambahkan kedatangan pelancung-pelancung.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan ke 18.

18. Berapakah jumlah ruang pejabat dan kediaman yang dibina di Bandaraya Georgetown, kawasan-kawasan yang lain di Pulau Pinang dan Seberang Perai dari tahun 1970 hingga 1978?

(18. What amount of office and residential space have been built in the City of Georgetown, the rest of Penang Island and Province Wellesley for the years 1970 to 1980?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, maklumat yang diminta memerlukan kerja penyelidikan yang terlalu banyak dan tidak terdapat rekod perangkaan sedemikian yang sedia ada. Adalah tidak mungkin untuk memberi maklumat ini di mesyuarat ini. Sebaik sahaja maklumat-maklumat ini diperolehi dan disusunkan, saya

akan memberikannya kepada Ahli Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, bila Ahli yang bertanggungjawab boleh berikan saya maklumat itu?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Sebaik-baik sahaja siap.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Bila boleh siap? 1 bulan? 6 bulan? 5 tahun?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tidak berapa lama lagi.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan ke 19.

19. Mengapakah laporan persidangan mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang-lalu masih belum lagi diedarkan kepada ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan laporan-laporan resmi diedarkan kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dengan lebih awal?

(19. Why is it that the proceedings of the last State Assembly have not been circulated to State Assemblymen and what steps have been taken to ensure that the Hansards are made available to State Assemblymen early?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, laporan urusan persidangan Dewan Undangan Negeri yang lepas belum lagi diedarkan kepada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri kerana ianya belum siap lagi.

Setiausaha Dewan telah cuba dengan sedaya upayanya untuk menyediakan laporan yang bercetak kepada Ahli-Ahli Dewan dengan secepat mungkin.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah Ketua Menteri sedar sampai hari ini Ahli-Ahli Dewan belum lagi dihantarkan salinan ucapan mereka yang dibuat dalam Mesyuarat Dewan yang lalu dan jika mereka menggunakan sa-

linan ucapan tersebut lambat mungkin mereka tidak akan dapat membetulkan ucapan mereka kerana tentulah mereka tidak boleh ingat dengan tepat apa yang telah dikatakan dalam Mesyuarat yang lalu. Sudah 6 bulan tetapi tidak dapat salinan ucapan mereka.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, itu saya sedar, tapi perkara ini adalah dijalankan oleh Setiausaha Dewan Undangan Negeri dan sungguhpun saya bertanggungjawab menjawab soalan ini, tetapi ini satu perkara yang saya ingat ada berkaitan dengan Jawatankuasa Dewan ini.

(II) Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo) bertanya kepada Ketua Menteri: Tuan Speaker, soalan 1.

1. Adakah pihak berkuasa menimbang untuk menyediakan perkhidmatan bas di anantara Paya Terubong dengan Ayer Itam memandangkan kepada hakikat bahawa penduduk-penduduk di Paya Terubong telah meningkat dan terdapat keperluan yang mendesak supaya perkhidmatan bas diadakan di antara Paya Terubong dengan Ayer Itam?

(1. Will the authorities consider providing bus services for commuters between Paya Terubong and Ayer Itam town in view of the fact that the population at Paya Terubong has increased and that there is a dire need for bus services between Paya Terubong and Air Itam?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, sudahpun terdapat satu perkhidmatan bas yang dikendalikan oleh Penang Yellow Bus di antara Paya Terubong dengan Pekan Ayer Itam. Telahpun ditentukan daripada Penang Yellow Bus Service bahawa perkhidmatan-perkhidmatan yang dikendalikan ini terdiri dari:

- (i) satu perkhidmatan di antara Pekan Ayer Itam dengan Paya Terubong; dan
- (ii) satu lagi di antara Sungai Dua dengan Pekan Ayer Itam melalui Paya Terubong

Jika dicantumkan, perkhidmatan-

perkhidmatan ini memberi perkhidmatan bas yang kerap ke Paya Terubong dan juga Pekan Ayer Itam tiap-tiap 15 minit. Oleh kerana perkhidmatan ini dianggap memuaskan, perkhidmatan-perkhidmatan tambahan tidak akan diadakan. Bagaimanapun, keadaan ini akan dikaji semula dari semasa ke semasa oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Tadi wakil dari Datuk Keramat ada berkata Kerajaan hendak mengkaji berkenaan dengan perkhidmatan bus service di Paya Terubong tetapi bolehkah bilang kepada kita adakah lain syarikat ada dikemukakan dalam perbincangan itu? Bukanlah Yellow Bus sahaja tetapi syarikat lain adakah dikemukakan?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Saya ingat tidak.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Mengapa tidak?

Tuan Speaker: Itu soal syarikat. Soalan lain.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Tuan Speaker, soalan ke 2.

2. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa Lorong Zoo Dua tidak diperbaiki selama hampir 20 tahun? Mengapakah lorong tersebut dibiarkan dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki lorong tersebut?
- (2. Is the Hon'ble Chief Minister aware that the road at Lorong Zoo Dua has not been repaired for almost 20 years? Why has the road been neglected and what steps have been taken to repair the road concerned?)

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Mohamad @ Ahmad Radhi bin Pachee): Tuan Speaker, jawapan kepada soalan 2. Sebenarnya, Lorong Zoo Dua bukan sebatang jalan yang

diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya. Ianya adalah sebatang jalan **private** yang digunakan oleh sebuah rancangan perumahan yang sedia ada.

Adalah tanggungjawab pemaju untuk membina jalan tersebut ke taraf yang dikehendaki oleh Jabatan Kerja Raya. Kerajaan Negeri telah kerap kali memberi nasihat kepada pembeli-pembeli rumah untuk menentukan tanggungjawab dan kewajipan pemaju-pemaju **private** untuk membekalkan 'infrastruktur' asas yang mencukupi, umpamanya jalan-jalan dan parit-parit, sebelum membeli harta perumahan.

Saya ingin menambahkan maklumat kepada Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Paya Terubong, barangkali Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui bagaimana pula Lorong Zoo Dua keadaannya yang ada kaitan dengan Jalan Zoo. Lorong Zoo Dua, yang mencabang dari Jalan Zoo, adalah digunakan oleh sebuah rancangan perumahan yang sedia ada dibina pada masa Majlis Daerah Luar Bandar dahulu. Oleh kerana ianya tidak dibina mengikut taraf Jabatan Kerja Raya, maka ianya tidak diambilalih.

Pelan pembinaan untuk jalan luar bandar itu telah diluluskan oleh bekas Majlis Daerah Luar Bandar pada 2.12.1960. Sekian.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Tuan Speaker, soalan 3.

3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa jambatan-jambatan:—
- (i) Di sebelah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Keow Nan, Jalan Thean Teik;
- (ii) Di belakang rumah bernombor 606 — 608 di Jalan Ayer Itam, Mukim 13; dan
- (iii) Di Kampong Hijau;

adalah dalam keadaan yang amat menyedihkan? Jika ya, nyatakan tindakan

yang akan diambil untuk membaiki keadaan ini.

(3. Is the Hon'ble Chief Minister aware that the bridges:—

(i) beside Keow Nan Chinese Primary School, Jalan Thean Teik;

(ii) behind house No. 606 — 608 at Ayer Itam Road, Mukim 13; and at

(iii) Kampong Hijau;

are in a deplorable state? If so, state what action will be taken to remedy the situation?)

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Mohamad @ Ahmad Radhi Bin Pachee): Jawapan kepada soalan 3, Tuan Speaker, berkenaan dengan titi-titi, yang dimaksudkan ini ialah di Jalan Thean Teik, adalah di bawah penyelenggaraan J.K.R. Rancangan untuk memperbaikinya telah siap sekarang dan tawaran-tawaran untuk memperbaikinya sedang dipelawa.

Titi ini diselenggarakan oleh Pejabat Daerah, Timur Laut. Ini soalan bagi pecahan (ii)

Dan jawapan bagi pecahan (iii), titi ini diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran, Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Tuan Speaker, soalan 4.

4. (i) Adakah Y.A.B Ketua Menteri sedar bahawa pembeli-pembeli rumah di Oriental Garden, Paya Terubong, yang telah menduduki rumah-rumah tersebut selama lapang tahun, setakat ini belum diberi hakmilik sementara dan akibat ini mereka tidak dapat menjual atau mencagar rumah mereka?

(ii) Bilakah permohonan-permohonan dibuat untuk mendapatkan hakmilik sementara untuk lot No. 110, 133, 135 di Mukim 14, N.E.D., Pulau Pinang?

(iii) Bilakah agaknya permohonan-permohonan tersebut akan diluluskan?

(4. (i) Is the Hon'ble Chief Minister aware that purchasers of houses at

at Oriental Garden, Paya Terubong who have occupied these houses for the last eight years to date have not been given qualified titles and this has resulted in their being unable to sell or mortgage their houses?

(ii) When were applications for qualified titles submitted in respect of Lot numbers 110, 113, 135 in Mukim 14, N.E.D., Penang?

(iii) When is the approximate date the applications will be approved?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Tuan Speaker, untuk jawapan bagi soalan 4(i), memang di sedari bahawa rumah-rumah di Rancangan Perumahan Oriental Garden di Paya Terubong telah diduduki selama beberapa tahun, tetapi belum lagi mendapat Hakmilik Sementara.

Pecahan sempadan tanah berkenaan telahpun diluluskan pada tahun 1974 bagi lot 133 dan pada tahun 1975 bagi lot-lot 110 dan 135.

Untuk jawapan soalan 4(ii), sehingga sekarang, tuantanah belum lagi memohon Hakmilik Sementara. Di sini, Tuan Speaker, saya suka menegaskan bahawa permohonan untuk mendapat Hakmilik Sementara adalah hak mutlak kepada tuan-tuan tanah, jadi Kerajaan Negeri tidak boleh memaksakan permohonan tersebut dan dengan hal yang demikian pembeli-pembeli yang tidak berpuas hati hendaklah membuat permintaan mereka terus kepada tuan-tuan tanah berkenaan.

Bagi jawapan pecahan (iii), ini adalah tertakluk kepada jawapan pecahan (ii) di atas yang telah saya jawab. Pertimbangan akan diberi apabila permohonan bagi mendapatkan Hakmilik Sementara dibuat dan diambil tindakan yang sewajarnya.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Soalan

tambahan, Tuan Speakaer. Ahli Exco yang bertanggungjawab samada sedar oleh kerana pemaju-pemaju tidak mahu untuk mendapatkan hak milik tanah pembeli-pembeli rumah swasta meminjam wang dari syarikat-syarikat kewangan dan membayar bunga yang setinggi 15% dan pegawai-pegawai Kerajaan yang boleh dapat pinjaman perumahan daripada Kerajaan dengan bunga 4% sahaja tidak dapat berbuat demikian kerana ada hak milik tanah?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Tuan Speaker, sebenarnya, soalan tambahan itu tidak ada kena mengena dengan soalan yang telah dikemukakan, jadi saya ingat jawapan itu sangat mudah. Kalau pembeli tanah itu tidak puashati dengan Interest Faedah itu, tidak payah bayar. Cari rumah yang lain.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Soalan tambahan, Ahli Exco. yang bertanggungjawab. Adakah Kerajaan Negeri recommend kepada Kerajaan Pusat supaya membuat satu undang-undang di mana jikalau sub-division sudah diluluskan oleh Pejabat Tanah, pemaju-pemaju mesti memohon untuk mendapat hak milik tanah itu?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Tuan Speaker,, sebenarnya saya telah jawab soalan tersebut. Saya telah mengatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak memaksakan tuan tanah untuk membuatkan permohonan oleh sebab permohonan untuk meminta hak milik sementara itu adalah hak mutlak kepada tuan tanah.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Tuan Speaker, soalan 5.

5. (i) Berapakah lamakah masa yang diambil untuk meluluskan pelan-pelan perumahan yang dikemukakan oleh pemaju-pemaju?

(ii) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyegerakan urusan memproseskan pelan-pelan tersebut?

- (5. (i) How long does it take to approve housing plans submitted by developers?
- (ii) What steps have been taken to expedite the processing of these plans?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Anggaran masa yang diambil adalah seperti berikut:—

- (a) Perubahan-perubahan/Pindaan-pindaan — 1 bulan
- (b) Seyunit perumahan/rumah kedai — 1-3 bulan
- (c) Pelan-pelan tataletak untuk kawasan-kawasan perumahan — 3-6 bulan
- (d) Pelan-pelan bangunan untuk kawasan-kawasan perumahan — 1-3 bulan
- (e) Kompleks yang disatukan/bangunan-bangunan perdagangan (bertingkat-tingkat) — 3-6 bulan.

Kepada soalan bahagian (ii), pihak-pihak berkuasa tempatan sedar akan perlunya disegerakan utusan memproseskan pelan-pelan dan jentera pentadbiran selalunya dikaji semula untuk memudahkan tujuan ini. Dai-log juga selalu diadakan untuk kuasa-kuasa tempatan dan badan-badan iktisas yang mewakili Jurukur-jurukur, Perancang-perangan, Juru-tera-jurutera, Akitek-akitek dan pemaju-pemaju untuk membincangkan semua perkara berhubung dengan pengemukakan dan urusan memproseskan pelan-pelan dan kemajuan-kemajuan dalam Negeri Pulau Pinang amnya.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Soalan ke 6.

6. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa beberapa parti politik tertentu telah membantahi pembinaan patung

"Goddess of Mercy" setinggi 130 kaki di Rumah Berhala Kek Lok Si di Ayer Itam? Bolehkah beliau akan memberi satu jaminan yang kategorikal di Dewan yang mulia ini bahawa pembinaan patung tersebut akan dibenarkan berjalan tanpa apa-apa halangan?

- (6. Is the Hon'ble Chief Minister aware that certain political parties have protested against the construction of a 130 ft. statue of the Goddess of Mercy at Ayer Itam Kek Lok Si Temple? Will he give a categorical assurance in this august House that construction of the statue will continue unhampered?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, saya sedar tentang bantahan-bantahan daripada pihak-pihak yang tertentu terhadap pembinaan patung tersebut. Bantahan-bantahan tersebut akan ditimbangkan menurut sifat masing-masing oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, patung Goddess of Mercy yang tingginya 11 tingkat itu telah dicadang untuk didirikan di atas lot-lot 13(i) & 13(ii), Bandar Ayer Itam, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang di tapak Tokong Kek Lok Si dan pelan bangunan (no 16782 (LB) telah diluluskan oleh bekas Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan pada 27hb. Mei, 1976. Kerja telah dibenarkan bermula pada 25hb. Mei, 1977. Tidak ada perubahan kepada kelulusan ini.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Tuan Speaker, soalan ke 7.

7. (i) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan jumlah bilangan attendan-attendant letak kereta yang bekerja dengan Majlis Perbandaran dan gaji yang dibayar kepada mereka?
- (ii) Berapa lamakah struktur gaji mereka tidak dikaji semula? dan
- (iii) Adakah pihak Perbandaran akan mengkaji semula gaji mereka terutama sekali memandangkan bayaran letak kereta telah dinaikkan sejak tahun lalu?

- (7. (i) Can the Hon'ble Chief Minister state the total number of parking attendants employed by the municipality and the salary paid?
- (ii) How long has their salary structure not been reviewed; and
- (iii) Will the Municipality review the salary especially in view of the fact that parking fees have increased since last year?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat [Datuk Teh Ewe Lim]: Tuan Speaker, jumlah bilangan pelatih-pelatih yang diambil kerja setakat ini ialah 275 yang darinya 9 adalah pelatih Tertinggi dan 35 adalah Pelatih Kanan. Elaun-elaun mereka adalah seperti berikut:—

Pelatih-pelatih Tertinggi	— \$120.00 sebulan
Pelatih-pelatih Kanan	— \$90.00 sebulan
Pelatih-pelatih	— \$60.00 sebulan

Majlis telah menyusun semula skim elaun untuk pelatih-pelatih berhubung dengan Skim I (Vokesyenal). Selain dari ini, ianya juga memperkenalkan satu lagi skim yang dikenali sebagai Skim II (Akademik). Kajian semula tersebut telah dijalankan pada awal tahun 1978.

Kepada bahagian (iii), Majlis tidak bercadang menimbangkan sebarang kenaikan elaun-elaun buat masa hadapan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Soalan tambahan. Ahli Exco. yang bertanggungjawab, sebab apa jikalau seorang Parking Attendant tidak bekerja sehari, gajinya dipotong \$7 sungguhpun gaji bulannya adalah \$60 sahaja, atau \$2 sehari? Nyatakan basis dari potongan ini dibuat.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, sungguhpun Yang Berhormat Ahli daripada Datuk Keramat pun telah menjawab soalah-soalan, tetapi ban-

yak soalan-soalan yang ada di sini soalan yang sungguh tanggungjawab Badan-Badan Berkanun dan sebab itu adalah banyak soalan tambahan yang kita di sini tidak ambil bahagian sebab badan serupa Majlis Kerajaan Tempatan mereka ada tanggungjawab mereka dan perkara-perkara ini adalah dibawa di dalam Majlis tersebut.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan tambahan. Saya rasa, Ketua Menteri, wakil berkenaan dengan soalan tambahan mereka. Tetapi hari ini saya ada satu soalan tambahan yang berkenaan dengan tajuk itu iaitu di bawah Akta Pencetakan, nama-nama syarikat dan alamat mesti dicetak di semua borang-borang atau kertas-kertas, tetapi saya memberi bukti hari ini resit letak kereta — ini bersangkutan dengan itu — dan nota pemberitahu tidak dicetak nama syarikat dan alamat. Soalan saya hendak menyoal, mengapa perkara ini telah tidak diambil berkenaan dengan Akta Pencetakan?

Tuan Speaker: Itu soalan lain.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Bolehkah Ahli Exco. yang bertanggungjawab menjawab soalan tambahan saya?

Tuan Speaker: Bagi perkara berapa? 1? 2? 3? Sebutkan perkara soalan tambahan untuk perkara berapa. Semua ada tiga bukan?

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Soalan tiga.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Apa soalan tambahannya? Tidak ada pun. (ketawa)

Dewan ditangguhkan pada jam 11.24 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam

11.48 pagi.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Chin Nyok Soo.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Soalan 8

8. Memandangkan kepada keputusan yang telah dibuat oleh Pesuruhjaya Kehakiman di Ipoh baru-baru ini berkaitan dengan bayaran sercaj yang dikenakan oleh pihak Perbandaran Ipoh, adakah Y.A.B. Ketua Menteri akan menasihatkan pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang supaya jangan mengenakan bayaran sercaj sehingga perkara ini diputuskan dengan mukamad oleh Mahkamah rayuan yang tertinggi di negara ini?
- (8. In view of the ruling made by the Judicial Commissioner in Ipoh recently regarding surcharges imposed by the Ipoh Municipality, would the Hon'ble Chief Minister advise the Penang Municipal Authority to refrain from imposing surcharges until the matter has been fully resolved by the highest court of appeal in our land?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak wajib membayar-balik bayaran-bayaran lebih yang dipungut itu kecuali terdapat perintah tertentu yang dibuat oleh sebuah mahkamah yang berkuasa. Majlis Perbandaran Pulau Pinang sedang menunggu keputusan rayuan oleh Perbandaran Ipoh kepada Mahkamah Persekutuan mengenai keputusan Pesuruhjaya Kehakiman itu. Keadaan sekarang perlulah dikekalkan sementara menantikan hasil rayuan kepada Mahkamah Persekutuan itu.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Soalan 9.

9. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa salah satu daripada lif-lif di rumah pangsa Kampong Melayu telah rosak selama tiga bulan? Adakah beliau akan mengambil langkah-langkah demi menyelesaikan masalah ini kerana ianya sedang memberi kesusahan yang amat sangat kepada penghuni-penghuni di rumah pangsa tersebut?

- (9. Is the Hon'ble Chief Minister aware

that one of the lifts at the Kampong Melayu low-cost flats has been out of order for the last three months? Would he take steps to remedy the situation as it is causing a lot of inconvenience to the residents of the flats concerned?)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Salah satu di rumah pangsa di Kampong Melayu yang rosak telah diperbaiki dan pada masa sekarang boleh berjalan dengan sepenuhnya. Saya adalah terperanjat Ahli Jawatankuasa daripada Kawasan Paya Terubong belum tahu keadaan yang baru itu.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Soalan ke 10.

10. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan samada beliau akan memaksa semua pemaju-pemaju membina tembok-tembok penahan konkrit di tempat-tempat di mana rumah-rumah "split level" di bina supaya mencegah keruntuhan rumah-rumah tersebut yang akan menyebabkan berlakunya tanah runtuh?

(10. Can the Hon'ble Chief Minister state whether he would compel all developers to build concrete retaining walls where split level houses are being erected so as to prevent such houses from collapsing and resulting landslides taking place?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, keperluan mendirikan tembok-tembok penahan lagi rumah-rumah lantai-selalih bergantung kepada beberapa faktor, di antaranya adalah keadaan tanah, rekabentuk rumah-rumah, perbezaan paras segala lantai-lantai dan lain-lain pertimbangan dari segi kejuruteraan. Adalah tidak bijak dan sudah tentu akan meninggalkan kos rumah-rumah, jika cadangan ini digunakan bagi semua rumah-rumah tidak kira samada tembok-tembok penahan itu adalah perlu atau tidak.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Soalan 11.

11. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa dalam manifesto pilihanraya

umum Parti Gerakan tahun 1969, jaminan telah dibuat bahawa siswazah-siswazah dari Nanyang dan Taiwan diambill bekerja dengan Kerajaan Negeri jika sekiranya Parti Gerakan memegang teraju Kerajaan? Jika ya, nyatakan bilangan siswazah-siswazah Nanyang dan Taiwan yang bekerja dengan Kerajaan Negeri sekarang?

(11. Is the Hon'ble Chief Minister aware that the 1969 general elections manifesto of the Gerakan promised that Nanyang and Taiwan graduates would be employed by the State Government should it be returned to power? If so, state the number of Nanyang and Taiwan graduates presently employed by the State Government?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, jawapan saya adalah ya, memang Kerajaan ada mengambil siswazah-siswazah dari Universiti-Universiti Nanyang dan Taiwan. Oleh kerana pengambilan bagi mengisi jawatan-jawatan di Negeri Pulau Pinang adalah di bawah kawalan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, maka calon-calon yang berkelayakan sedemikian bolehlah memohon jawatan-jawatan.

Pada masa sekarang Jabatan-Jabatan Negeri tidak mempunyai kakitangan yang terdiri daripada siswazah-siswazah tersebut.

[III] Ahli Kawasan Kampong Kollam [Encik Ooi Ean Kwong bertanya kepada Ketua Menteri:— Tuan Speaker, soalan 1.

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa pelancung-pelancung yang datang ke Pulau Pinang berada di Pulau Pinang hanya untuk masa yang singkat sahaja? Adakah beliau sedar sebabnya terjadi sedemikian ialah kerana terdapat terlalu sedikit barang-barang yang bebas dari cukai? Jika ya, adakah Kerajaan Negeri akan memberi perakuan kepada Kerajaan Pusat supaya menambahkan bilangan barang-barang yang bebas dari cukai?

(1. Can the Hon'ble Chief Minister state whether he is aware that tourists visiting Penang only stay for a short

period of time? Is he aware that this is so because of the limited number of duty-free goods available? If so, will the State Government recommend to the Federal Government to increase the number of duty-free goods available?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Tuan Speaker, untuk menjawab soalan pertama itu, tempoh masa purata pelancung-pelancung berada di Pulau Pinang adalah didapati memuaskan dan adalah didapati bahawa kebanyakan pelancung-pelancung melawat ke Pulau Pinang bukan saja kerana terdapat penjualan barang-barang tanpa cukai, tetapi adalah kerana iklim, makanan dan juga tepi laut. Sebagaimana yang saya telah menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam masa yang pelancung-pelancung yang ada di Pulau Pinang ialah lebih-kurang 2.3 hari. Dan perkhidmatan penjualan barang-barang tanpa cukai adalah ditinjau oleh Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan Negeri dari masa ke semasa.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan 2.

2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan:—
- (i) Samada Kerajaan Negeri ingin meneruskan dengan pembinaan sebuah padang golf seluas 130 ekar di Bukit Jambul, Pulau Pinang? Jika ya, nyatakan jumlah perbelanjaan yang dianggarkan?
- (ii) Samada beliau bersetuju pembinaan padang golf itu merupakan pembaziran wang awam sedangkan tanah tersebut boleh digunakan untuk membina rumah-rumah berharga rendah lebih-lebih lagi memandangkan kepada hakikat mengenai kekurangan tanah yang rumit di Pulau Pinang?
- (iii) Samada Kerajaan Negeri akan menimbangkan semula keputusannya itu?
- (2. Can the Hon'ble Chief Minister state:—
- (i) Whether the State Government intends to proceed with the building of a golf course with an area of 130 acres in Bukit Jambul, Penang? If so, state the

estimated cost involved.

- (ii) whether he agrees that the building of the golf course is a waste of public funds as the land may be utilised for low-cost housing and especially so in view of the acute shortage of land in Penang?
- (iii) whether the State Government will reconsider its decision?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, Kerajaan Negeri ini tidak membina padang golf di Bukit Jambul. Sungguhnya sebuah padang golf yang meliputi lebih-kurang 130 ekar di kawasan Bukit Jambul sedang dirancang dan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada pembangunan keseluruhan untuk Bandar Bayan Baru. Sungguhpun inisiatif telah diambil oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, tetapi pembangunan padang golf akan menjadi tanggungjawab sebuah Perbadanan Kelab Golf yang berasingan. Seperti yang telah dinyatakan, polisi Kerajaan bagi pembangunan Bandar Bayan Baru adalah mengikut polisi yang telah diisytiharkan oleh Kerajaan untuk memperindustrikan dan memperbandarkan desa, serta memperluas dan memperbagaikan asas agro-horticulture kita sejajar dengan pembaharuan bandar di Negeri Pulau Pinang. Selaras dengan polisi ini, rancangan untuk Bandar Bayan Baru ialah supaya mempunyai pembangunan yang pelbagai corak dan seimbang untuk perumahan, perdagangan, sivik, rekreasi dan pembangunan kilang-kilang. Di samping itu, kehendak-kehendak Negeri ini pada keseluruhannya harus juga diambil kira terutamanya apabila menyediakan kemudahan-kemudahan untuk rekreasi dan sukan. Seajar dengan rancangan inilah maka sebuah padang golf sedang dicadangkan di kawasan ini dan padang golf ini akan berfaedah kepada Pulau Pinang khususnya, dan Malaysia amnya.

Dalam rancangan perumahan bagi Bukit Jambul, kehendak-kehendak

pekerja-pekerja Kerajaan dan pekerja-pekerja awam lain akan juga dipertimbangkan agar kakitangan-kakitangan yang telah berkhidmat dengan Kerajaan dan masyarakat dengan penuh taat dan dedikasi boleh dibantu mempunyai rumah sendiri.

Jawapan saya kepada bahagian (ii) di dalam soalan ialah sebagaimana yang telah dirancang, pembangunan padang golf ini tidak menggunakan wang awam. Adalah tidak betul bagi mengatakan bahawa wang yang boleh digunakan untuk rancangan-rancangan pembangunan yang lain seperti perumahan rumah murah, digunakan untuk tujuan pembangunan padang golf tersebut. Harulah diterangkan di sini, bagi sebilangan besar rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di Negeri ini, sumber-sumber kewangan adalah seboleh-bolehnya didapati daripada sumber-sumber yang lain, terutamanya daripada institusi kewangan swasta seperti bank-bank dan bank-bank perdagangan. Sumber-sumber kewangan tersebut bagi projek-projek ini tidak sekali-kali diperolehi daripada wang awam yang diperuntukkan untuk projek-projek sosial ekonomi seperti rancangan-rancangan perumahan murah.

Dan jawapan saya bagi bahagian (iii) ialah, Kerajaan Negeri adalah berpuashati dengan pembangunan padang golf itu bersesuaian dengan konsep keseluruhan rancangan pembangunan bagi Negeri ini bagi menjamin Negeri ini akan mempunyai persediaan yang cukup bagi menghadapi cabaran-cabaran pada masa akan datang. Segenap lapisan masyarakat akan berpeluang mendapat faedah daripada kemajuan yang dicapai setakat ini. Semua rancangan-rancangan pembangunan dalam Negeri ini adalah dipertimbangkan dan dirancang dengan teliti sebelum

ianya dilaksanakan. Projek-projek ini sentiasa dikaji semula dan ditaksirakan setiap masa.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan 3.

3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan jumlah perbelanjaan yang terlibat dalam menghantarkan satu rombongan untuk menyertai Pamiran Perdagangan Medan Tahun 1979? Apakah hasil yang diperolehi khususnya dalam ertinya pelancungan dan perdagangan?
- (3. Can the Hon'ble Chief Minister state the total expenditure involved in sending a delegation to the Medan Fair, 1979? What benefits have been derived as far as tourism and trade are concerned?)

Ahli Kawasan Bertam (Encik Abdul Rahman Bin Haji Abbas): Tuan Speaker, ini adalah jawapan bagi soalan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kampong Kolam.

Perbelanjaan yang terlibat dalam menghantar rombongan untuk menyertai Pamiran Perdagangan Medan pada tahun 1979 ialah sebanyak \$14,210.00. Sejak penyertaan Negeri Pulau Pinang iaitu mulai pada tahun 1977, sebanyak 56 buah firma tempatan telah mempamerkan barang-barang hasil mereka di Pavilion Pulau Pinang sendiri yang telah dibina di dalam Kawasan Medan Fair atau pun Pamiran Medan. Melalui pamiran-pamiran tersebut banyak sekali pekilang-pekilang telah dapat memperkenalkan barang-barang buatannya masing-masing di daerah khususnya di Sumatera Utara. Selain dari itu banyak juga hubungan-hubungan yang rapat di antara firma-firma itu dengan firma-firma di Medan.

Dari segi pelancungan, dengan menyertai Medan Fair juga, Pulau Pinang telah berjaya sedikit-sebanyak menarik pelancung-pelancung ke Pulau Pinang. Selain daripada itu, dengan tujuan untuk menarik pelancung-pelancung juga, kita juga telah

membawa filem-filem mengenai hal-hal yang ada sangkut-pautnya dengan Pulau Pinang, selain daripada pasukan kebudayaan dan sebagainya.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Bolehkah bilang berapa orang dalam rombongan itu dan bagaimana Kerajaan memilih wakil rombongan itu?

Ahli Kawasan Bertam (Encik Abdul Rahman Bin Haji Abbas): Tuan Speaker, itu adalah soalan baru. Terima kasih.

Ahli Kawasan Kampong (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan 4.

4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan:-

(i) nama negara-negara yang dilawati semasa lawatannya ke luar negeri selama enam minggu baru-baru ini?

(ii) jumlah perbelanjaan yang terlibat?

(iii) sebab-sebab mengapa negara-negara Amerika Selatan dimasukkan ke dalam jadual lawatannya itu?

(4. Can the Hon'ble Chief Minister state:—

(i) the countries he visited during his recent 6-week foreign tour?

(ii) the total expenditure involved?

(iii) why South American countries were included in his itinerary?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, negara-negara yang dilawati oleh saya ialah Amerika Syarikat, Venezuela, Brazil, United Kingdom, Germany, Perancis, Luxembourg, Sri Lanka dan Thailand.

Akaun-akaunnya atau perbelanjaan belum lagi dibereskan.

Jawapan soalan bahagian (iii) Venezuela dan Brazil telah dimasukkan ke dalam acara lawatan saya atas jemputan wakil-wakil dari Kerajaan-Kerajaan Brazil dan Venezuela dan lawatan tersebut adalah juga bertujuan untuk meneliti pembangunan

ekonomi negara-negara itu serta mengkaji kemungkinan mempereratkan lagi perhubungan perdagangan di antara negara-negara tersebut dengan Pulau Pinang, terutamanya berhubung dengan potensi-potensi pemasaan dan usahasama-usahasama.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan ke 5.

5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa jambatan-jambatan "overhead" perlu dibina di tempat-tempat yang berikut:—

(i) Bertentangan dengan Pasar Chowrasta di Jalan Penang;

(ii) Bertentangan dengan pasar Jalan Kuantan;

(iii) Di sepanjang Green Lane di antara simpang Jalan Hamilton dengan simpang Jalan Yeap Chor Ee?

Jika sedar, bilakah pembinaan jambatan-jambatan "overhead" itu akan bermula dan jumlah perbelanjaan yang terlibat?

(5. Can the Hon'ble Chief Minister state whether he is aware that overhead bridges need to be built at the following places:—

(i) opposite the Chowrasta market in Penang Road;

(ii) opposite the market in Kuantan Road;

(iii) along Green Lane between Hamilton Road junction and the Yeap Chor Ee Road junction.

If so, when will the said bridges be built and what is the cost involved?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, ada beberapa faktor yang harus diambil kira dalam menentukan samada jejantas-jejantas boleh atau patut dibina di tempat-tempat yang tersebut di dalam soalan itu.

Adalah difikirkan tidak mungkin dibina sebuah jejantas di hadapan Pasar Chowrasta, Penang Road itu atas sebab-sebab keselamatan dan

ketiadaan tempat. Lagipun, satu lintasan pejalan kaki ada tersedia di simpang Lebuh Kimberley dan Penang Road tidak jauh dari pasar Chowrasta.

Ketiadaan tempat juga merupakan salah satu sebab mengapa sebuah jejantas tidak mungkin dibina di hadapan pasar Jalan Kuantan. Satu lagi sebab ialah pembahagi jalan telah disediakan di tengah-tengah Jalan Datuk Keramat yang boleh digunakan oleh pejalan-pejalan kaki semasa melintas jalan. Kerajaan telah pun menandakan Green Lane untuk pelebaran jalan dan sehingga susunan rancangannya selesai, pertimbangan bagi pembinaan sebuah jejantas di bahagian jalan ini terpaksa ditangguhkan.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan ke 6.

6. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan jumlah wang yang dipungut dari pemaju-pemaju sebagai bayaran untuk ruang letak kereta bagi tahun 1970, 1971, 1972, 1973, 1974, 1975, 1976, 1977, 1978 dan sehingga 30.4.1979?
- (6. Can the Hon'ble Chief Minister state the total cess collected from developers for parking space for the years 1970, 1971, 1972, 1973, 1974, 1975, 1976, 1977, 1978 and up to 30.4.1979?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim):

Tahun	Ruang-ruang yang diresap
1970	\$6,080
1971	\$4,560
1972	\$4,080
1973	\$3,980
1974	\$6,880
1975	\$8,620
1976	\$15,440
1977	\$20,860
1978	\$28,440
1.1.1979 sehingga 30.4.1979	\$18,040

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan 7.

7. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa penjaja-penjaja mengambil sehari suntuk untuk membaharui lesen-lesen mereka kerana bayaran lesen-lesen penjaja dan pemeriksaan perubahan dilakukan di dua pusat berasingan? Adakah beliau akan menimbang untuk menempatkan kedua-dua pusat berkenaan dibawah bumbung yang sama supaya dapat mengurangkan kesulitan yang berlaku ke atas penjaja-penjaja itu?
- (7. Can the Hon'ble Chief Minister state whether he is aware that it takes a whole day for hawkers to renew their licences because the payment of these licences and the medical examination are carried in two different places? Will he consider putting the two centres under the same roof so as to reduce the inconvenience to hawkers?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, ya. Masaalah ini dapat diselesaikan tidak lama lagi, apabila Jabatan Kesihatan mendapat ruang tambahan di Peringkat 1B KOMTAR, dan Bahagian Perubatan akan dipindahkan dari Dewan Bandaraya Ke KOMTAR.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Bolehkah wakil Datuk Keramat bilangkan berapa ribu penjaja-penjaja terlibat dalam masaalah itu?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Itu sudah jadi soalan lain.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan 8.

8. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa 20 buah gerai yang dibina oleh Kerajaan Negeri di Jalan Pondok Upeh, Balik Pulau, dirobuhkan oleh pihak yang berkenaan dan nyatakan amaun wang yang terlibat dalam membina gerai-gerai tersebut?
- (8. Can the Hon'ble Chief Minister state

the reasons why 20 stalls built by the State Government at Jalan Pondok Upeh, Balik Pulau were demolished by the authorities and state the cost involved in erecting the stalls?)

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Mohamad @ Ahmad Radhi Bin Pachee): Tuan Speaker, jawapan untuk soalan 8 berkenaan dengan gerai di Pondok Upeh, dua puluh gerai yang sedang dibina oleh Kerajaan Negeri itu dihentikan kerana perlu dipindah ke tapak lain. Tapak yang baru di kawasan yang sama sedang ditimbangkan.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Bolehkah wakil atau Kerajaan memastikan masaalah ini tidak ditimbulkan pada masa depan?

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Mohamad @ Ahmad Radhi Bin Pachee): Jaminan 100% tidak dapat diberi, tetapi pandangan Yang Berhormat saya ambil perhatian.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan 9.

9. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat kekurangan pekerja-pekerja di Jabatan Kesihatan Perbandaran dan ini menyebabkan parit-parit tersumbat dan sampah sarap tidak dipungut dengan sempurna? Jika ya, nyatakan samada tindakan serta merta akan dijalankan untuk mengambil lebih ramai lagi pekerja-pekerja untuk mengatasi keadaan ini?

(9. Can the Hon'ble Chief Minister state whether he is aware of the shortage of staff in the Health Department of the Municipal Council and this is causing the blocked drains due to the unsatisfactory collection of refuse? If so, state whether any immediate action will be taken to recruit more personnel to remedy the situation?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, jawapan saya, ya. Majlis Perbanda-

ran Pulau Pinang sedang di dalam proses untuk mengambil seramai 95 orang buruh tambahan untuk menampung kehendak-kehendak yang disediakan oleh kemajuan perumahan yang semakin pesat.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Pada fikiran saya, didapati sekurang-kurangnya beribu-ribu pekerja dan bukan sedikit sahaja. Sila pastikan masaalah ini.

Tuan Speaker: Telah pun diberi jawapan seramai 95 orang akan diambil pada peringkat pertama sahaja. Kalau tidak cukup boleh ambil lagi.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan ke 10.

10. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan hasil siasatan yang dijalankan ke atas keruntuhan enam buah rumah di sepanjang Perak Close? Adakah benar rumah-rumah tersebut runtuh akibat terlalu sedikit simen di gunakan untuk membina parit di situ? Adakah gantirugi akan dibayar oleh Kerajaan kepada orang-orang yang terlibat?

(10. Can the Hon'ble Chief Minister state the result of investigations made into the collapse of six houses along Perak Close? Is it true that the houses collapsed because insufficient cement was used to build the drains in the area? Will the Government pay any compensation to the people involved?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, siasatan telah dijalankan terhadap pembetung yang runtuh di Solok Perak dan didapati bahawa keruntuhan itu disebabkan oleh tekanan hidrostatik (**hydrostatic pressure**) yang terlalu kuat di dalam tembok-tembok parit yang disebabkan oleh 'weep-holes' yang tersumbat. Tidaklah benar bahawa keruntuhan itu disebabkan oleh mutu konkrit yang kurang baik kerana sebenarnya kont-

raktor telah mengalami kesukaran memecahkan baki konkrit itu. Sejak itu Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah mengambil langkah untuk membina semula pembetung itu.

Semua gantirugi telah dibayar oleh M/S Teoh Guan Kok, iaitu pemilik tanah.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Soalan itu ialah benarkah ada dua pihak jurutera, seorang jurutera ada berkata keruntuhan rumah itu adalah berkenaan dengan **piling work** yang dijalankan di seberang jalan itu, dan yang kedua mengatakan sebab ada salah **design** atau dalam bahasa Inggeris dikatakan **converted design** dan **block design**. Itu salah **design**. Konkrit dindingnya satu kaki, tetapi dindingnya pada masa itu konkritnya enam inci sahaja, dan simennya yang tidak cukup. Adakah Kerajaan mengambil siasatan atau mengambil tindakan berkenaan masaalah itu. Yang kedua, benarkah Kerajaan akan membelanjai \$237,000 untuk memperbaiki parit-parit itu? Dan yang ketiga, adakah papasan akan diberikan kepada penghuni-penghuni ini?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, saya ingat itu **opinion** Yang Berhormat Kawasan Kampong Kolam sahaja, sebab beliau tumpukan satu fikiran sahaja.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Tetapi soalan kedua belum dijawab berkenaan dengan benarkah \$237,000 telah dibelanjakan.

Tuan Speaker: Itu sudah diberi jawapan iaitu itu cuma sebagai pendapat Yang Berhormat sahaja.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan ke 11.

11. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat beberapa orang pemaju yang telah mula membina rumah-rumah sebelum pelan-pelan diluluskan oleh pihak yang berkenaan?

(11. Can the Hon'ble Chief Minister state whether he is aware that some developers begin their housing schemes before their plans have been approved by the appropriate authority?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, Pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai tidak mempunyai rekod tentang pemaju-pemaju perumahan yang telah mendirikan rumah-rumah sebelum pelan-pelan bangunan mereka diluluskan, tetapi pihak Majlis akan mengambil tindakan terhadap rumah-rumah haram sedemikian, sekiranya kes-kes seumpama itu berbangkit mengikut peruntukan-peruntukan Ordinan Perbandaran.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Ooi Ean Kwong): Soalan tambahan, Tuan Speaker. berkenaan dengan tindakan yang diambil, bolehkah bilang kepada kita adakah tindakan telah diambil oleh Kerajaan berkenaan dengan pemaju-pemaju yang tidak mengadakan pelan-pelan yang diluluskan?

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, saya ingat jawapan sudah terang. Tidak ada rekod.

(IV) **Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim)** bertanya kepada Ketua Menteri: Tuan Speaker, soalan 1.

1. (i) Bagaimanakah caranya borang-borang permohonan untuk mendapatkan lot-lot perumahan di Kampong Baru Juru, Berapit, Machang Bubuk dan Permatang Tinggi diproseskan, dan berapa lamakah masa yang diambil untuk memproseskan permohonan-permohonan seumpama ini?

(ii) Adakah beliau sedar yang lot-lot

perumahan di kampung-kampung baru ini telah diberikan kepada orang-orang kaya yang tidak patut menerimanya kerana mereka telahpun memiliki rumah dan tanah, dan akibat ini orang-orang yang miskin dan benar-benar memerlukan lot rumah dinafikan lot rumah? Jika beliau sedar, apakah langkah-langkah yang beliau ingin ambil untuk menentukan yang lot-lot perumahan hanya akan diberikan kepada orang-orang yang tidak bertanah dan benar-benar memerlukan-nya?

- (1. (i) How are the application forms for housing lots in Juru New Village, Berapit, Machang Bubuk and Permatang Tinggi processed and how long will it take for such applications to be processed?
- (ii) Is he aware that housing lots in these new villages have been given to the rich people who by right could not get them as they already own houses and land and that as a result of this the poor people who are really in need of housing lots have been deprived of them? If so, what are the steps which he intends to take to ensure that housing lots will only be given to those who do not own land and who are really in need of them?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Tuan Speaker, semua borang-borang permohonan adalah diproseskan oleh pejabat-pejabat Tanah Daerah dan pemohon-pemohon dipanggil untuk ditemuduga dan memberi butir-butir latarbelakang, milik harta dan sebagainya. Setelah permohonan-permohonan diproseskan, perakuan untuk pertimbangan adalah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan jangka masa yang diambil untuk memproses permohonan adalah dari 5 hingga 9 bulan. Dan satu daripada sebab-sebab kelambatan adalah pemohon tidak dapat dihubungi dan tidak datang untuk ditemuduga.

Untuk menjawab soalan 1(ii), jawapannya ialah tidak, kedudukan ini tidak timbul kerana permohonan-permohonan adalah disiasat dan tanah-

tanah adalah diberi kepada mereka yang tidak bertanah dan memerlukan-nya.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim): Tuan Speaker, soalan ke 2.

2. Adakah beliau sedar yang sistem parit di kampung-kampung Berapit, Machang Bubuk, Permatang Tinggi dan Juru kini sedang berada dalam keadaan yang menyedihkan lebih-lebih lagi dalam musim hujan? Jika beliau sedar, apakah tindakan yang beliau ingin ambil untuk memperbaiki keadaan ini?
- (2. Is he aware that the drainage system at Berapit, Machang Bubuk, Permatang Tinggi and Juru Village are at present in a very bad state especially during the rainy season? If so, what action would he take to improve this situation?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menentukan bahawa parit-parit di kawasan-kawasan perkampungan baru dicuci dan diberishkan daripada sampah-sarap dan perintang.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim): Soalan ke 3.

3. Adakah beliau sedar bahawa jalan-jalan yang tidak bertar di Kampung Huma, Kampong Aston, Kampong Cross Street, Kampong Baru dan Kampong Sungai Rambai di Bukit Mertajam berada dalam keadaan buruk? Jika ya, apakah tindakan-tindakah yang beliau ingin ambil untuk mengelakkan jalan-jalan untuk berkenaan untuk kegunaan penduduk-penduduk di kampung-kampung tersebut?
- (3. Is he aware that the unmetalled roads in Kampong Huma, Kampong Aston, Kampong Cross Street, Kampong Baru and Kampong Sungai Rambai in Bukit Mertajam are in a bad state of disrepair? If so, what action would he take to improve the roads in question for the use of the residents in the said villages?)

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Mohamad @ Ahmad Rahdi Bin

Pachee): Tuan Speaker, jawapan kepada soalan ke 3 ialah Kerajaan sedar bahawa terdapat jalan-jalan kampung di seluruh Negeri ini yang perlu diselenggarakan dari masa ke semasa. Oleh yang demikian, suatu Program Penyelenggaraan Jalan-Jalan Kampung telah diwujudkan di bawah kelolaan Pejabat-Pejabat Daerah. Untuk tahun 1979 ini, peruntukan sebanyak \$300,000 telah disediakan dan pelaksanaan projek akan ditentukan mengikut keutamaan. Kerja-kerja penyelenggaraan berkenaan akan dijalankan oleh Pejabat-Pejabat Daerah. Tiap-tiap daerah dibekalkan satu unit alat-alat jentera mengandungi jentera-jentera berikut:—

- (1) Tractor Grader
- (2) Tipping trailer
- (3) Vibrator Roller; dan
- (4) Roller trailer, dan sebagainya.

Tiap-tiap satu unit diselenggarakan oleh seorang Juruteknik Rendah, 2 orang pemandu, 2 hingga 3 orang Buruh Am. Unit tambahan Pejabat Kemajuan Negeri ditempatkan di Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah.

Jalan-jalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Kampong Kolam itu akan diselenggarakan tidak lama lagi.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim): Tuan Speaker, soalan ke 4.

4. Adakah beliau sedar bahawa pekerja-pekerja yang mengangkat najis di kampung-kampung Baru Cross Street, Sungai Rambai dan juga di lain-lain kampung baru dalam daerah Bukit Mertajam membuang najis itu ke dalam sebarang parit dan bukan di tempat-tempat yang sesuai, dan juga bahawa baldi yang kotor ditinggalkan di hadapan rumah-rumah di kampung-kampung baru yang berkenaan itu? Jika ya, apakah tindakan yang beliau ingin ambil untuk menghentikan perbuatan-perbuatan yang kurang sihat ini?

- (4. Is he aware that the workers collecting night soil in Kampong Baru Cross Street, Sungai Rambai, and also in other new villages in the Bukit Mertajam District throw the night soil into any drain and not at the proper place and that the dirty buckets are left in front of the houses in the new aforesaid villages? If so, what action does he intend to take to stop this unhealthy practice?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, berkenaan kampung-kampung baru yang sedang mendapat perkhidmatan pengangkutan najis daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai, Majlis Perbandaran sentiasa memastikan supaya najis dibuang menurut kehendak-kehendak Majlis. Tetapi terdapat sebilangan kampung-kampung yang tidak mempunyai perkhidmatan mengangkut najis tetapi diberi perkhidmatan oleh kontraktor-kontraktor **private** yang diupahkan oleh penduduk-penduduk yang berkenaan. Perkhidmatan seperti ini biasanya tidak memuaskan kerana ianya bukan di bawah penyeliaan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Dalam kampung-kampung ini Majlis Perbandaran Seberang Perai akan mengambil tindakan untuk memastikan bahawa najis dibuang dengan sempurna.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim): Tuan Speaker, soalan ke 5.

5. Adakah beliau sedar bahawa sudah menjadi pandangan biasa untuk melihat sampah sarap dibiarkan bertimbun di kampung-kampung dan juga di lain-lain tempat di daerah Bukit Mertajam dan bahawa sampah-sarap yang bertimbun ini hanya dipungut atau dibakar setelah aduan dibuat kepada pihak yang berkenaan? Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk menentukan yang kesihatan penduduk-penduduk tidak akan terancam dan supaya pemungutan sampah-sarap akan berjalan dengan teratur?
- (5. Is he aware that it is a common sight to see rubbish being left in heaps in kampongs and also in other places in Bukit Mertajam District and that

these rubbish heaps are only collected or burnt after complaints are made to the authorities concerned? If so, what action does he intend to take to ensure that the residents' health is not threatened and also that the collection of refuse is done in a proper manner?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, dengan pembelian kenderaan-kenderaan tambahan untuk mengangkut sampah, Majlis Perbandaran Seberang Perai akan lebih berupaya memastikan bahawa sampah dipungut tiap-tiap hari. Ada kemungkinan bahawa di kawasan-kawasan kampung yang terpencil sampah-sarap perlu dikumpulkan di sesuatu tempat sebelum kenderaan Majlis Perbandaran dapat mengangkutnya dalam masa yang biasa.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim): Soalan ke 6.

6. Adakah Kerajaan Negeri ingin membina sebuah pasar baru di Bukit Mertajam memandangkan pasar yang wujud sekarang yang telah dibina bertahun-tahun dahulu adalah terlalu kecil dan sesak untuk memenuhi keperluan penduduk-penduduk yang telah bertambah beberapa kali ganda di bandar tersebut? Jika ya, bilakah pasar baru itu akan dibina dan jika tidak, apakah sebabnya?

(6. Does the State Government intend to build a new market in Bukit Mertajam in view of the fact that the existing market which was built a number of years ago is too small and congested to cater for the needs of the residents as the number of residents in the said town has increased manifold? If so, when will the new market be built and if not, why?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, adalah menjadi dasar Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk mengadakan pasar-pasar kecil di daerah Seberang Perai Tengah. Majlis Perbandaran sedang mengkaji soal tapak yang sesuai serta kewangan untuk melaksanakan dasar ini.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Kun Khim): Soalan ke 7.

7. Adakah Kerajaan bercadang hendak membina rumah-rumah berharga rendah di kampung-kampung baru Juru dan Machang Bubuk, memandangkan kepada hakikat terdapat keperluan perumahan di kampung-kampung baru tersebut? Jika ya, berapakah jumlah unit yang akan dibina dan bilakah ianya akan mula dibina, dan jika tidak mengapa?

(7. Does the State Government intend to build low-cost houses in the Juru and Machang Bubuk New Villages in view of the fact that there is need for housing in the said new villages? If so, how many units will be built and when will the building work commence and if not, why?)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sedang mengkaji kemungkinan membina 63, unit rumah papan berasingan atau **raised floor attached wooden houses** di Kampong Baru Juru. Rancangan ini telah disempurnakan dan keputusan mengenai projek yang dicadangkan itu akan diambil tidak lama kemudian. Satakat ini Kerajaan tidak mempunyai apa-apa cadangan untuk memulakan apa-apa skim perumahan di kampung Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim): Soalan ke 8.

8. Adakah benar yang Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Pekan Bukit Mertajam tidak dipersilakan hadir ke mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah akibat arahan dari Pejabat Ketua Menteri? Jika tidak, mengapakah beliau tidak dijemput untuk menghadiri mesyuarat jawatankuasa tersebut?

(8. Is it true that the State Legislative Assembly Member for Pekan Bukit Mertajam was not invited to attend the District Action Committee meeting as a result of a directive from the Chief Minister's Office? If not, why is it he was not invited to attend the said meeting?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker,

Jawatankuasa Tindakan Daerah adalah salah satu jentera pentadbiran Kerajaan di peringkat Daerah. Saya sedar bahawa Ahli Yang Berhormat itu telah tidak dijemput untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah itu kerana beliau bukan seorang ahli Jawatankuasa Tindakan Daerah.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim): Tuan Speaker, soalan ke 9.

9. Adakah beliau sedar bahawa pasar yang sedia ada di Nibong Tebal yang mana telah dibina beberapa tahun dahulu itu adalah terlalu kecil dan sesak dan tidak dapat menampung keperluan bilangan penduduk di bandar tersebut yang telah bertambah? Jika ya, adakah sebuah pasar yang baru akan dibina dan jika tidak, mengapa?

(9. Is he aware that the existing market in Nibong Tebal which was built a number of years ago is too small and congested and cannot cater for the needs of the residents as the number of residents in the said town has increased? If so, will a new market be built and if not, why?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang mengkaji cadangan untuk mendapatkan tapak yang sesuai untuk diadakan sebuah pasar baru di Nibong Tebal.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim): Soalan ke 10.

10. Adakah beliau sedar bahawa pasar yang sedia ada di Sungai Bakap dan Simpang Empat itu dimiliki secara persendirian dan bahawa kedua-dua pasar ini adalah terlalu kecil dan lama untuk digunakan? Jika ya, adakah Kerajaan Negeri bercadang hendak membina pasar yang baru di kedua-dua bandar tersebut dan jika tidak, mengapa?

(10. Is he aware that the existing markets in Sungai Bakap and Simpang Empat are privately owned and that both these markets are too small and old to be used? If so, does the State Government intend to build a new market in both the said towns and if not, why?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, cadangan mengadakan pasar-pasar awam sebagai tambahan kepada pasar-pasar persendirian di Sungai Bakap dan Simpang Empat sedang dipertimbangkan oleh Majlis perbandaran Seberang Perai.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim): Soalan ke 11.

11. (i) Adakah beliau sedar bahawa kerja pembinaan rumah-rumah berharga rendah yang belum selesai dibina di Kampong Baru, Permatang Tinggi dan di Nibong Tebal itu telah terhenti?

(ii) Adakah beliau bersetuju bahawa kelambatan seumpama ini akan menyebabkan harga rumah-rumah berharga rendah melambung naik?

(iii) Bilakah kerja pembinaan itu akan disambung semula?

(iv) Berapakah harga yang dianggarkan bagi setiap unit rumah berharga rendah itu apabila ianya siap dibina kelak?

(11. (i) Is he aware that construction work in respect of low-cost houses in Kampong Baru, Permatang Tinggi and Nibong Tebal has stopped?

(ii) Does he agree that such a delay will cause the price of low-cost houses to rise?

(iii) When will the said construction work recommence?

(iv) What is the estimated cost per unit of the low-cost houses when completed?)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Speaker, kelewatan dalam projek-projek perumahan murah di Permatang Tinggi, Kampong Baru Valdor, Jawi Nibong Tebal, Peringkat I dan II dan Bukit Panchor adalah kerana beberapa sebab seperti kekurangan bahan-bahan pembinaan. Tetapi kerja-kerja pembinaan masih diteruskan. Kontraktor-kontraktor yang berkenaan telah diikat oleh kontrak-kontrak dan kerana itu harga rumah itu tidak akan bertambah. Kerja-kerja dalam projek-projek ini sebenarnya tidak berhenti.

Kemajuan adalah lambat kerana sebab-sebab yang tersebut di atas. Apabila disiapkan, unit-unit ini akan dijual dengan harga di antara \$10,000 hingga \$15,000. Penetapan harga terakhir hanya boleh dibuat setelah kerja-kerja pembinaan dan penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur telah disempurnakan.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim): Soalan ke 12.

12. Tolong berikan angka-angka berkaitan dengan perbelanjaan dan pendapatan pusat "pig multiplication" di Juru sejak pusat tersebut dibina hingga 31.12.1978. Tolong berikan angka-angka mengikut tahun.

(12. Please give figures in regard to the expenses and income of the pig multiplication centre in Juru since the opening of the said centre up to 31.12.1978. Please give the figures according to years?)

Ahli Kawasan Bertam (Encik Abdul Rahman Bin Haji Abbas): Tuan Speaker, ini adalah jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat Kawasan Bukit Mertajam. Saya akan perturunkan di sini dari tahun 1969 hingga 1978. Saya akan sebut pendapatan dahulu kemudian perbelanjaan.

Tahun	Pendapatan (Jualan Babi)	Perbelanjaan (Makanan Babi)
1969	\$ 1,313.20	\$ 4,147.50
1970	2,985.88	3,017.30
1971	4,319.45	7,381.10
1972	1,945.72	18,812.45
1973	24,683.50	33,130.30
1974	108,472.70	119,157.25
1975	172,690.31	184,154.60
1976	112,819.10	173,443.00
1977	195,423.70	173,312.90
1978	133,233.11	95,395.00

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim): Soalan ke 13.

13. Apakah langkah-langkah berkesan yang telah diambil untuk menentukan yang Sungai Juru tidak akan dicemarkan di masa hadapan dan adakah Kerajaan Negeri boleh menjamin yang sungai tersebut tidak akan dicemarkan akibat pembuangan perusahaan di masa hadapan?

(13. What effective measures have been taken to ensure that the Juru River will not be polluted in future and can the State Government guarantee that the said river will not be polluted as a result of industrial wastes in future?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, menurut siasatan yang telah dijalankan, pencemaran Sungai Juru adalah disebabkan pembuangan dari pembetungan dari Bukit Mertajam, kekotoran dari kandang-kandang ternakan binatang dan juga kekotoran dari industri-industri. Pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang mengambil tindakan untuk melaksanakan satu sistem pembetungan keseluruhan yang sempurna bagi Bukit Mertajam dan keluaran kekotoran dari kandang-kandang ternakan binatang juga akan terkawal. Berkenaan dengan pencemaran yang terbit dari industri-industri pula, Majlis Perbandaran senantiasia mengawasi pembuangan-pembuangan dari kilang-kilang dan setiap kes yang serius adalah dirujuk kepada Kementerian Alam Sekitar dan Jawatankuasa Pencemaran Alam untuk tindakan sewajarnya.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim): Soalan ke 14.

14. Berapakah jumlah pegawai-pegawai negeri yang telah berkhidmat di jabatan yang sama selama lebih dari 10 tahun dan adakah Kerajaan Negeri akan menimbang untuk menukarkan mereka ke jabatan-jabatan lain sebagai langkah-langkah mencegah rasuah?

(14. How many State Officers have been serving in the same department for more than 10 years and will the State Government consider transferring them to other departments as a means of preventing corruption?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, jumlah pegawai-pegawai Negeri yang telah berkhidmat di jabatan yang sama lebih daripada 10 tahun ialah 15. Kerajaan Negeri sentiasa menukarkan pegawai-pegawai dari sebuah jabatan ke sebuah jabatan yang lain dari masa ke semasa demi kepentingan perkhidmatan dan kesesuaian seseorang pegawai untuk sesuatu pejabat yang tertentu. 15 orang pegawai yang berkenaan itu telah tidak ditukarkan kerana mereka menyangdang jawatan sebagai Ketua Jabatan ataupun menjalankan tugas-tugas yang khusus di jabatan-jabatan yang berkenaan.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim): Soalan ke 15.

15. Adakah beliau sedar bahawa adalah di luar kemampuan orang-orang miskin dan yang memerlukan rumah untuk membeli rumah-rumah yang dibina oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang kerana harga rumah-rumah yang dibina oleh Perbadanan tersebut adalah sama kalau tidak lebih daripada harga rumah-rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta? Jika ya, adakah Kerajaan Negeri menimbang untuk membina rumah-rumah yang benar-benar berharga rendah?

(15. Is he aware it is beyond the means of the poor people who are in need of houses to purchase houses built by the Penang Development Corporation as cost of houses built by the said Corporation is the same if not more than that of houses built by private developers? If so, does the State Government intend to consider building really genuine low-cost houses?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, kandungan kenyataan dalam soalan Ahli daripada Bukit Mertajam tidaklah betul.

Rumah-rumah yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang kebanyakannya dijual jauh kurang daripada nilai pasarannya. Umpamanya, rumah berderet penelex yang telah dijual dengan harga

\$19,500 seunit mempunyai harga pasaran di antara \$28,000 — \$35,000. Sebenarnya, nilai rasmi oleh Jabatan Penilaian untuk tujuan cukai setem ialah \$32,000. Unit-unit klaster yang berharga lebih-kurang \$13,500 juga mempunyai nilai pasaran di antara \$18,000 — \$25,000 seunit.

Selanjutnya, harga jualan sebenar rumah-rumah yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang adalah lebih rendah daripada harga-harga yang dikenakan oleh sektor swasta untuk jenis rumah yang sama.

Berkenaan dengan kenyataan rumah-rumah yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang adalah diluar kemampuan orang-orang miskin, seseorang haruslah berhati-hati apabila menafsirkan makna miskin. Seseorang itu harus juga bersifat realistik apabila cuba menganggap bahawa setiap individu di dalam sesuatu masyarakat berkemampuan untuk membeli sebuah rumah.

Sebagai polisi, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah memutuskan sekurang-kurangnya 30% daripada rancangan perumahannya adalah berharga di bawah \$20,000 sebab ianya mestilah memenuhi kekurangan perumahan bagi semua peringkat pendapatan. Objektif Dasar Ekonomi Baru hendak membetulkan keadaan ketidak-seimbangan ekonomi dan penyusunan semula masyarakat adalah diturut dengan teliti oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Bagi menjayakan rancangan-rancangan perumahannya, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah bekerja rapat dengan Malaysia Building Society Berhad untuk memudahkan pembeli-pembeli rumah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mendapat pinjaman. Selanjutnya, bagi memastikan rumah-rumah ini adalah untuk golongan yang berpendapatan rendah, hanya pemohon-pemohon yang berpendapatan kurang daripada \$500 sebulan dipertimbangkan. Se-

hingga hari ini, hanya 18 individu-individu dari golongan ini yang telah menolak tawaran rumah kepada mereka. Sebenarnya, penerimaannya adalah hampir-hampir 100 %. Pada masa sekarang terdapat pertambahan permintaan daripada golongan-golongan yang berpendapatan \$500 hingga \$1,000 sebulan untuk mendapatkan rumah. Sektor ini juga hanya diberi perhatian Kerajaan dan oleh itu Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, di samping membuat sumbangan terhadap projek-projek perumahan Rancangan Malaysia Ketiga, juga menemui kehendak-kehendak sektor ini.

Pada masa sekarang Perbadanan terlibat dalam melaksanakan satu rancangan pembinaan 7,187 unit dan dari jumlah ini, 3,740 atau 53 % adalah berharga di bawah \$20,000 seunit.

Oleh yang demikian, pada masa sekarang Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sedang memainkan peranan yang penting dalam menyediakan perumahan untuk golongan-golongan yang berpendapatan rendah di dalam Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Tuan Speaker, bolehkah saya bawa perhatian Tuan Speaker, Seksyen 26(7) berkenaan dengan masa.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, oleh sebab saya memandang masa belum cukup tiga jam lagi, saya minta teruskan.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim): Soalan ke 16.

16. Adakah apa-apa rancangan untuk membina sebuah bangunan Kerajaan yang baru di Seberang Perai Tengah yang boleh memuat semua jabatan-jabatan Kerajaan yang terdapat di kawasan tersebut? Jika ya, bilakah pembinaan itu akan bermula?

- (16. Is there any plan to build a new Government building in Province Wellesley Central which will be able to accommodate all the Government departments situated in the said area? If so, when will its construction start?)

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Mohamad Ahmad Radhi Bin Pachee): Tuan Speaker, jawapannya ialah ya. Kerajaan Negeri kini sedang menimbang-cadangan untuk membina sebuah bangunan pejabat yang baru untuk pentadbiran daerah di Seberang Perai Tengah. Kajian-kajian awal kini sedang dijalankan. Jadual pelaksanaan projek ini akan diputuskan apabila kajian-kajian tersebut selesai dijalankan.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim): Soalan ke 17.

17. Adakah beliau bersetuju bahawa projek-projek kecil seperti projek memperbaiki jalan atau menggali jalan di Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam, telah mengakibatkan kesulitan kepada orang ramai? Jika ya, adakah Kerajaan Negeri meminta pihak berkenaan menyempurnakan projek-projek itu dengan seberapa segera yang boleh?

- (17. Does he agree that small projects such as the road repairing or road digging projects in Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam, have caused hardship to the public? If so, does the State Government intend to request the authority concerned to complete the said projects at the earliest possible juncture?)

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Mohamad Ahmad Bin Pachee): Jawapan kepada soalan ke 17, Tuan Speaker, kerja-kerja menggali jalan yang dijalankan di Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam, ialah untuk pembinaan 2 buah pembetung bagi tujuan mengurangkan masalah banjir di kawasan itu. Sebanyak lebih-kurang 41 % daripada kerja-kerja tersebut telah disiapkan. Projek ini dijangka siap pada awal bulan Ogos, 1979 ini.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam

(Encik Seow Hun Khim): Soalan ke 18.

18. Adakah beliau sedar bahawa lebih kurang 200 buah rumah yang telah dibina dalam tahun 1965 di "New Town Housing Estate" di Butterworth itu belum lagi diberikan surat hakmilik sehingga hari ini dan bahawa ini telah menimbulkan kesulitan kepada pembeli rumah-rumah tersebut, kerana mereka tidak dapat menjual atau mencagar rumah mereka?

(18. Is he aware that about 200 houses which were built in 1965 in the New Town Housing Estate in Butterworth have not yet been issued with title deeds until today and also that this has caused hardship to the purchasers of the said houses as they are unable to sell or mortgage their houses?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Tuan Speaker, Rancangan Perumahan di "New Town Housing Estate" itu telah dibina dalam tahun 1961 dan pecahan sempadan telah diluluskan dalam tahun yang sama. Plot-plot tapak rumah itu telah diberi nombor-nombor lot sementara oleh Jabatan Ukur. Folio-folio berkenaan juga telah dibuka di dalam Daftar Sementara.

Hakmilik berasingan hanya dapat disedia dan dikeluarkan setelah sukatan akhir dijalankan dan pelan akhir yang disahkan itu dikeluarkan.

Sehingga ini, tuan tanah asal belum lagi berbuat demikian dan ini adalah tanggungjawab tuan tanah sendiri. Keadaan sekarang tidak menghalang pemilik-pemilik rumah dari menjual atau mencagarkan rumah-rumah mereka tersebut.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim): Soalan ke 19.

19. Adakah Kerajaan akan menimbang untuk menjual tanah yang terdapat di belakang Rumah Berhala Mariamman, Butterworth kepada rumah berhala itu yang mana tanah tersebut kini dicadang akan digunakan oleh pihak Majlis Perbandaran untuk membina

tapak untuk penjaja? Jika ya, berapakah harga penjualan tanah tersebut?

(19. Will the Government consider selling the land behind the Mariamman Temple in Butterworth to the said temple as at present the said land is intended to be used by the Municipal Council for the opening of a hawkers' site? If so, what would be the sale price of the said land?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, tanah di belakang Tokong Mariamman, Jetty lama, akan digunakan sebagai tempat meletak kereta pada siang hari dan di waktu malam ianya digunakan untuk Pasar Malam. Rancangan Kompleks Penjaja akan ditempatkan semula di kawasan yang bertentangan dengan tempat letak kereta yang dicadangkan.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim): Soalan ke 20.

20. Bilakah pasar borong ikan yang terletak di Jalan Bunga Raya, Bukit Mertajam itu akan dipindahkan ke Padang Lallang?

(20. When will the wholesale fish market situated in Jalan Bunga Raya, Bukit Mertajam be shifted to Padang Lallang?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, sebenarnya tidak ada sebuah pasar borong ikan di Jalan Bunga Raya. Pemborong-pemborong ikan hanya menggunakan kemudahan-kemudahan pasar awam di Jalan Bunga Raya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang mencari sebuah tapak yang sesuai di Seberang Jaya untuk tujuan menempatkan semula pemborong-pemborong ikan yang sedang berniaga di sepanjang Jalan Bunga Raya. Cadangan ini menggantikan cadangan yang asal untuk memindahkan pemborong-pemborong ikan itu ke tanah Majlis di Padang Lallang.

(V) Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh) bertanya kepada Ketua Menteri: —

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Soalan 1, Tuan Speaker.

1. Berkenaan dengan bangunan baru Dewan Perniagaan Melayu yang sedang dibina di sebelah pejabat Majlis Ugama Islam, saya ingin tahu samada tanah bangunan itu telah dijual atau disewakan kepada Dewan Perniagaan Melayu. Jika dijual, berapakah harganya atau jika disewa, apakah syarat-syaratnya?
- (1. With regard to the new Malay Chamber of Commerce building which is being built beside the Islamic Religious Council Office, I would like to know as to whether the building site has been sold or leased to the Malay Chamber of Commerce. If sold, what is the price and if leased, what are the conditions?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Tuan Speaker, tanah untuk tapak bangunan Dewan Perniagaan Melayu di sebelah Pejabat Ugama itu telah diberimilik dengan bayaran namaan \$1 atas pajakan 60 tahun.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Mohd. Noor Bin Haji Bakar): Tuan Speaker, saya bangun untuk mengemukakan soalan tambahan di atas soalan oleh Yang Berhormat yang tidak hadir dan diganti oleh Ahli Yang Berhormat lain. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, soalan yang ditimbulkan ini adakah satu soalan yang memberi issue politik kepada DAP? Ataupun adakah ini soalan yang akan membawa perkauman di kalangan bangsa yang ada khasnya oleh sebab tanah ini telah diberi oleh Kerajaan Negeri kepada orang Melayu? Ini saya hendak penjelasan. Saya ingat dalam soalan ini janganlah kita cuba menjolok sarang tebuhan atau pun harimau yang sedang berdiam diri. Saya hendak jawapan.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan tambahan, Tuan Speaker, berkenaan dengan soalan dari Kubang Semang, selalu bila parti pembangkang mengeluarkan satu soalan, selalu dikatakan kita memainkan perkauman. Berkenaan dengan tajuk itu, kita hendak mendapat maklumat sahaja, bukan memainkan perkauman yang dikatakan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Soalan ke 2.

2. Adakah Kerajaan Negeri bertujuan untuk mengujudkan jawatan Timbalan Ketua Menteri?
- (2. Does the State Government propose to create the post of Deputy Chief Minister?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, tidak.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Dalam tahun 1969 hingga tahun 1978, adakah constitution Negeri Pulau Pinang bertukar? Adakah kerana tahun 1969, 1970, 1971 Pulau Pinang ada seorang Timbalan Ketua Menteri, tetapi sekarang tidak? Mengapa?

Ketua Menteri: Tuan Speaker, itu bukan soalan tambahan, itu sahaja tambahan kurang faham Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Soalan ke 3.

3. Berkenaan dengan cadangan membina pasar di Green Lane, sila berikan bilangan penduduk-penduduk yang terlibat dalam projek ini dan adakah tempat ganti atau gantirugi atau lain-lain kemudahan diberi kepada mereka yang terlibat.
- (3. In connection with the proposal to build a market in Green Lane, please state the number of residents affected by this project and whether alternative sites or compensation or other facilities are give to those affected?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat [Datuk Teh Ewe Lim]: Tuan Speaker, mengikut kajian secara mendalam yang dijalankan baru-baru ini, lebih-kurang 220 orang penduduk terlibat dalam projek ini. Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan menyediakan penempatan semula yang sempurna dan ganti-rugi yang mencukupi bagi penduduk-penduduk tersebut.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Soalan ke 4.

4. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah penghuni-penghuni haram di rumah-rumah pangsa Kerajaan di Negeri ini?
- (4. What steps will be taken by the State Government to overcome the problem of unauthorised occupation of Government flats in the State?)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Speaker, terdapat tiga jenis penghuni haram di rumah pangsa Kerajaan Negeri. Pertama, penghuni yang telah membeli secara haram unit-unit dari penghuni asal. Yang kedua, penghuni haram yang menyewa daripada penghuni asal itu. Ketiga, penghuni yang menginap buat sementara bersama-sama penghuni asal itu. Ketiga-tiga kejadian di atas telah dilaksanakan tanpa persetujuan dari Kerajaan Negeri. Penghuni asal dan penghuni haram telah sampai satu perjanjian di antara satu sama lain.

Dalam hal pemindahan haram atau penyewaan rumah pangsa secara haram, Kerajaan sedang melaksanakan usaha untuk menghalau penghuni-penghuni haram ini, berdasarkan penyiasatan kepada rekod-rekod oleh bahagian perumahan ini. Langkah yang berikut telah diambil: —

- (i) Nama penghuni-penghuni asal yang tidak lagi menduduki unit-unit dibatalkan dan surat-surat yang berkenaan dengan hal ini telah dihantarkan untuk memberitahu mereka pada per-

tengahan bulan Januari tahun ini. Mereka telah diberikan sebulan untuk merayu supaya menunjukkan sebab mengapa nama-nama mereka tidak harus dipotong.

- (ii) Sepucuk surat kemudiannya dikirimkan kepada setiap se-orang penghuni haram untuk mengizinkannya menduduki unit itu berasaskan sewa bulan ke bulan tanpa perasaan kasih. Satu borang telah diberikan untuk menyediakan semua maklumat yang perlu yang berkaitan dan pendapatan peribadi dan keluarganya, bilangan orang di dalam keluarga, jumlah wang sewa ataupun pembelian yang terlibat dalam pemin-dahan haram, dan butir-butir lain yang dikehendaki.

- (iii) Berasaskan kepada maklumat yang diterima sedemikian, bahagian perumahan telah menyemak, menyelidik dan membahagikan semua kes-kes yang terlibat. Jawatankuasa perumahan akan dalam sedikit masa lagi membuat perakuan-nya kepada pihak Berkuasa Negeri untuk keputusan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Soalan ke 5.

5. Memandang kepada kegiatan pergerakan belia-belia di Negeri ini, adakah Kerajaan Negeri bertujuan untuk memberi peruntukan tetap untuk memajukan lagi pergerakan mereka? Jika peruntukan sudahpun ada, berapakah jumlah wang yang diperuntukkan kepada mereka tiap-tiap tahun?
- (5. In view of the activities of the youths in the State, does the State Government propose to allocate a fixed provision for them to increase their activities? If such provision is already existing, what is the amount allocated to them each year?)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik

T. Subbiah): Tuan Speaker, jawapan untuk soalan itu ialah seperti berikut: Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan tetap untuk kegiatan-kegiatan pergerakan belia.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri ada memberi sumbangan terhadap pergerakan belia melalui beberapa cara seperti sumbangan kepada Perayaan Minggu Belia, rancangan-rancangan pertukaran lawatan murid-murid dan meraikan lawatan belia-belie dari Negeri-Negeri lain ataupun luar negeri.

Kerajaan Negeri sedang mengkaji kemungkinan untuk menubuhkan satu Majlis Penyelaras Belia Pulau Pinang dan setelah penubuhan ini diwujudkan, pertimbangan untuk memberi lebih peruntukan wang kepada Majlis ini akan diberikan demi untuk memperkukuhkan lagi kegiatan-kegiatan belia.

Ahli Kawasan Kampung Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Soalan ini sama ada wakil dari Bagan Dalam sedar semenjak Kerajaan Pulau Pinang mengambil alih Bangunan Penang Youths Centre di Lebuah Acheh pada tahun 1975, sampai hari ini ada apa-apa pelan untuk menggunakan bangunan itu?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah): Tuan Speaker, saya ingat itu soalan lain, bukan soalan tambahan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Soalan ke 6.

6. Berkaitan dengan Syarikat Super Departmental Store di Jalan Burma, saya ingin tahu apakah yang menyebabkan tindakan mahkamah diambil terhadap mereka dan apakah alasan-alasan kemudiannya untuk membenarkan mereka berniaga semula?

(6. In connection with the Super Departmental Store in Burma Road, I would

like to know what has caused the Court to take action against them and what are the reasons for allowing them to reopen for business?)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, satu tegahan telah dipohon daripada Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang untuk menghalang Super Departmental Store Sdn. Bhd. daripada menjalankan perniagaan kerana Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak berpuas hati dengan keselamatan binaan bangunan tersebut kerana mengikut rekod-rekod yang ada pada masa itu di Majlis Perbandaran Pulau Pinang, beban-beban hidup rekabentuk asal yang dibenarkan untuk tiang-tiang, rasuk-rasuk, dan lantai-lantai tidak mencukupi untuk menahan bertambahnya beban-beban hidup ke atas lantai-lantai akibat dari penukaran penggunaan bangunan dari sebuah hotel ke sebuah kedai runcit. Langkah-langkah tidak diambil oleh Super Departmental Store Sdn. Bhd. untuk memuaskan jurutera-jurutera Majlis Perbandaran Pulau Pinang tentang keselamatannya dan sebagai langkah berjaga-jaga, tegahan telah dipohon kerana Super Departmental Store Sdn. Bhd. telah memulakan perniagaan sebelum pelan-pelan bangunan diluluskan. Oleh sebab tegahan ini telah tidak dipatuhi oleh pemilik-pemilik Departmental Store, maka pembicaraan kerana penghinaan terhadap Mahkamah telah diadakan. Kesudahannya salah seorang Pengarahnya telah dikenakan penjara sivil.

Selepas itu, jurutera perunding Super Departmental Store Sdn. Bhd. telah mengendalikan ujian-ujian bersama-sama dengan jurutera-jurutera MPPP ke atas bangunan tersebut dan juga mengeluarkan kiraan-kiraan lengkap yang membuktikan bahawa binaan-binaan tersebut telahpun direkabentuk lampau pada mulanya dan bahawa walaupun dengan pertambahan dalam beban hidup yang

dibenarkan, binaan-binaan tersebut adalah masih selamat setelah mengasingkan kawasan-kawasan tertentu kepada orang ramai. Pemilik-pemilik juga telah mengubansuaikan tingkatara dengan menambahkan gelegar-gelegar saluran keluli lembut dan penebatan bulu batu untuk menstabilkan lantai tersebut. Berbagai-bagai kehendak-kehendak Majlis yang lain yang tidak ada kaitan dengan binaan telah juga dipatuhi atau akan dipatuhi melalui kesanggupan berbuat demikian oleh Super Departmental Store Sdn. Bhd. Memandangkan kepada perkara yang tersebut di atas, MPPP telah meluluskan pelan bangunan yang dikemukakan dan membenarkan Super Departmental Store Sdn. Bhd. membuka semula bangunan tersebut untuk perniagaan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo): Soalan ke 7.

7. Apakah sebab-sebab untuk menukarkan (to convert) bangunan yang terletak di simpang Jalan Macalister/ Jalan Western kepada Kelab Rekreasi untuk Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan dan berapakah perbelanjaannya dan apakah faedahnya?
- (7. For what reasons have the building situated at the Macalister Road/ Western Road junction been converted into a Recreation Club for Heads of Government Departments and what were the expenses and what are the benefits?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, tujuan mengubahkan bangunan yang terletak di simpang Jalan Macalister/ Jalan Western sebagai sebuah kelab bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan ialah untuk membolehkan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan khususnya Ketua-Ketua Jabatan bertemu, berjumpa dan mengadakan perbincangan-perbincangan di dalam suasana yang tidak rasmi selepas waktu pejabat. Langkah tersebut akan memupuk perhubungan dan semangat kerjasama yang lebih rapat di antara jabatan-jabatan Kerajaan dan Agen-

si-agensi Kerajaan yang lain di dalam Negeri ini. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk mencapai koordinasi yang lebih licin di antara jabatan-jabatan Kerajaan serta mengujudkan dan mengekalkan semangat "esprit-de-corp" di antara kakitangan Kerajaan terutamanya pegawai-pegawai kanan. Dari masa ke semasa, perjumpaan-perjumpaan rasmi, taklimat-taklimat dan perbincangan-perbincangan dengan pertubuhan-pertubuhan yang tertentu akan juga diadakan.

Rumah Kerajaan ini adalah sebuah rumah yang lama dan tidak mungkin diduduki tanpa diperbaiki. Anggaran perbelanjaan memperbaiki dan mengecat semula bangunan tersebut ialah kurang-kurangnya sebanyak \$73,000.00

Dengan adanya sebuah kelab sedemikian, kerjasama maksima akan dapat diujudkan di kalangan segala Jabatan-Jabatan Kerajaan demi mempercepatkan tindakan-tindakan pentadbiran dan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan di seluruh Negeri.

Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan membentuk suatu nukleus yang penting dan mustahak bagi sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu-padu. Kelab sedemikian akan memberikan mereka suatu identiti yang sejajar dengan taraf mereka yang sewajarnya.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Soalan ke 13.

13. Apakah sebab-sebabnya mengapa kekosongan kerusi Exco. yang satu lagi itu belum dipenuhi?
- (13. For what reason has the vacant seat in the Executive Council not been filled?)

Ketua Menteri: Kerajaan berpuas hati dengan kedudukan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang ada sekarang.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Soalan tambahan. Mengapa Ketua Menteri tidak mengisikan jawatan kosong Exco. ini kepada wakil MCA jikalau Ketua Menteri mengaku MCA adalah anggota Barisan Nasional?

Ketua Menteri: Tuan Speaker, jawapan saya telah penuh dan tidak payah Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Kampong Kolam ingin hendak campurtangan dalam perkara yang berbangkit dalam Barisan Nasional. Jika beliau ingin hendak campurtangan dalam politik sini, bolehlah duduk di belakang sana.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, jikalau adalagi satu Ahli Exco. dalam Kerajaan kerja lain-lain Ahli yang sekarang ada dalam Exco. bolehlah ringan sedikit, saya ingat.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya terima dengan pendapat Yang Berhormat Kawasan Ayer Itam, tetapi saya nampak hari ini semua rakan-rakan saya dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan pun telah tanggungjawab kerja-kerja mereka dengan tegas sekali dan tidak payahlah kita dapat pendapat daripada DAP, dan saya telah jawab dengan terus sekali, Kerajaan berpuas hati.

Jawapan-Jawapan Bertulis Kepada Soalan-Soalan Mulut

Tuan Speaker: Ahli-Ahli Yang Berhormat, memandang kesuntukan masa, maka saya sukaiah menggunakan Peraturan 26(7), iaitu soalan-soalan yang belum diberi jawapan bolehlah Yang Amat Berhormat memberi jawapan itu dengan bertulis dan salinannya akan diberikan kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membentangkan soalan-soalan itu.

[V] Ahli Kawasan Bukit Glugor [Encik Karpal Singh] bertanya kepada Ketua Menteri:—

8. Apakah tujuan Kerajaan Negeri di dalam menyamakan (twinning) Bandar Fremantle dengan Butterworth dan apakah hasil serta perbelanjaannya berhubung dengan projek tersebut?
9. Berkenaan dengan tanah-tanah bukit di sepanjang Jalan Tanjong Bungah iaitu tanah-tanah Kerajaan, adakah telah dijual kepada pemaju-pemaju perumahan privet atau disewakan kepada mereka? Apakah syarat-syaratnya?
10. Berapakah jumlah kilang-kilang asing yang diusahakan di Zon Perdagangan Bebas di Bayan Lepas, Prai dan Butterworth dan berapakah jumlah pekerja-pekerja tempatan yang terlibat dan apakah syarat-syarat pekerjaan mereka?
11. Adakah Kerajaan Negeri bertujuan meminta supaya Kem Tahanan di Pualu Jerejak dipindahkan ke suatu tempat yang lain?
12. Apakah jenis biasiswa-biasiswa Kerajaan Negeri yang ada setakat ini dan bagaimanakah ianya diselenggarakan?
- (8. What is the purpose of the State Government in twinning the Towns of Fremantle and Butterworth and what are the results and also the expenses incurred in connection with the said project?
9. With regard to the hill lands along Tanjong Bungah Road which are State lands, have they been sold or leased to private housing developers? What are the conditions?
10. How many foreign factories are operating in Bayan Lepas, Prai and Butterworth Free Trade Zones? Please state also the number of local workers involved and what are their conditions of service?
11. Does the State Government intend to request that the Detention Camp in Pulau Jerejak be shifted to another place?
12. What are the types of existing State Scholarships and how are they administered?)

Ketua Menteri:

8. Matlamat-matlamat perkembaran Majlis-Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan Fremantle adalah seperti berikut:—

- (i) memupuk perasaan muhibbah dan persefahaman
- (ii) Meningkatkan pengetahuan dalam lapangan Kerajaan Tempatan melalui penukaran fikiran dan pengalaman;
- (iii) Menggalakkan aktiviti-aktiviti kebudayaan di antara kedua-dua wilayah;
- (iv) Memajukan belia-belia daerah masing-masing melalui penukaran lawatan; dan
- (v) Menggalakan perdagangan dan pelancungan.

Rancangan penukaran penuntut-penuntut adalah satu usaha permulaan demi mencapai matlamat memberi peluang kepada belia-belia di Butterworth dan Fremantle bertukar-tukar fikiran kebudayaan dan pengalaman. Perbelanjaan berkaitan dengan rancangan itu ialah sebanyak \$10,342.19.

Tidak

10. Ada sejumlah 35 buah kilang yang sedang diusahakan di Zon-Zon Perdagangan Bebas di Bayan Lepas, Prai, Dermaga-Dermaga Prai dan di Pulau Jerejak. Setakat 31.12.1978, kilang-kilang ini menggajikan sejumlah 30,552 orang pekerja, yangmana 30,361 orang daripadanya adalah rakyat Malaysia.

Syarat-syarat pekerjaan yang asas bagi pekerja-pekerja yang bergaji \$750.00 sebulan ke bawah adalah di-kawal oleh Ordinan Pekerjaan, 1965. Dalam setengah-setengah perusahaan tersebut, syarat-syarat pekerjaannya adalah juga ditentukan di dalam Persetujuan-Persetujuan secara Berkumpul (Collective Agreements) antara kesatuan-kesatuan pekerja-pekerja dengan pihak pengurusan syarikat-syarikat yang berkenaan.

11. Kerajaan Negeri telah pun mengadakan perundingan dengan Kerajaan Persekutuan untuk memindahkan Kem Tahanan di Pulau Jerejak dan Kerajaan Persekutuan telahpun membuat keputusan untuk memindahkan Kem Tahanan tersebut ke suatu tempat lain di dalam Negeri yang lain.
12. Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada masa sekarang ini mengeluarkan 2 jenis Biasiswa, iaitu: —
 1. Biasiswa Negeri Pulau Pinang.
 2. Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang.

1. *Biasiswa Negeri Pulau Pinang*

Biasiswa Negeri Pulau Pinang diiklankan pada tiap-tiap tahun dan ianya diuntukkan kepada penuntut-penuntut yang akan mengikuti kursus Pengajian Tinggi di Universiti atau Institusi-Institusi Tempatan.

'Shortlisting' biasanya dilakukan oleh Lembaga Biasiswa selepas keputusan SPM dan STP dan calon-calon yang berjaya di dalam 'shortlisting' akan ditemuduga oleh ahli-ahli Lembaga. Pemilihan terakhir dilakukan seterusnya oleh Lembaga.

2. *Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang*

Biasiswa Kecil Negeri adalah diuntukkan kepada murid-murid sekolah dan permohonan-permohonan boleh dibuat melalui Guru Besar sekolah masing-masing. Permohonan akan dikemukakan kepada dan seterusnya diproses oleh Pejabat Pelajaran Negeri, Pulau Pinang. Kemudian, Lembaga Biasiswa Kecil Pulau Pinang akan mempertimbangkan pemberian biasiswa-biasiswa itu berdasarkan kepada perakuan Pengarah Pelajaran Negeri.

- (8. The objectives of the twinning exercise between the Municipalities of Seberang Perai and Fremantle are as follows: —
 - (i) The promotion of goodwill and understanding;
 - (ii) The advancement of knowledge in the field of local government through exchange of ideas and experience;
 - (iii) The promotion of inter-cultural activities;
 - (iv) The development of the youth of the respective districts by exchange visits; and
 - (v) The encouragement of trade and tourism.

The Student Exchange Programme was an initial effort to achieve the objective of providing the opportunity for the youth in Butterworth and Fremantle to benefit from an exchange of ideas, culture and experience. The expenditure incurred on this programme was \$10,342.19.

9. No.

10. There are a total of 35 factories in operation at Bayan Lepas, Prai, Prai Wharves and Pulau Jerejak

Free Trade Zones. As at 31.12.78, these factories employed a total of 30,552 workers, of which 30,361 workers were Malaysians.

The basic terms of employment of the workers earning \$750.00 per month and below are governed by the Employment Ordinance of 1965. In some of the industries the employment terms are also worked out in Collective Agreements between the workers' unions and the managements of the companies.

11. The State Government has already negotiated with the Federal Government to shift the Detention Camp at Pulau Jerejak and the Federal Government has decided to shift the said Detention Camp to another Site in another State.
12. At present the State Government of Penang awards two types of scholarships: —

1. The Penang State Scholarship
2. The Penang State Minor Scholarship

1. *The Penang State Scholarship*

The offer for the Penang State Scholarship is advertised every year and it is awarded to students intending to further their studies at Local Universities or Institutions.

Applications are shortlisted by the State Scholarship Board after the MCE and HSC results have been announced. Candidates who are successful in the shortlist are then interviewed by the members of the Board. The final selection is subsequently made by the Board.

2. *The State Minor Scholarship*

The State Minor Scholarship is awarded to students in school and applications can be made through their principals. Applications will then be submitted and subsequently processed by the Education Department.

The State Minor Scholarship Board will then consider the awards based on the recommendation of the State Director of Education.)

[VI] **Ahli Kawasan Tasek Glugor [Encik Md. Noor bin Ahmad] bertanya kepada Ketua Menteri:—**

1. Apakah projek-projek yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri bagi kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri yang berikut: —

Tasek Glugor, Penaga, Bertam, Penanti, Kubang Semang, Bagan Ajam, Sungai Acheh, Machang Bubuk, Bukit Tengah, Sungai Bakap dan lain-lain di Seberang Perai bagi sepanjang R.M.T. mulai dari tahun ini sehingga tamat tempoh R.M.T.?

2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini kenapakah terdapat perbezaan pendapat antara Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Pengerusi Perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai peruntukan kewangan bagi rancangan perumahan murah di negeri ini mengikut laporan akhbar-akhbar tempatan baru-baru ini?
3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah atau tidak peruntukan perumahan murah yang dikhaskan kepada Bumiputra sahaja? Jika ada, nyatakan di manakah projek itu akan di laksanakan dan bilakah projek itu akan dimulakan?
4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini kenapakah Kerajaan Negeri ini tidak sanggup mengambil alih bagi mengelolakan sekolah-sekolah agama rakyat yang terdapat di seluruh negeri ini?
5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah Kerajaan Negeri ini akan menubuhkan Yayasan Dakwah Islamiahnya sendiri?
- (1. What are the projects that will be implemented by the Federal and State Government in the following state constituencies: —
Tasek Glugor, Penaga, Bertam, Penanti, Kubang Semang, Bagan Ajam, Sungai Acheh, Machang Bubuk, Bukit Tengah, Sungai Bakap and the other constituencies in Province Wellesley for the T.M.P. period beginning this year until the end of the T.M.P. period?
2. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House why there are differences of opinion between the Hon'ble Minister of Housing and New Villages and the Chairman of the State Housing Development Committee regarding the financial allocation for low-cost housing schemes in the state as reported by the local press recently?
3. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House whether there are low-cost housing specially reserved for Bumiputras only? If so, state where the project(s) is/are and when will it/they be implemented?

4. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House why the State Government is unable to take over the religious schools in the State?
5. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House when will the State Government set up its own Yayasan Dakwah Islamiah?)

Ketua Menteri:

1. Peruntukan berjumlah \$64.7 juta disediakan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga bagi 10 Kawasan Pilihanraya yang berkenaan. Butir-butir projek dan peruntukannya terdapat pada Lampiran A.
2. Sebenarnya tidak ada perbezaan pendapat. Kenyataan Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah mengenai rumah-rumah teres dan rumah pangsa di Jalan Padang Tembak dan Jalan Shaik Madar yang didirikan lebih kurang 15 tahun yang lalu, dan ditadbirkan oleh bekas Majlis Daerah Luar Bandar.

Manakala kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Perumahan Negeri disiarkan, Kerajaan Negeri telah pun membuat keputusan polisi untuk menjualkan unit-unit rumah pangsa di Jalan Padang Tembak, Kampong Melayu dan Gat Lebu Noordin dan lain-lain rancangan kepada orangramai. Semua projek-projek itu adalah di bawah Pentadbiran Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Pulau Pinang.

3. Masa sekarang tidak ada.
4. Sehingga ini Jabatan Ugama Islam belum lagi membuat sebarang cadangan untuk Kerajaan Negeri mengambil alih pengelolaan sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh Negeri.

Jabatan Ugama Islam sedang menimbangkan rancangan untuk mengambil alih sekolah-sekolah tersebut. Sebelum dilaksanakannya, kajian yang mendalam perlu dibuat terlebih dahulu.

5. Mengikut Jabatan Ugama Islam penubuhan Yayasan Dakwah Islamiah memerlukan pengkajian yang teliti kerana Yayasan tersebut akan merupakan sebuah badan yang boleh bergerak dengan tersendiri.

Memandangkan bahawa Yayasan Dakwah Islamiah pada peringkat Persekutuan telah berjalan dengan baik pada masa ini adalah difikirkan bahawa, penubuhan sebuah Pusat Penerangan di peringkat negeri bagi menjalankan aktiviti dakwah adalah mencukupi untuk keadaan sekarang.

- (1. An allocation of \$64.7 million has been provided by the Federal and State Government during the Third Malaysia Plan period for the 10 constituencies concerned. The details and allocation for the projects are given in Appendix A.
2. In fact there are no differences in opinion. The Minister of Housing and Local Government was referring to the terrace houses and flats in Jalan Padang Tembak and Jalan Shaik Madar built about 15 years ago and are administered by the previous Rural District Council.

When the statement made by the Chairman of the State Housing Development Committee was released, the State Government had already made a policy decision to sell the units of flats in Rifle Range Road, Kampong Melayu and Noordin Street Ghaut and others to the public. These schemes are under the Administration of the Housing Section of the State Secretariat, Penang.

3. At present, there is none.
4. To date the Muslim Religious Department has not made any proposal for the State Government to take over the organisation of public religious schools in the State. The Muslim Religious Department is considering plans to take over these schools. Before this can be implemented, a detailed study has to be made.
5. According to the Islamic Religious Department, the establishment of the Yayasan Dakwah Islamiah calls for careful study considering that the Foundation will be a body capable of working independently.

As the Yayasan Dakwah Islamiah at Federal level is making good progress at the moment, it is considered that the establishment of an Information Centre at State level to conduct missionary activities will be adequate for the present circumstances.)

Projek-projek RMT bagi Kawasan Seberang Perai

Kawasan Dewan Undangan Tasek Glugor

<u>Bil</u>	<u>Nama Projek</u>	<u>Peruntukan</u>
1.	Sekolah Kebangsaan Pinang Tunggal (Jab. Pelajaran)	117,000
2.	Sekolah Menengah Tasik Glugor (Jab. Pelajaran)	59,700
3.	Sekolah Menengah Tasik Glugor (Jab. Pelajaran)	124,800
4.	Kampung Permatang Langsung SPU (Lembaga Letrik Negara)	151,360
5.	Kg. Guar Kepah MK. 12 SPU (Lembaga Letrik Negara)	68,949
6.	Pondok Polis Kampung Selamat SPU (Jab. Polis)	44,000
7.	Pangkalan U.K.K. Kampung Selamat (Jab. Polis)	1,500,000
8.	Klinik Tambah di P.K.K. Tasek Glugor (Jab. Perancangan Keluarga)	44,100
9.	Klinik Desa di Kg. Selamat (Jab. Perancangan Keluarga)	27,500
10.	Klinik Desa di Pinang Tunggal (Jab. Perancangan Keluarga)	27,500
11.	Klinik Desa di Kg. Tok Bedu (Jab. Perancangan Keluarga)	23,500
12.	Membaiki Saliran Sg. Kroh Sg. Korok (Jab. Parit & Talianair)	500,000
		<u>2,688,409</u>

Kawasan Dewan Undangan Penaga

1.	Sekolah Kebangsaan Pulau Mertajam (Jab. Pelajaran)	87,000
2.	Sekolah Menengah Sri Muda SPU (Jab. Pelajaran)	155,000
3.	Kuala Muda Per I (Jab. Perumahan)	162,500
4.	Kuala Muda Per II (Jab. Perumahan)	242,000
5.	Bakap Kapor MK. 4 Tepi Laut SPU (Lembaga Letrik Negara)	10,200
6.	Lahar Kepah MK. 2 SPU (Lembaga Letrik Negara)	68,949
7.	Stesyen MARDI Bumbong Lima Bertam (MARDI)	5,023,000
8.	Padi Tamanan Ladang Bertam SPU (MARDI)	3,000,000
9.	Pondok Polis Permatang Bendahari (Jab. Polis)	34,000
10.	Pondok Polis Bumbong Lima (Jab. Polis)	39,000
11.	Pejabat Pos. Penaga (Jab. Pos)	120,000
12.	Klinik Desa Permatang Sintok naik taraf Butterworth (Jab. Kesihatan)	38,500
13.	Klinik Desa di Kuala Muda (Jab. Perancangan Keluarga)	27,500
14.	Klinik Tambah di P.K.K. Penaga (Jab. Perancangan Keluarga)	43,200
15.	Sekolah Kebangsaan Permatang Sintok (Jab. Pelajaran)	99,000
16.	Sekolah Kebangsaan Permatang Janggus (Jab. Pelajaran)	130,000
17.	Rancangan Sungai Tembus SPU (Jab. Parit & Talianair)	660,000
18.	Improvement Padi Mech. Training Centre Bumbong Lima (Jab. Pertanian)	175,000
19.	Improvement Institiut Pertanian Bumbong Lima (Jab. Pertanian)	60,000
		<u>10,174,949</u>

Kawasan Dewan Undangan Bertam

<u>Bil</u>	<u>Nama Projek</u>	<u>Peruntukan</u>
1.	Pondok Polis Permatang Tinggi (Jab. Polis)	36,000
2.	Kampung Manggis Permatang Tinggi (Lembaga Letrik Negara)	14,685
3.	Kampung Jalan Lahar Bubu Bertam Estate (Lembaga Letrik Negara)	26,895
4.	Sekolah Menengah Kebangsaan Kepala Batas (Jab. Pelajaran)	43,000
5.	Sekolah Menengah Sri Muda Kepala Batas (Jab. Pelajaran)	93,600
6.	Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam (Jab. Pelajaran)	17,000
7.	Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam (Jab. Pelajaran)	19,500
8.	S.R.J.K. T. Permatang Tinggi (Jab. Pelajaran)	31,000
9.	Sekolah Kebangsaan Paya Keladi (Jab. Pelajaran)	
10.	Sekolah Kebangsaan Lahar Kepar (Jab. Pelajaran)	104,500
11.	Klinik Tambah di P.K.B. Kepala Batas (Lembaga Perancang Keluarga)	44,200
12.	Klinik Desa di Lahar Kepar (Lembaga Perancang Keluarga)	28,500
13.	Bina 2 Tingkat Rumah Kedai di Kepala Batas (MARA)	131,000
		694,380

Kawasan Dewan Undangan Penanti

1.	Pondok Polis Padang Menora (Jab. Polis)	39,000
2.	Kampung Tanah Liat (Sambongan) SPT (Lembaga Letrik Negara)	12,210
3.	Kampung Kedah Lubuk Banting (Lembaga Letrik Negara)	60,458
4.	Mengkuang Kereta Api Bukit Gumpas Kg. Langkap (Lembaga Letrik Negara)	38,297
5.	Kg. Telok Wang MK. 19 (Lembaga Letrik Negara)	29,791
6.	Sekolah Kebangsaan Juara (Jab. Pelajaran)	90,200
7.	Sekolah Kebangsaan Sri Penanti (Jab. Pelajaran)	133,100
8.	Klinik Tambah di P.K.B. Kubang Semang (Lembaga Perancangan Keluarga)	44,000
9.	Membaiki Sistem Penyampaian Sg. Kulim (Jab. Parit & Taliair)	900,000
		1,347,056

Kawasan Dewan Undangan Kubang Semang

1.	Balai Polis Seberang Jaya (Jab. Polis)	747,000
2.	Kg. Bukit Indra Muda (Tambahan) (Lembaga Letrik Negara)	8,925
3.	Sekolah Kebangsaan Seberang Jaya (Jab. Pelajaran)	321,000
4.	Sekolah Kebangsaan Permatang Pasir (Jab. Pelajaran)	66,000
5.	Sekolah Kebangsaan Guar Perahu (Jab. Pelajaran)	94,380
6.	Kampung Terus MK. 21 Guar Jering (Lembaga Letrik Negara)	94,993
7.	Klinik Desa Padang Ibu naik taraf Bukit Mertajam (Jab. Kesihatan)	38,500
8.	Klinik Desa di Bukit Indra Muda (Lembaga Perancang Keluarga)	27,500
9.	Klinik Desa di Kampung Pertama (Lembaga Perancang Keluarga)	28,500
10.	Pemasangan Paip dari Bkt. Indra Muda Bkt. Mertajam (Pihak Berkuasa Air)	800,000
11.	Pro Shol Cway 25-6 Bagan Serai Butterworth Rd. (Jab. Kerjaraya)	380,000
		2,606,798

Kawasan Dewan Undangan Bagan Ajam

1. Klinik Desa Pekan Darat naik taraf Seberang Perai Utara (Jab. Kesihatan)	38,500
2. Klinik Gigi Sekolah Telok Air Tawar (Jab. Kesihatan)	8,000
3. Klinik Gigi Sekolah Menengah Dato Onn Butterworth (Jab. Kesihatan)	8,000
4. Sekolah Kebangsaan Telok Air Tawar (Jab. Pelajaran)	139,000
5. Sekolah Kebangsaan Khir Johari (Jab. Pelajaran)	117,306
6. Sekolah Kebangsaan Pmtg. Tok Jaya SPU (Jab. Pelajaran)	117,100
7. Sekolah Kebangsaan Sungai Puyu SPU (Jab. Pelajaran)	133,000
8. Sekolah Kebangsaan Permatang Binjai (Jab. Pelajaran)	56,106
9. Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Jaya (Jab. Pelajaran)	177,100
10. Bagan Ajam (Jab. Perumahan)	4,320,000
11. Permatang Kucing Teluk Air Tawar (Lembaga Letrik Negara)	13,200
12. Pondok Polis Bagan Ajam (Jab. Polis)	94,000
13. Kompleks RMAF Fasa I (Kem. Pertahanan)	9,780,940
14. Airmen X—Snco Mess (Kem Pertahanan)	700,000
15. Caribou Hangar Remedial WKS RMAF (Kem Pertahanan)	500,000
	<u>16,202,246</u>

Kawasan Dewan Undangan Sungai Aceh

1. Pondok Polis Tasik Nibong Tebal (Jab. Polis)	50,000
2. Balai Polis Nibong Tebal (Jab. Polis)	575,900
3. Police Qrts. Nibong Tebal Ph. 2 (Jab. Polis)	445,000
4. Ibu Pejabat Polis Daerah Nibong Tebal (Jab. Polis)	2,024,242
5. Balai Polis Sungai Aceh Nibong Tebal (Jab. Polis)	142,000
6. Pondok Polis Pmtg. Keling Nibong Tebal (Jab. Polis)	44,000
7. Pondok Polis Tanjong Berembang Nibong Tebal (Jab. Polis)	57,346
8. Membaiki Saliran Nibong Tebal (Jab. Parit & Taliair)	389,200
9. Sekolah Kebangsaan Sungai Aceh (Jab. Pelajaran)	24,100
10. Sekolah Kebangsaan Sungai Aceh (Jab. Pelajaran)	87,000
11. Sekolah Menengah Tunku Abd. Rahman SPS (Jab. Pelajaran)	43,000
12. Sekolah Rendah Sg. Setar SPS (Jab. Pelajaran)	30,000
13. Sekolah Kebangsaan Sg. Setar (Jab. Pelajaran)	30,000
14. Klinik Pergigian Sekolah Sg. Aceh (Jab. Kesihatan)	6,800
15. Klinik Desa Pantai Aceh naik taraf Seberang Perai Selatan (Jab. Kesihatan)	38,500
16. Mahkamah baru Nibong Tebal (Jab. Kehakiman)	147,000
17. Pembinaan Pusat Kemajuan Peladang Nibong Tebal (Lembaga Pertubuhan Peladang)	175,000
18. Bina satu tingkat Bazar di Sg. Aceh (MARA)	55,000
19. Jawi Nibong Tebal (Jab. Perumahan)	2,300,000
	<u>6,664,088</u>

Kawasan Dewan Undangan Machang Bubuk

1. Sekolah Kebangsaan Alma (Jab. Pelajaran)	113,300
2. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Permatang Tinggi (Jab. Pelajaran)	31,000
3. Balai Polis Machang Bubuk Bukit Mertajam (Jab. Polis)	265,000
4. Klinik Desa Alma naik taraf Seberang Perai Tengah (Jab. Kesihatan)	38,500
5. Klinik Desa di Machang Bubuk (Lembaga Perancang Keluarga)	27,500
6. Klinik Tambah di P.K.K. Bukit Minyak (Lembaga Perancang Keluarga)	45,400
7. Rancangan Sungai Kulim S.P.T. (Jab. Parit & Taliair)	1,400,000
8. Improve Pusat Latihan Pertanian Cherok To' Kun (Jab. Pertanian)	180,000
9. Permatang Tinggi (Jab. Perumahan)	397,000
10. Pembinaan Pusat Kemajuan Peladang Bukit Mertajam (Lembaga Pertubuhan Peladang)	175,000
11. Pmtg. Tok Subuh Bukit Minyak (Lembaga Letrik Negara)	24,090
	<u>2,696,790</u>

Kawasan Dewan Undangan Bukit Tengah

1. Sekolah Menengah Prai (Jab. Pelajaran)	880,000
2. Sekolah Kebangsaan Jalan Baharu Prai (Jab. Pelajaran)	17,000
3. Sekolah Kebangsaan Sri Tasek (Jab. Pelajaran)	7,509
4. Sekolah Kebangsaan Sebung Sireh (Jab. Pelajaran)	42,790
4. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Chung Hwa Prai (Jab. Pelajaran)	143,000
6. Pengkalan U.K.K. Juru Bukit Mertajam (Jab. Polis)	1,500,000
7. Kampong Jawa Jalan Baharu Prai (Lembaga Letrik Negara)	25,080
8. Klinik Desa Bukit Minyak naik taraf S.P.T. (Jab. Kesihatan)	38,500
9. Klinik Desa di Kampong Sekolah (Lembaga Perancang Keluarga)	27,500
10. Kompleks Haiwan di Bukit Tengah (Jab. Haiwan)	150,000
11. Membaiki kawasan padi Juru (Jab. Parit & Taliair)	500,000
12. Rancangan Saliran Bukit Minyak Bukit Tengah (Jab. Parit & Taliair)	1,800,000
13. Stesyen Pencemaran Udara di Prai (Jab. Kajicuaca)	200,000
14. Pembinaan gudang beras LPN Prai (Lembaga Padi & Beras Negara)	5,000,000
15. Pusat Latihan Perusahaan Prai (Jab. Buruh)	3,142,603
16. Pembinaan Rumah Kastam Prai (Jab. Kastam)	120,000
	<u>13,593,982</u>

Kawasan Dewan Undangan Sungai Bakap

1. Sekolah Menengah Sungai Bakap (Jab. Pelajaran)	216,000
2. Sekolah Kebangsaan Sungai Bakap (Jab. Pelajaran)	122,300
3. S.R.J.K.C. Sungai Bakap (Jab. Pelajaran)	202,400
4. Jawi SPS. (Jab. Perumahan)	1,200,000
5. Belakang JKR QRTS di Bukit Panchor (Jab. Pelajaran)	487,000
6. Pangkalan U.K.K. Sg. Bakap Nibong Tebal (Jab. Polis)	1,500,000
7. Modenkan Dapor HD Sg. Bakap SPS (Jab. Kesihatan)	58,000
8. Tabung Darah taraf 2 HD Sg. Bakap (Jab. Kesihatan)	339,000
9. Sg. Bakap B 1 Pass RTI Jawi/Valdor MSY. 32 (Jab. Kerjaraya)	750,000
10. Rancangan Pertanian Bukit Panchor (Jab. Pertanian)	100,000
	<u>\$4,974,700</u>

Jumlah Besar: \$61,643,398

[VII] Ahli Kawasan Sungai Acheh [Encik Ahmad bin Salleh] bertanya kepada Ketua Menteri:—

1. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedar tentang kesusahan-kesusahan yang dihadapi oleh penuntut-penuntut Pulau Pinang di Mesir dan negara-negara Timur Tengah mengenai masalah tempat tinggal? Jika sedar, apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah ini?
 2. Adakah pihak berkuasa Ugama Negeri Pulau Pinang akan mengkaji dan menyusun semula pelaksanaan undang-undang Ugama Islam bagi Negeri Pulau Pinang? Jika ya, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini sejauh manakah langkah-langkah ini telah diambil?
 3. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedar Negeri ini mempunyai potensi yang baik dalam bidang aqua-culture? Jika sedar, apakah rancangan Kerajaan untuk memajukan Negeri ini dalam bidang yang tersebut?
 4. Adakah Kerajaan sedar bahawa rancangan perumahan swasta yang sedang berjalan begitu pesat di negeri ini tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada rakyat yang berpendapatan rendah? Jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan supaya setiap projek perumahan yang dijalankan itu dapat dinikmati oleh semua peringkat rakyat Negeri ini?
 5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini sejauh manakah pelaksanaan projek perumahan negeri telah dijalankan dan berapakah peratusan kemajuan projek ini bagi semua kawasan setakat ini? Jika projek-projek ini sudah hampir siap, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah pengundian bagi menentukan penghuni-penghuni akan dijalankan bagi semua kawasan?
 6. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menerangkan kepada Dewan ini dengan lebih lanjut mengenai projek pembangunan Bukit Jambul, Bayan Lepas yang akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?
 7. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menerangkan kepada Dewan ini dengan lanjutnya apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan bagi membangunkan kawasan, tanah di Sungai Chenaam di Seberang Perai Selatan?
 8. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini sejauh manakah kemajuan yang dicapai mengenai pembinaan Mesjid Negeri dan bilakah projek ini dijangka siap? Jika projek ini sudah hampir siap adakah Kerajaan merancang untuk mengambil pegawai untuk mentadbirkan Mesjid Negeri dan bilakah pengambilan akan dibuat?
- (1. Is the State Government aware of the difficulties that Penang students face in Egypt and the Middle East Countries regarding accommodation? If so, what does the Government intend to do to resolve this problem?
 2. Does the religious authorities in Penang intend to study and review the implementation of Muslim religious laws in the State? If so, can the Hon'ble Chief Minister inform this House to what extent has this been done?
 3. Is the State Government aware that the State has good potential in the field of aqua-culture? If so, what are the plans of the Government in this direction?
 4. Is the Government aware that private housing schemes that are being implemented at such a tremendous rate do not benefit the low-income groups? If so, what steps will the Government initiate to ensure that every housing scheme implemented will benefit all strata of society in the State?
 5. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House to what extent has the State low-cost housing programme been implemented and what is the progress of projects in the various schemes percentage-wise to date?
- If these projects are nearing completion, can the Hon'ble Chief Minister inform this House when will balloting of the units for the various schemes begin?
6. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House in detail regarding the projects to develop Bukit Jambul, Bayan Lepas which will be implemented by the State Government?
 7. Can the Hon'ble Chief Minister further inform this House the steps taken to develop the land at Sungai Chenaam in Province Wellesley South?
 8. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House the progress that has been achieved in the construction of the State Mosque, and when will this project be completed? If this project is nearing completion, is the Government planning to recruit personnel to administer the State Mosque and when will this intake be made?)

Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri menyedari kesusahan-kesusahan yang dihadapi oleh penuntut-penuntut dari Pulau Pinang

dalam mencari tempat tinggal di Negera-negara Timur Tengah, khususnya di Mesir. Kerajaan Negeri sedang menjalankan penyelidikan untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Oleh kerana kebanyakan penuntut-penuntut bukan ditaja oleh Kerajaan Negeri, kerjasama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri telah diminta.

2. Jabatan Ugama Islam telahpun mengkaji dan mengatitkan penyusunan semula Undang-Undang Ugama Islam Pulau Pinang. Kajian tersebut adalah kajian peringkat awal dan pindaan-pindaan yang telah dicadangkan sedang diteliti.

3. Ya.

Sebilangan Jabatan-Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Perikanan, Jabatan Pertanian, Majuikan serta Instituti Penyelidikan Perikanan membuat penyelidikan, kajiduga dan kegiatan lanjut supaya menggalakkan pembangunan aqua-culture dalam Negeri ini.

Banyak projek-projek percubaan telah dilaksanakan dengan jayanya oleh jabatan-jabatan yang berkenaan dan perkenalan kepada masyarakat luar bandar sedang dilakukan melalui lanjutan serta pemberian subsidi.

Subsidi-subsidi sedang diberi kepada petani-petani dan nelayan-nelayan yang ingin menjalankan projek-projek seperti ini. Untuk pembiakan ikan air tawar, subsidi adalah diberi bagi pembinaan kolam dan kemudahan-kemudahan lain yang berkenaan. Subsidi juga diberi untuk pemagaran kawasan-kawasan untuk perikanan di laut.

Benih-benih ikan, makanan dan keperluan-keperluan lain juga diberi subsidi.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, satu peruntukan sebanyak \$100,000 disediakan untuk skim subsidi di atas.

Kajian sedang dilakukan untuk melaksanakan projek-projek yang lebih besar seperti pembiakan ikan air payau (brackish) dan air tawar serta udang galah, kerang dan sangkar-sangkar ikan di laut dalam skim-skim pertanian yang berintegrasi untuk dilaksanakan dalam Negeri ini di atas dasar perdagangan.

4. Saya sedar bahawa rancangan perumahan swasta di Negeri ini tidak banyak memberi munafaat kepada rakyat berpendapatan rendah setakat mana yang diinginkan oleh Kerajaan.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang positif untuk mengatasi keadaan ini. Pertama, Kerajaan Negeri telah membuat seruan kepada pihak swasta supaya bekerjasama dalam mendirikan lebih banyak rumah-rumah murah bagi golongan berpendapatan rendah. Di samping itu, Kerajaan Negeri telah mengarahkan pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang supaya menyediakan plot-plot tanah untuk ditawarkan secara tender kepada pihak swasta khas untuk mendirikan rumah-rumah murah. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telahpun mengemukakan pelan-pelan kepada Majlis Perbandaran untuk kelulusan.

5. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan Negeri melaksanakan 2 jenis rancangan perumahan murah seperti berikut: —

(i) Rumah yang dibina dengan bantuan pinjaman Kerajaan Persekutuan — 3236 unit.

(ii) Rumah Peralihan yang dibina dengan peruntukan Kerajaan Negeri — 1029 unit.

Kedua-dua jenis projek tersebut adalah seperti dalam senarai yang dikepilkan di mana tertunjuk jenis projek, bilangan unit dan peratusan kemajuan yang dicapai.

Persediaan sedang diatur untuk menetapkan tarikh mengundi bagi projek-projek yang telah siap dan orang ramai akan diberitahu melalui akhbar-akhbar. Setakat ini pengundian untuk projek Rumah Peralihan Taman Tun Sardon telahpun ditetapkan pada 7.5.1979.

6. Projek Bukit Jambul merupakan salah satu daripada berbilang rancangan di bawah konsep keluruhan bagi membangunkan Bayan Baru menjadi sebuah pusat perkembangan yang baru. Dalam usaha membangunkan Bayan Baru, mestilah diadakan pembangunan campuran yang seimbang dalam bidang-bidang perumahan, perniagaan, sivik, rekreasi dan kilang-kilang untuk dikaitkan dengan pembangunan di sektor swasta, yakni Syarikat Tunas Muda, Watts Estate dan Island & Peninsular yang merupakan projek-projek sektor swasta di sekitar itu. Kesemuanya pemajuan-pemajuan ini akan menjadikan Bayan Baru sebuah pusat perkembangan yang baru bagi Negeri Pulau Pinang. Projek Bukit Jambul hendaklah ditinjau dari segi ini agar dapat disedari bahawa projek ini adalah sebenarnya selaras dengan polisi Kerajaan Negeri yang telah diisytiharkan, yakni “memperindustrikan dan memperbandarkan desa, serta memperluas dan mempelbagaikan asas agro-horticulture kita sejajar dengan pembaharuan bandar di Negeri Pulau Pinang”.

Projek Bukit Jambul akan menyediakan unit-unit perumahan, sebuah pusat perniagaan, sebuah hotel dan sebuah kawasan rekreasi termasuk sebuah padang golf bersekali dengan kemudahan-kemudahan permainan dan tambahan yang lain. Kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan perumahan

dan perniagaan, bersama dengan sitat-sifat rekreasi adalah mustahak untuk memberi kawasan itu corak pembangunan yang seimbang serta padu demi menemui keperluan segala lapisan rakyat kita.

Projek Bukti Jambul akan menyediakan lebih daripada 2,200 unit perumahan yang terdiri daripada rumah-rumah banggelo, berkembar, teres dan berangkai serta juga rumah pangsa, maisonette dan apartment. Bahagian perumahan projek itu akan menggunakan lebih daripada 300 ekar tanah yakni 60% daripada jumlah 500 ekar yang telah dicadangkan untuk pembangunan itu. Kawasan seluas 10 ekar lagi akan dikhaskan untuk kemudahan-kemudahan perniagaan, sosial dan sivik, seperti rumah-rumah kedai, kompleks perniagaan/kediaman, sebuah pasar, sebuah kompleks penjaja, sebuah stesyen petrol dan sebuah dewan pelbagaiguna. Sebuah tapak 5 ekar akan disediakan untuk pembinaan hotel dengan kemudahan-kemudahan berkaitannya. Adalah dijangkakan bahawa hotel ini akan mendapat faedah dari kehampirannya dengan lapangan terbang dan kawasan perusahaan Bayan Lepas serta juga kejauhannya dari kawasan bandar yang sesak di George Town. Demi menyediakan kemudahan-kemudahan rekreasi dan sukan, sebuah kawasan seluas 130 ekar akan dikhaskan untuk sebuah padang golf biasa 18 lubang bersekali dengan kemudahan-kemudahan sukan dan lain-lain yang berkaitan. Padang ini akan menyumbangkan kehijauan tambahan dan kawasan terbuka untuk pusat perkembangan baru bagi Bayan Baru. Di samping itu, kemudahan-kemudahan sukan yang lain akan disediakan di sekitar Bayan Baru untuk meliputi lingkungan yang seluas-luasnya, seperti sepak takraw, bola tampar, bola keranjang, bolesepak, bola jaring, dan sebagainya.

Adalah dijangkakan bahawa pembangunan kawasan ini akan dilaksanakan secara usahasama dengan sektor awam menurut matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Ketiga. Ini akan membolehkan Kerajaan Negeri menjalurkan segala peruntukan yang diberi kepadanya bagi melaksanakan projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga.

Skim ini adalah juga berkait dengan pentadbiran bank tanah pada keseluruhannya.

7. Kawasan tanah di Sungai Chenaam adalah dirancang untuk pembangunan suatu perkampungan yang dapat disokong dengan projek-projek pelbagai pertanian seperti jenis kekal dan kontang, projek perikanan laut dan air tawar dan ternakan. Kajian tentang kesesuaian tanah dan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang tersedia perlu disempurnakan sebelum sebarang keputusan untuk menempatkan penduduk-penduduk di kawasan itu boleh dibuat.
8. Setakat ini, Pembinaan Mesjid Negeri telahpun siap sebanyak 85%. Projek ini dijadualkan siap dalam bulan Ogos, 1979.

Satu kajian sedang dibuat tentang cara bagaimana Kompleks Mesjid Negeri akan ditadbirkan dan kemudiannya pengambilan pekerja-pekerja akan diuruskan.

- (1. The State Government realises the difficulties faced by students from Penang in finding accommodation in the Middle East Countries, particularly in Egypt. The State Government is carrying out investigations to solve the problem. Since most of these students are not sponsored by the State Government, the co-operation of the Ministry of Foreign Affairs has been sought.
2. The Muslim Religious Department has already studied and made arrangements to review the State Muslim Religious Laws. The study that has been carried out was on a preliminary level and amendments that have been proposed are now being examined.
3. Yes. Various government departments and agencies such as the Fisheries Department, Agriculture Department, MAJUikan and the Fisheries Research Institute undertake research, experimentation and extension activities in order to promote the development of aqua-culture in the State. Several successful experimental projects have been undertaken by the departments concerned and propagation to the rural communities is being done by way of extension and the provision of subsidies.

Subsidies are being provided to farmers and fishermen wishing to undertake such projects. For the breeding of fresh-water fish subsidy is provided for the construction of ponds and other ancillary facilities. Subsidy is also provided for the construction of enclosures for marine fisheries.

Fish fries, feed and other requirements are also being subsidised.

Under the Third Malaysia Plan an allocation of \$100,000 is provided for the above subsidy scheme.

Studies are currently being undertaken to implement larger-scale projects such as brackish and fresh-water fish and udang galah breeding, cockle culture and marine fish cage-culture within the integrated agriculture schemes to be implemented in the State on a commercial basis.

4. I am aware that the housing schemes built by the private sector have not benefited the low-income groups as much as the Government would wish.

The Government has taken positive steps to remedy this. Firstly the State Government has urged the private sector to co-operate in constructing more low-cost houses for the low-income group. The

government has also directed the Penang Development Corporation to prepare a certain number of plots of land which will be offered by tenders to private sectors specifically for constructing low-cost houses. The Penang Development Corporation has submitted plans for the approval of the Municipal Council.

5. Under the Third Malaysia Plan, the State Government implements 2 types of low-cost housing schemes, as follows:—

- (i) Houses built with the assistance of Federal loans — 3,236 units.
- (ii) Transitional Housing which are built with State Funds — 1,029 units.

Both types of projects are as shown in the list attached wherein the type of projects, number of units and percentage of progress achieved are indicated.

Arrangements are now being made to fix the date of balloting for projects which have been completed and the public will be informed through the press. Up to now, balloting for the Transitional Housing Project at Taman Tun Sardon has been fixed for 7.5.79.

6. The Bukit Jambul project is one of the many programmes within the overall concept of developing Bayan Baru into a new growth centre. In developing Bayan Baru, there must be a mixed and balanced development of housing, commercial, civic, recreational and factory development to tie up with the private sector development of Syarikat Tunas Muda, the Watts Estate and the Island & Peninsular, all of which are private sector projects in the immediate vicinity. All these developments will make Bayan Baru an important new growth centre for the State of Penang. The Bukit Jambul project must be seen in this context so as to appreciate that the project is really in line with the State Government's declared policy "to carry out rural industrialisation and rural urbanisation, extension and diversification of our agro-horticultural base concomitant with urban renewal in Penang."

The Bukit Jambul project will provide residential units, a commercial centre, a hotel and a recreational area including a golf course with its other related sports and ancillary facilities. The residential and commercial facilities and services, together with the recreational content are necessary to give the area a balanced and integrated type of development to meet the needs of all sectors of our population.

The Bukit Jambul project will make available over 2,200 housing units ranging from bungalows, semi-detached, terrace and links to flats, maisonettes and apartments. The residential content of the project will take up more than 300 acres which is 60% of the overall 50 acres earmarked for development. Another 10 acres will be for commercial, social and civic facilities, such as shophouses, commercial cum residential complex, a market, a hawkers' complex, a petrol station and a multi-purpose hall. A 5 acres site will be earmarked for a hotel development and its ancillary facilities. It is envisaged that this hotel will have the advantage of being near to the airport and the industrial area of Bayan Lepas, as well as being away from the congested urban area of George Town.

To provide recreational and sports facilities, a 130 acre site will be set aside for an international standard 18-hole golf course together with other ancillary and sports facilities. The course will provide additional greenery and open space for the new growth centre of Bayan Baru. Over and above this, other sports facilities will be made available within the vicinity of Bayan Baru to cover for as wide a range of sports facilities as possible, e.g. sepak takraw, volleyball, basketball, soccer, netball, etc.

It is envisaged that the development of this area will be carried out in joint venture with the public sector in accordance with the objectives of the Third Malaysia Plan. This will enable the State Government to direct all its funds allocated to it to implement the projects of the Third Malaysia Plan.

This scheme is also connected with the administration of the land bank as a whole.

7. The land in Sungai Chenaam has been earmarked for development as a village area with diverse cultivation of permanent and cash crops, sea and fresh-water fish rearing and livestock-rearing. Studies on the suitability of the land and the infra-structure facilities available will have to be completed before any decision to settle the residents in the area can be made.
8. The construction of the State Mosque is now 85% completed. The project is scheduled for completion in August 1979.

An assessment is being made as to how the State Mosque complex is to be administered and staff recruitment will then be undertaken.)

[VIII] Ahli Kawasan Bagan Jermal [Dr. Sak Cheng Lum] bertanya kepada Ketua Menteri:—

1. (a) Atas aduan dari Persatuan Penduduk Taman Senangan, Teluk Ayer Tawar, Butterworth, bahawa suratan-suratan hakmilik individu masih belum diluluskan oleh Pejabat Tanah (kelewatan dalam pengeluaran hakmilik individu itu difahami berasal daripada pihak pemaju perumahan sendiri yang telah

PROJEK RANCANGAN PERUMAHAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

<u>Bil.</u>	<u>Tapak Projek</u>	<u>Jumlah unit</u>	<u>Jenis</u>	<u>Kos</u>	<u>Kedudukan Projek</u>
RANCANGAN MALAYSIA KETIGA					
1.	i) Kampong Melayu) di bawah ii) Taman Free School) daripada	470	Rumah Pangsa — 16 tgg. (3 bilik-120) (2 bilik-350)	\$4,029,233	Sudah siap dan telah diduduki
iii) Kuala Muda Per. I) Rancangan iv) Kuala Muda Per. IT) Malaysia		695	Rumah Pangsa — 5 tgg. (3 bilik)	7,900,000	Peratus percapaian kemajuan: 65%
		25	Rumah Papan berkembar (2 bilik)	203,500	Peratus percapaian kemajuan: 25%
	Kedua	25	Rumah Papan berkembar (2 bilik)	255,000	Peratus percapaian kemajuan: 25%
2.	Taman Brown Bk. Glugor Per. I	200	Rumah Pangsa 5-tgg. (3-bilik)	2,240,000	Peratus percapaian kemajuan: 99%
3.	Taman Brown Bk. Glugor Per. II	1020	Rumah Pangsa 5-tgg. (3 bilik)	12,750,000	Peratus percapaian kemajuan: 14%
4.	Bagan Ajam, S. Perai	400	Rumah Pangsa 5-tgg. (3-bilik)	4,320,000	Peratus percapaian kemajuan: 58%
5.	Jalan Mohd. Saad, S. Perai	98	Rumah Teres dua tingkat (2-bilik)	782,000	Peratus percapaian kemajuan: 93%
6.	Jawi, Nibong Tebal, Per. I	268	Rumah Teres dua tingkat (2-bilik)	2,300,000	Peratus percapaian kemajuan: 35%
7.	Simpang Tiga Berapit, S. Perai	50	Rumah Teres dua tingkat (2-bilik)	470,000	Peratus percapaian kemajuan: 7%
8.	Jalan Pondok Upeh, Genting	60	Rumah Teres dua tingkat (2-bilik)	473,000	Telah siap dan belum diduduki
9.	Gertak Sanggul, Telok Kumbar	74	Rumah Teres dua tingkat (2-bilik)	543,000	Peratus percapaian kemajuan: 89%
RUMAH PERALIHAN		<u>3385</u>			

10.	Sungai Pinang Per. 1A & 1B	201	Rumah Teres dua tingkat (2-bilik)	1,452,077	Sebanyak 107 unit telah siap dan 104 unit telah pun diduduki
11.	Teluk Kumbar	29	Rumah Teres dua tingkat (2-bilik)	225,000	Telah siap dan belum diduduki
12.	Sungai Pinang Per. II	62	Rumah Teres dua tingkat (2-bilik)	422,000	Telah siap dan belum diduduki
13.	Taman Brown, Bukit Glugor	140	Rumah Teres dua tingkat (2-bilik)	1,025,000	Sudah siap dan telah diduduki
14.	Pernatang Damar Laut	54	Rumah Teres dua tingkat (2-bilik)	357,000	Sudah siap dan telah diduduki
15.	Teluk Bahang	46	Rumah Teres dua tingkat (2-bilik)	359,000	Peratus percapaian kemajuan: 95%
16.	Jalan Makloom	69	Rumah Teres dua tingkat (2-bilik)	492,400	Peratus percapaian kemajuan: 18%
17.	Sungai Dua	12	Rumah Teres dua tingkat (2-bilik)	94,000	Peratus percapaian kemajuan: 99%
18.	Pernatang Tinggi	52	Rumah Teres jenis cluster (2-bilik)	397,000	Peratus percapaian kemajuan: 48%
19.	Kampung Baru Valdor	42	Rumah Teres satu tingkat (2-bilik)	305,000	Peratus percapaian kemajuan: 85%
20.	Jawi Nibong Tebal	128	Rumah Teres dua tingkat (2-bilik)	1,200,000	Peratus percapaian kemajuan: 30%
21.	Belakang JKR Qrts. di Bukit Panchor	60	Rumah Teres dua Tingkat (2-bilik)	487,000	Peratus percapaian kemajuan: 85%
		<u>895</u>			

gagal mengemukakan permohonannya terlebih awal) dan kerana pemilik-pemilik rumah di rancangan perumahan tersebut telah memiliki rumah-rumah mereka semenjak 1967 dan 1970, bolehkah Pejabat Tanah memberi kelulusan suratan-suratan hakmilik-hakmilik individu atas pertimbangan khas dengan secepat mungkin?

- (b) Apakah tindakan atau langkah-langkah yang telah diambil oleh jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan berhubung dengan aduan dari tuanpunya rumah?
 - (c) Apakah tindakan tambahan yang akan diambil oleh jabatan-jabatan yang berkenaan untuk menyelesaikan masalah ini?
2. Jawatankuasa Perumahan Negeri telah menjual unit-unit rumah pangsa Kerajaan Negeri di Mak Mandin, Butterworth kepada orangramai, kecuali tingkat bawah Blok C sahaja, (iaitu rumah-rumah kedai).
 - (a) Adakah Jawatankuasa Perumahan Negeri sedia menjual tingkat bawah kepada orangramai? Jika ia sedia menjual tingkat bawah di rumah pangsa tersebut, berapakah harganya dan apakah kriteria penjualannya?
 - (b) Jika tidak, apa sebabnya?
 3. Rumah murah di bawah Rancangan Perumahan Negeri Pulau Pinang di Jalan Mohd. Saad, Butterworth dan di Bagan Ajam, Butterworth akan siap untuk diduduki tidak berapa lama lagi. Bolehkah Y.A.B. Ketua menteri menerangkan kriterianya pembahagian kepada pemohon-pemohon dan juga bilangannya (jika boleh) (dipecahkan kepada Bumiputra, orang Cina dan orang India) dalam agihan rumah-rumah di situ?
 4. Harga rumah dan nilai tanah sedang meningkat dengan terlampau cepat di Pulau Pinang berbanding dengan Negeri-negeri lain di Malaysia.
 - (a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri atas perkara tersebut, supaya harga serta nilai itu akan turun ke peringkat yang berpatutan?
 - (b) Perlukah Kerajaan Negeri menubuhkan sebuah Jawatankuasa (Fact-finding Committee) untuk mengkaji perkara ini dengan mendalam dan secara terperinci?
 5. Pada hakikatnya, "*fluoridation*" bekalan air adalah satu issue yang didebat-debatkan kerana kita masih tidak ada keputusan-keputusan perubatan berkenaan kegiatannya. Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang difahami telah membekal air dengan cara itu. Oleh yang demikian, ia pun melahirkan satu perdebatan antara golongan tertentu yang disiarkan di surat khabar tempatan dan juga menimbulkan perasaan bimbang atau khuatir antara penduduk-penduduk kita.
 - (a) Adakah Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang telah menghentikan *fluoridation* tersebut?
 - (b) Jika tidak, apakah rancangan perhubungan awam (public relations) yang diadakan atau akan dilancarkan oleh Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang untuk memulih keyakinan konsumer-konsumer terhadap bekalan air itu?
 6. Aduan-aduan telah disampaikan dari penduduk-penduduk di sekim-sekim perumahan. Khasnya penduduk-penduduk dari sekim perumahan lama, bahawa jalan-jalan di sekim perumahan itu telah diketepikan atau tidak dibaiki. Satu bukti berkenaan dengan aduan-aduan itu ialah di Taman Seronok, Jalan Raja Uda, Butterworth (Jalan-jalan dan lorong-lorong Bunga Raya, Butterworth) di kawasan Pilihanraya saya. Alasan-alasan yang diberi oleh pihak berkuasa ialah bahawa jalan-jalan tersebut masih belum diserahkan kepada pihak berkuasa itu.
 - (a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak berkuasa atas perkara tersebut dan juga apakah cara mengatasinya supaya penduduk-penduduk di sekim perumahan tersebut tidak mendapat kesusahan kerana soal-soal teknik?
 - (b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menjamin bahawa masalah tersebut tidak akan timbul di sekim perumahan baru?
- (1. (a) With regard to the complaint from the Taman Senangan, Teluk Ayer Tawar Residents Association that individual title deeds have still not been approved by the Land Office (it is understood that the delay in the issue of individual title started from the housing developer himself who had failed to submit his application earlier) and as house owners in the said housing schemes have owned their houses since 1967 and 1970, can the Land Office approve the individual title deeds under special consideration at the earliest possible juncture?
 - (b) What action or steps have been taken by the respective Government departments with regard to the house owners' complaints?
 - (c) What additional action would be taken by the departments concerned to resolve this matter?
2. The State Housing Committee has sold units of State Government flats at Mak Mandin, Butterworth to the

public except the ground floor of Block C (i.e. shophouses).

(a) Is the State Housing Committee prepared to sell the ground floor to the general public? If it is prepared to sell the ground floor of the said flat, what is their price and what are the sales criteria?

(b) If otherwise, what is the reason?

3. Low-cost houses under the Penang State Housing Scheme in Jalan Mohd. Saad, Butterworth and Bagan Ajam, Butterworth will be ready for occupation soon. Can the Hon'ble Chief Minister explain the criteria for their distribution to the applicants and also please state their number (if possible) (breakdown according to race i.e. Bumiputra, Chinese and Indians) in regard to the distribution of the houses there?

4. The cost of houses and the value of land have risen very fast in Penang compared to other States in Malaysia.

(a) What steps would be taken by the State Government on this matter so that the said cost and value will come down to a reasonable level?

(b) Is it necessary for the State Government to set up a Fact-finding Committee to study this matter in depth and in detail?

5. In actual fact fluoridation of water supplies has been a controversial issue as we still do not have the medical findings regarding its effect. It is understood that the Penang Water Authority has supplied water in that manner. As such it has resulted in debates among certain parties which has been published in the local press and also has created a certain amount of worry and concern amongst our people.

(a) Has the Penang Water Authority stopped the said fluoridation?

(b) If not, what public relations programme have been launched by the Penang Water Authority to regain the confidence of the consumers on the said water supply?

6. Complaints have been received from residents in housing schemes especially residents in old housing schemes stating that the roads in the said housing scheme have been neglected and not repaired. Proof regarding the said complaints can be seen in Taman Seronok, Jalan Raja Uda, Butterworth (Bunga Raya Roads and Lanes) in my constituency. The reason given by the authorities is that the said roads have not been handed over to them yet.

(a) What action will be taken by the authorities on the said matter and also what are the ways of overcoming this problem so that the residents in the said housing scheme will not be made to suffer because of technicalities?

(b) What steps will be taken to ensure that the said problem will not arise in new housing schemes?)

Ketua Menteri:

1. (a) Hakmilik tanah berkenaan hanya boleh disediakan setelah pelan pecah sempadan diluluskan.

Bagi rancangan perumahan di Taman Senangan, pelan tataletak yang pertama telah diluluskan dalam tahun 1965 oleh Majlis Daerah Utara. Pembinaan rumah telah dilakukan akan tetapi tidak mengikut pelan tataletak yang telah diluluskan.

Tuan tanah terpaksa membuat pindaan ke atas pelan tataletak dan sekarang sedang dalam proses Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Sebaik sahaja pelan tataletak diluluskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dan tuan tanah memohon pecah sempadan, ianya akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

(b) Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang mengambil tindakan untuk menyegerakan perkara ini.

(c) Tidak ada tindakan tambahan yang perlu dibuat.

2. (a) Kerajaan Negeri tidak bercadang menjual unit-unit kedai di rumah pangsa Mak Mandin Butterworth.

(b) Selain daripada hasil tetap yang boleh diperolehi oleh Kerajaan, jenis-jenis perniagaan yang sesuai untuk penghuni-penghuni akan ditentukan dari semasa ke semasa.

3. Kriteria yang digunakan untuk membahagikan unit-unit rumah murah kepada pemohon-pemohon adalah seperti berikut:—

(i) warganegara Malaysia, bermastautin di Pulau Pinang tidak kurang daripada 2 tahun;

(ii) pemegang Kad Pengenalan Biru;

(iii) mestilah terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (pendapatan perseorangan tidak melebihi

\$500/— dan pendapatan keluarga tidak melebihi \$800/—);

(iv) bilangan orang-orang yang akan tinggal dalam unit jika diperuntukkan;

(v) telah berkahwin dan umur tidak kurang daripada 21 tahun;

(vi) tidak mempunyai rumah-rumah tetap di mana-mana tempat yang lain.

Peratusan pembahagian unit-unit rumah di kedua-dua rancangan tersebut adalah seperti berikut: —

<u>RANCANGAN</u>	<u>BIL.</u>	<u>MELAYU</u>		<u>CINA</u>		<u>INDIA</u>	
		<u>BIL.</u>	<u>%</u>	<u>BIL.</u>	<u>%</u>	<u>BIL.</u>	<u>%</u>
1. Jalan Mohd. Saad	98						
a) Peruntukan kepada setinggan	26	24	92.3	1	3.8	1	3.8
b) Baki				Belum ditetapkan			
2. Bagan Ajam				Belum ditetapkan			

4. (a) Keperluan kadar tinggi dan kekurangan tanah merupakan sebab-sebab utama mengapa nilai tanah di Negeri Pulau Pinang ini lebih tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Nilai tanah yang tinggi ini selanjutnya menyebabkan harga rumah melambung.

Kerajaan Negeri sedar mengenai masaalah ini dan adalah nyata bahawa dasar Kerajaan Negeri mengenai pengambilan tanah dan kegunaan tanah digubah demi mengatasinya. Melalui agensi-agensinya seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Bahagian Perumahan Murah, Kerajaan Negeri telah mempergiatkan usaha-usaha membina rumah-rumah murah dan ini akan membantu untuk menstabilkan harga rumah.

Adalah juga disedari bahawa masaalah menyediakan perumahan yang mencukupi itu bukan sahaja tanggungjawab Kerajaan Negeri tetapi juga memerlukan penyertaan yang setaraf daripada pihak sektor swasta. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah memulakan beberapa langkah untuk mempercepatkan kelulusan bagi pihak sektor swasta membina rumah-rumah. Pembekalan rumah yang mencukupi akan juga menstabilkan harga.

Kerajaan Negeri juga akan melancarkan beberapa rancangan reklamasi tanah untuk mengatasi masaalah kekurangan tanah untuk tujuan-tujuan pembangunan.

4. (b) Pihak Berkuasa Negeri sememangnya memandangkan perkara ini sebagai perkara penting dan masaalah-masaalah berkenaan adalah ditaksirkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Kemajuan Perumahan Negeri dan Perbandanan Pembangunan Pulau Pinang. Oleh itu adalah difikirkan bahawa penubuhan sebuah jawatankuasa (Fact-Finding Committee) untuk mengkaji perkara ini tidaklah perlu, terutama sekali kerana Kerajaan Negeri telah menubuhkan Sistem Maklumat Tanah (Land Data System) dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang ialah negeri yang pertama yang mempunyai maklumat tanah yang berkomputer di atas kegunaan tanah. Ini memangnya akan dikaji semula dan dikemaskinikan dari semasa ke semasa sebagai satu langkah lanjutan untuk memperbaiki maklumat tanah tersebut.
5. (a) Tidak. Pihak Berkuasa Air masih meneruskan penggunaan floraid di dalam bekalan air yang merupakan sebahagian daripada rancangan keseluruhan yang dilancar dan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Tuduhan yang mengatakan penggunaan floraid itu adalah memudharatkan tidak disahkan atau disokong oleh pakar-pakar perubatan. Sebenarnya sebuah Jawatankuasa "Royal College of Physicians" di England setelah membuat penyiasatan dan kajian yang teliti telah memperakukan pencampuran floraid ke dalam bekalan air demi mencegah kerosakan gigi.
- (b) Untuk menghapuskan kebimbangan orangramai tentang bahaya-bahaya floraid, Pengurus Besar, Pihak Berkuasa Air, Pulau Pinang telah mengeluarkan dua siaran akhbar untuk menjelaskan kedudukan yang berkenaan. Di samping itu, Y.B. Menteri Kesihatan, Tan Sri Chong Han Nyan baru-baru ini telah sendiri membuat pengumuman melalui T.V. untuk menyakinkan orangramai dan saya juga telah membuat siaran akhbar untuk tujuan yang sama.
6. Jalan-jalan dan lorong-lorong di dalam rancangan-rancangan perumahan lama seperti Taman Seronok, Jalan Raja Uda, Butterworth (jalan-jalan dan lorong-lorong Bunga Raya, Butterworth) telah dibina pada masa pentadbiran Majlis Daerah Luar Bandar dahulu. Jalan-jalan dan lorong-lorong tersebut didapati 'sub-standard' dan oleh itu tidak layak untuk diambil alih untuk penyelenggaraan oleh Kerajaan

- (a) Kerajaan sekarang telah pun mula mengkaji perkara ini dengan tujuan membereskan kedudukan segala rancangan-rancangan itu dan didapati tiap-tiap satu rancangan perlu disiasat dengan teliti terutamanya untuk menentukan bahawa tanah yang terlibat dengan jalan-jalan dan lorong-lorong itu terletak telah diserahkan kepada Kerajaan sebelum tindakan boleh diambil untuk mengambilalihnya.
- (b) Jalan-jalan dan lorong-lorong di rancangan-rancangan perumahan sekarang ini dibina mengikut pelan-pelan jalan dan parit yang telah diluluskan, setelah diperiksa pada setiap peringkat pembinaanya untuk menentukan bahawa jalan-jalan dan lorong-lorong itu mengikut taraf yang dikehendaki. Jalan-jalan dan lorong-lorong ini adalah diperiksa sebelum sijil-sijil pendudukan rumah dikeluarkan dan kemudian tindakan diambil untuk mengemukakanannya untuk diambil alih oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

- (1. (a) Titles for the land can only be prepared after approval of the Subdivision Plan.

In the case of the Housing Scheme at Taman Senangan, the original Layout Plan was approved in 1965 by the District Council North. Construction of the houses had been carried out but not in accordance with the approved Layout Plan.

The landowner subsequently had to amend the Layout Plan, which is now under consideration by the Municipal Council, Province Wellesley.

After the amended Layout Plan has been approved by the Majlis Perbandaran Seberang Perai, and when the proprietor applies for subdivision, the application will then be given due consideration.

- (b) The Municipal Council, Seberang Perai is taking action to expedite this matter.

- (c) No other additional action is necessary.

2. (a) The State Government does not intend to sell the shop units at the Mak Mandin Flats, Butterworth.

- (b) Other than the fixed revenue that can be obtained by Government, suitable types of business for the occupants will be considered from time to time.

3. The criteria used in allocation low-cost housing units to applicants are as follows: —

- (i) Malaysian Citizen residing in Pulau Pinang for not less than 2 years;

- (ii) holders of Blue Identity Card;

- (iii) must comprise those from the low income group (personal income not exceeding \$500/— and family income not more than \$800/—);

- (iv) number of persons who will be occupying the unit if allocated;

- (v) married and age not less than 21 years old;

- (vi) does not own permanent house in any other place.

The Percentage of allocation of the housing units at both schemes is as follows: —

SCHEME	MALAY			CHINESE		INDIAN	
	NO	NO.	%	NO.	%	NO.	%
1. Jalan Mohd. Saad	98						
a) Percentage to squatters	26	24	92.3	1	3.8	1	3.8
b) Balance				Not yet determined			
2. Bagan Ajam				Not yet determined			

4. (a) The high demand and the stringency of land are the main causes as to why the value of land in Penang is relatively higher compared to other states in Malaysia. This high value in turn causes prices of houses to increase tremendously.

The State Government is aware of this problem and it can be seen that the State Government's policy of land acquisition and land utilisation has been drafted so as to overcome this problem. Through its agencies such as the Penang Development Corporation and its low-cost Housing Section, the State Government has intensified its effort to construct low-cost houses and this will help to stabilise the cost of houses.

It is also aware that the problem of providing sufficient housing is not only the responsibility of the State Government but also requires equal participation by the private sector. The State Government

has therefore initiated a number of steps to expedite approval for the private sector to construct more houses. Provision of sufficient houses will also stabilize the prizes thereof.

The State Government will also launch a number of Land Reclamation schemes to overcome the problem of land shortage for development purposes.

- (b) The State Authority has always viewed this matter with concern and such problems are appraised from time to time by the State Development Housing Committee and the Penang Development Corporation. It is therefore considered that the setting up a Fact-Finding Committee to study this matter is not necessary especially since the State Government has established a Land Data System in conjunction with the U.S.M. Penang is the first State to have computerised basic information on land utilisation. This will of course be reviewed and updated from time to time as a continuing process of improving Land Data.
5. (a) No. The Penang Water Authority has not stopped fluoridation of water supply which forms part of an overall programme launched and funded by the Federal Government. Allegations that fluoride is harmful had not been confirmed or corroborated by medical experts. In fact, a select committee of the Royal College of Physicians in England has, after much research and deliberation, recommended that fluoride be added to the water supply in order to prevent dental caries.
- (b) In order to dispel fears among the people as to the safeness of fluoridation, the General Manager of the Penang Water Authority has made two press releases to clarify the situation. Besides this, the Honourable Minister of Health, Tan Sri Chong Han Nyan recently made a television appearance to reassure the people and I myself have also given a press release to this effect.
6. The roads and lanes within the old housing schemes, i.e. Taman Seronok, Jalan Raja Uda, Butterworth (Bunga Raya Roads and Lanes) were constructed during the administration of the former Rural District Council. They have been found to be sub-standard and thereby do not qualify for taking over for maintenance by the Government.
- (b) At present the Government has already begun looking into this matter with a view to regularising the status of the various schemes and found that each scheme will have to be investigated individually, especially to ensure that the land on which these roads and lanes are situated have been surrendered to the Government before action can be taken for it to be taken over.
- (b) Present housing scheme roads and lanes are constructed in accordance with the approved road and drainage plans, and they are checked at every stage of construction to ensure that they comply to the required standard for taking over. These roads and lanes are finally checked prior to the issue of the occupation certificates for houses, and action taken immediately to submit them to the relevant authority for taking over)

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

3[B] Jawapan-Jawapan Bertulis Kepada Soalan-Soalan

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan adalah dibentangkan di atas meja Dewan.

[I] Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam [Encik Seow Hun Khim] bertanya kepada Ketua Menteri:—

1. mengapakah pasar borong sayur di Jalan Arumugam Pillai di Bukit Mertajam hendak dipindahkan ke satu tempat yang lain dan sudahkah Kerajaan mendapat tapak alternatif itu?
2. Adakah beliau sedar bahawa pekerja-pekerja telah tidak dihantar untuk memungut sampah-sarap di Jalan Cherok Tokun, Bukit Mertajam, sungguhpun penduduk-penduduk di Jalan tersebut juga membayar cukai seperti pembayar-pembayar cukai yang lain? Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil supaya perkhidmatan memungut sampah-sarap diadakan untuk penduduk-penduduk di Jalan tersebut?
3. Adakah Kerajaan Negeri akan membina sebuah jambatan atas di Jalan Arumugam Pillai, Bukit Mertajam untuk kegunaan dan keselamatan orang-orang yang berjalan kaki yang ingin menyeberang jalan tersebut

untuk pergi ke stesyen bas yang berada di Jalan tersebut?

Ketua Menteri

1. Tanah kosong Kerajaan yang sedang diduduki oleh pemborong-pemborong sayur di Jalan Arumugam Pillai, Bukit Mertajam adalah diperlukan untuk Pejabat Kadi yang baru dan bangunan baru Mahkamah yang dicadangkan. Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang menimbangkan cadangan untuk menempatkan semula pemborong-pemborong sayur di Seberang Jaya.
2. Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang mengkaji kemungkinan melanjutkan perkhidmatan-perkhidmatan mengangkut sampah ke kawasan-kawasan luar bandar di Jalan Cherok Tokun. Langkah ini memerlukan tambahan tenaga buruh, alat-alat dan kewangan.
3. Adalah didapati bahawa lorong-kaki di sebelah Jalan Arumugam Pillai terlalu sempit untuk pembinaan sebuah jambatan 'overhead'. Walau bagaimanapun Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang mengkaji cadangan untuk menempatkan semula perhentian bas supaya mengurangkan kesesakan lalu-lintas di sepanjang Jalan Arumugam Pillai.

[II] Ahli Kawasan Bukit Tengah [Encik Liang Thau Sang] bertanya Ketua Menteri:—

1. Keadaan Jalan Juru adalah sangat buruk dan oleh itu kemalangan selalu berlaku. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah rancangan membina semula akan dimulakan?
2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilangan permohonan-permohonan bagi tanah Kerajaan Lot 153, Mk. 12, S.P.T. yang telah dibuka pada awal tahun 1978 dan berapakah bilangan pemohon yang telah berjaya setakat hari ini?
3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir di Taman Chai Leng, Perai?
4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini apakah langkah yang diambil untuk mencegah pencemaran yang disebabkan oleh pembangunan di kawasan Bukit Minyak dan Juru?
5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah Kerajaan Negeri akan memulakan Rancangan Perumahan Murah di Lot 175, Perkampungan Juru, S.P.T.?

Ketua Menteri:

1. Jalan ini adalah Jalan Negeri dan ianya telah kerap kali diselenggarakan dengan menampung lubang-lubang dan dengan membuat pembaikan-pembaikan kecil yang lain. Jalan ini telah dimasukkan di dalam Anggaran Pembangunan Negeri Tahun 1979 untuk pembaikan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak \$80,000/— dan kerja-kerja akan dijalankan tahun ini.
2. Bilangan permohonan adalah 65 orang. Luasnya tanah ini ialah 3 ekar 2r. 35p. Tanah ini terletak di kawasan Perkampungan Baru Juru. Setelah perancangan dibuat, separuh daripada kawasan ini akan dijadikan kawasan lapang iaitu padang permainan dan kawasan rekreasi dan separuh lagi dapat dipecahkan kepada lebihkurang 6 plot perumahan. Semua permohonan sedang diproseskan oleh Pejabat Tanah, SPT.
3. Taman Chai Leng adalah sekarang di bawah Kawalan pamaritan bagi Seberang Jaya. Oleh itu, pamaritan dari Taman Chai Leng akan dikawal oleh pintu air besar yang dijagai oleh Jabatan Parit dan Taliair. Ini akan meringankan masalah-masalah banjir di masa hadapan.
4. Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengadakan undang-undang kecil untuk mengawal pencemaran yang disebabkan kerja-kerja tanah yang diusahakan oleh tuantanah-tuantanah dan pemaju-pemaju, yang dinamakan "Undang-Undang Kecil (Kerja-Kerja Tanah) Seberang Perai 1977". Undang-Undang Kecil ini sedang dikuatkuasakan terhadap tuantanah-tuantanah dan pemaju-pemaju yang mengambil dan mengangkut tanah merah di kawasan-kawasan Bukit Minyak dan Juru.
5. Cadangan mendirikan rumah murah di Perkampungan Juru, S.P.T. masih dalam peringkat penyiasatan. Sehingga keputusan dibuat, tarikh bagi pelaksanaan projek itu tidaklah dapat ditentukan.

[III] Ahli Kawasan Tasek Glugor [Encik Md. Noor bin Ahmad] bertanya kepada Ketua Menteri:—

1. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa sistem parit-parit taliair yang telah ujud sebelum kita mendapatkan Kemerdekaan bagi Daerah Seberang Perai Utara itu perlu dikaji semula? Jika sedar, bilakah rancangan sedemikian akan disediakan dan seterusnya dilaksanakan?
2. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa kemarau yang panjang baru-baru ini telah mendatangkan ke-

rugian yang besar kepada petani-petani? Jika sedar, adakah pihak Kerajaan Negeri akan membantu mereka atas kerugian yang dialami?

3. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menyimpan air untuk pertanian semasa musim kemarau dengan tujuan menampung air bagi dibekalkan kepada projek-projek pertanian, seperti yang dirancang di MADA, Kedah?
4. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedar bahawa air Sungai Muda pada masa ini dipergunakan bagi 3 projek iaitu projek untuk pertanian bagi MADA, projek pertanian bagi Negeri Pulau Pinang serta projek bagi Pihak Berkuasa Air, Pulau Pinang, Tiga projek yang besar ini telah menyebabkan air di Sungai Muda terlalu cepat merosot? Apakah usaha-usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan air apabila tiba musim kemarau?
5. Sudahkah ada penyelesaian sempadan antara Negeri Pulau Pinang dengan Negeri Kedah melalui Sungai Muda?

Ketua Menteri:

1. Kedudukan sistem parit-parit taliair di Seberang Prai Utara akan dikaji semula. Kementerian Pertanian bersama dengan Kerajaan Negeri akan menjalankan perancangan yang diperlukan, dan pelaksanaannya akan dibuat di bawah Rancangan Malaysia Keempat.
2. Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang sedar akan masalah ini. Mengikut kajian yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian, terdapat lebihkurang 1,350 ekar padi di Negeri Pulau Pinang yang menghadapi ke-
rugian akibat kemarau ini.

Langkah-langkah yang telah diambil untuk membantu petani-petani yang terlibat adalah seperti berikut: —

- (a) Memberi benih padi yang percuma dengan kadar 4 gantang seekar. Setakat ini, permohonan telah diterima untuk bantuan benih bagi seluas 1,053 ekar. Benih ini akan dikeluarkan apabila musim menanam padi bermula kelak.
- (b) Memberi nasihat dan bantuan untuk menanam tanaman-tanaman jangka pendek seperti jagung, kacang tanah, sayuran-sayuran dan sebagainya di kawasan-kawasan yang tidak mendapat kemudahan air yang mencukupi untuk penanaman padi.
3. Tidak ada kemungkinan bagi mengadakan kolam air simpanan air bagi kegunaan pengairan di Negeri ini. Untuk kawasan tanah seberang seperti di Seberang Perai, kawasan Seberang Perai Utara, bendang-bendang adalah bergantung kepada air yang dipam dari Sungai Muda yangmana kesemua kawasan tadahannya berada dalam Negeri Kedah.

Untuk kesemua kawasan pengairan yang lain, bekalan air tidak mencukupi untuk melayakkannya mendapat kemudahan-kemudahan penyimpanan.

4. Keseluruhan kawasan tadahan untuk Sungai Muda adalah di Negeri Kedah. Sebenarnya, tidak ada kawasan samada di Seberang Perai mahupun di Pulau Pinang untuk menyimpan air yang banyak untuk tujuan perairan. Kebanyakan kawasan-kawasan pertanian terpaksa bergantung kepada pengepaman untuk bekalan airnya.
5. Pada dasarnya masalah sempadan antara Negeri Pulau Pinang dengan Negeri Kedah di sebelah utara melalui sempadan Sungai Muda telah diselesaikan.

Walau bagaimanapun, perundingan-perundingan seterusnya sedang dijalankan di antara kedua-dua Negeri berkenaan dengan butir-butir lanjut pelaksanaan.

[IV] Ahli Kawasan Sungai Acheh [Encik Ahmad bin Salleh] bertanya kepada Ketua Menteri:—

1. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi subsidi-subsidi kepada nelayan-nelayan di negeri ini? Jika ada, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini senarai peruntukan-peruntukan yang sedang dan akan dilaksanakan dari sejak tahun 1975 hingga tahun 1979?
2. Pada tahun 1977 dan 1978 Kerajaan Negeri telahpun memberi bantuan pemulihan kepada petani-petani untuk memulihkan tanah-tanah rang meraka. Adakah Kerajaan bercadang akan meneruskan rancangan bantuan ini bagi tahun 1979?

Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri tidak menyediakan Rancangan Subsidi untuk nelayan-nelayan. Rancangan yang dijalankan sekarang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (1976 — 1980)

Negeri Pulau Pinang diberi peruntukan sejumlah \$1.2 juta oleh Kerajaan Pusat untuk digunakan sebagai bantuan subsidi kepada nelayan-nelayan.

2. Kerajaan Negeri akan terus memberi bantuan bagi pemulihan tanah rang bagi tahun 1979. Sebuah Jawatankuasa sedang mengkaji keluasan tanah serta jumlah peruntukan wang yang terlibat.

[V] **Ahli Kawasan Bagan Jermal [Dr. Sak Cheng Lum] bertanya kepada Ketua Menteri:—**

1. Adakah usaha-usaha yang telah dijalankan atau akan diambil oleh Kerajaan Negeri kita supaya membantu kedua-dua Majlis Perbandaran kita mengatasi masalah berkaitan dengan sampah-sarap dan kekotoran longkang-longkang di Bandar Georgetown, Butterworth, Bukit Mertajam dan pekan-pekan lain?
2. (a) Memandangkan bahawa masalah kesesakan lalu lintas dan masalah 'parking' kian bertambah rumit dari sehari ke sehari di Georgetown dan beberapa tempat di Butterworth, adakah Kerajaan Negeri akan menubuhkan sebuah jawatankuasa yang terdiri dari pakar-pakar untuk menyediakan satu rancangan pengangkutan dan rancangan sistem trafik untuk seluruh Negeri Pulau Pinang?
(b) Adakah Kerajaan Negeri akan memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam dari segi keselesaan [*comforts*], perkhidmatan bas yang lebih '*regular*' dan lain-lain?
3. Kita sedia maklum daripada *mass media* bahawa Negeri Pulau Pinang akan mendapat peruntukan tambahan sebanyak \$500 juta bagi perbelanjaan pembangunan mengikut laporan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberi satu senarai projek-projek yang diperuntukkan dan akan dilancarkan di bawah perbelanjaan kajian separuh penggal R.M.T. di kawasan Butterworth?
4. Adakah P.D.C. membuat kajian dari semasa ke semasa berkenaan cara dan dasar menguntukkan rumah-rumah kepada pemohon-pemohon? Apa langkah telah diambil untuk memastikan bahawa rumah-rumah diuntukkan kepada pemohon-pemohon yang '*deserving*' sahaja dan bukan kepada pemohon-pemohon yang membuat spekulasi atau rumah-rumah P.D.C.?
5. Kita semua sedia maklum bahawa Negeri Pulau Pinang telah berjaya menarik ramai pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha asing dan juga tempatan ke Pulau Pinang. Adakah pihak Kerajaan Negeri telah membuat Analisa Kos dan Faedah untuk kilang-kilang yang akan diadakan supaya kita tidak akan menghadapi kerugian besar yang diakibatkan oleh pelaburan-pelaburan itu nanti?
6. Memandangkan kepada perkembangan industri perumahan yang pesat dan kekurangan tanah di Negeri Pulau Pinang, perlukan Kerajaan Negeri menubuhkan satu badan untuk menasihati serta menyalurkan penggunaan tanah secara *optimal*?
7. (a) Tempoh *tenure* Camp Coronation yang diberi kepada Persatuan Pengakap Negeri Pulau Pinang difahami akan luput tidak lama lagi. Adakah Kerajaan Negeri sedia memanjangkan tempoh *tenure* itu, misalnya 30 tahun supaya Persatuan Pengakap dapat memajukan Camp itu?
(b) Jika tidak, adakah Kerajaan Negeri akan sedia memberi sebuah tapak kem sebagai ganti kepada Persatuan Pengakap Negeri?
(c) Adakah Kerajaan Negeri sedia memberi tapak kem yang dirancang di kawasan Muka Head kepada Persatuan Pengakap Negeri dengan percuma atau hanya menerima satu bayaran '*token*' sahaja dan juga memberi satu peruntukan tahunan kepada Persatuan Pengakap Negeri supaya ia dapat mempergiatkan Gerakan Pengakap di Negeri kita?

Ketua Menteri:

1. Pihakberkuasa-Pihakberkuasa Tempatan di Pulau Pinang sedar akan masalah ini dan sedang menimbangkan masalah ini dengan serius supaya mengurangkannya kalau tidak menghapuskannya. Pihakberkuasa-Pihakberkuasa tempatan sedang dalam proses mengambil pekerja-pekerja pembersih tambahan dan membeli lori-lori mengangkut sampah yang baru. Di samping itu, perkhidmatan-perkhidmatan kontrak tambahan untuk mengangkut sampah sedang dipertimbangkan. Ini termasuk cadangan untuk memberi kontrak kepada badan-badan yang bertanggungjawab seperti Persatuan-Persatuan Penduduk-Penduduk dan Jawatankuasa Kemajuan-Kemajuan Keselamatan kampung untuk menjalankan perkhidmatan kebersihan di kawasan masing-masing.
2. (a) Kerajaan Persekutuan telah membuat aturan bagi sepasukan Pakar-Pakar Perunding-Perunding dari Jepun yakni Japan International Co-operation Agency untuk mengkaji tentang sistem pengangkutan bandar di dalam kawasan-kawasan Bandar Besar di George Town, Butterworth dan Bukit Mertajam.

Kajian tersebut akan meliputi perkara-perkara berikut: —

- (i) Sistem Penyuraian Lalulintas di dalam kawasan-kawasan tersebut dengan menitikberatkan Jambatan di antara Butterworth dengan Pulau Pinang, Jalan-jalan Persekutuan Timur-Barat dan Utara Selatan.
- (ii) Kajian mengenai perletakan kereta untuk menghapus dan meringankan masaalah-masaalah perletakan kereta.
- (iii) Sistem Pengangkutan Awam dan
- (iv) Gerakan Pejalankaki.
- (b) Soal-soal yang dibangkitkan itu telahpun diliputi di dalam Bidangtugas bagi kajian yang kini sedang dijalankan oleh Perunding-perunding Jepun itu. Pengarah Yunit Perancang Ekonomi ialah pen-yelaras yang utama. Dalam kes Majlis Perbandaran, Pulau Pinang sudahpun terdapat satu sistem mengutip bayaran letak kereta sementara Majlis Perbandaran, Seberang Perai sedang mengkaji soal ini sekarang.
- (c) Berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan bas Majlis, pihak Majlis telah melancar-kan satu program untuk menggantikan bas-bas yang lama dengan bas-bas yang baru. Bas-bas yang baru ini adalah lebih selesa dan mempunyai keupayaan muatan yang lebih banyak. Bas-bas ini juga di- lengkapi dengan "upholstery" yang lebih baik dan juga dengan pintu-pintu otomatik untuk kese- lamatan para penumpang. Dengan bertambahnya bilangan bas-bas ini, Majlis akan dapat mengadakan perkhidmatan yang lebih kerap lagi. Soalan ini tidak melibatkan M.P.S.P. oleh kerana ianya tidak menjalani perkhidmatan pengangkutan awam. Kerajaan Negeri masih lagi berunding dengan Pihak Berkuasa Persekutuan mengenai penubuhan suatu Perkhidmatan Pengangkutan Negeri. Sungguhpun demikian, sehingga ini cadangan tersebut belum mendapat sambutan yang menggalakkan.

3. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, Negeri Pulau Pinang telah diberi peruntukan tambahan sebanyak \$502.32 juta menjadikan jumlah peruntukan RMT bagi Negeri ini sebanyak \$1,396.606 juta

Angka-angka pecahan peruntukan tambahan itu mengikut sektor adalah seperti berikut: —

A. <i>Ekonomi:</i>	Juta [\$]
1. Pertanian dan Pembangunan Luarbandar	112.34
2. Perdagangan dan Perindustrian	24.38
3. Kajian Kemungkinan	3.70
4. Pengangkutan	117.13
5. Perhubungan	85.78
6. Kemudahan-Kemudahan Awam	-29.06
B. <i>Sosial</i>	
1. Pelajaran dan Latihan	3.03
2. Kesihatan dan Perancang Keluarga	6.84
3. Perkhidmatan Sosial dan Masyarakat	173.20
C. Pentadbiran Am	13.29
D. Keselamatan	-8.31
Jumlah:	502.32

4. Dalam memproses permohonan daripada orang ramai untuk rumah-rumah yang dibinanya, pihak P.D.C. menurut satu sistem peruntukan yang berdasarkan kepada: —

- (a) Penyelidikan kehendak-kehendak perumahan dan ciri-ciri pemohon;
- (b) Polisi Kerajaan memberi keutamaan terhadap kehendak-kehendak tertentu;
- (c) Sistem-sistem yang diikuti oleh Perbadanan-Perbadanan Negeri yang lain.

Di samping itu, sistem penguntukan yang diikuti oleh Perbadanan ini meliputi beberapa langkah untuk memastikan bahawa rumah-rumahnya hanya di peruntukkan kepada pemohon-pemohon yang berkeperluan dan bukan kepada mereka yang ingin mencari kesempatan.

Sebagai contoh, untuk rumah-rumah yang berharga \$20,000/— ke bawah bagi seunit, pemohon-pemohonnya mestilah berpendapatan tidak lebih daripada \$500/— sebulan dan pemohon (serta suami/isterinya) mestilah belum mempunyai rumah sendiri. Pemohon-pemohon yang berjaya memiliki rumah-rumah tersebut tidak dibenarkan menyewa, memajakkan atau menjual rumah tersebut tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri.

Lagipun, Perbadanan juga telah mengeluarkan nama pemohon-pemohon yang berjaya untuk rancangan perumahan murah kepada pengetahuan orang ramai melalui suratkhbar tempatan. Bantahan-bantahan bertulis daripada orang ramai akan juga dipertimbangkan oleh Perbadanan.

6. In line with the Government declared policy to encourage private sector involvement in the programme of development in the country, the State Government, through its development agency, the Penang Development Corporation, has earmarked certain plots of land which will be offered to the private developers by way of public tender. The Penang Development Corporation has already submitted the sub-division and lay-out plans to the Authorities concerned for approval. When the sub-division and layout plans have been approved, the Corporation will take steps to invite the private developers to tender for the pieces of land for implementation of the development plans.

4. RANG UNDANG-UNDANG

1. Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1978) (No. 2), 1978.

Bacaan Yang Pertama

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, sebelum Rang Undang-Undang ini diteruskan, saya ingin menyatakan bahawa terdapat sedikit kesilapan cetakan di tajuk ringkas dalam naskah Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, maka saya mencadang membuat pindaan itu. Sila potong angka "1978" di baris 2 di tajuk ringkas dan gantikan dengan angka "1979". Maka dengan kebenaran Tuan Speaker, saya ingin meneruskan dengan Rang Undang-Undang tersebut.

Tuan Speaker: Boleh, saya benar-benar.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama 'Suatu Enakmen' bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1978 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu' dibacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Tuan Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

Rang Undang-Undang Dibacakan Bagi Kali Yang Pertama.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, menurut syarat-syarat Peraturan Majlis Mesyuarat 59, saya memberi kenyataan bahawa bacaan kali yang

kedua Rang Undang-Undang ini diteruskan dengan serta-merta.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, saya ingin protest kerana kita tidak diberi detail mengenai Anggaran Tambahan Yang Kedua Tahun 1978.

Tuan Speaker, biasanya apabila Anggaran Tambahan dibentangkan untuk debate, satu Treasury Memorandum yang dihuraikan dengan dalam pecahan kepala berkenaan hendaklah diberikan kepada Ahli-Ahli Dewan dan ini juga dijadikan amalan di Dewan Rakyat oleh kerana dengan tidak adanya Treasury Memorandum maka Ahli-Ahli Dewan ini tidak akan terpeluang menghalusi setiap peruntukan yang sedia ada yang baru sekarang kita tahu apakah Ketua Menteri hendak ca-

kap. Oleh yang demikian, saya minta supaya perbahasa atas perkara ini boleh ditangguhkan hingga hari esok supaya membolehkan semua ahli-ahli menghalusi anggaran ini.

Terima kasih.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, sungguhpun konsep Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam adalah konsep nampak banyak mengikut aturan-aturan Parlimen, tetapi pagi ini saya sudahpun membentangkan Risalah Dewan Undangan Negeri Bil. 1 Tahun 1979 dan bilangan risalah bukan satu risalah yang panjang. Sesungguhnya Risalah ini serupa dengan catitian di dalam kandungan-kandungan yang kita ada dan sebab itu saya ingat tak payahlah kita tangguhkan bahasan ini ke lain hari.

Tuan Speaker: Ahli-Ahli Yang

Berhormat, kita teruskan perbahasan ini pada hari ini juga.

Bacaan Yang Kedua

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-Undang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1978 dan bagi memperuntukan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibacakan bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi Kuasa Berkanun kepada Kerajaan Negeri bagi memperuntukkan Perbelanjaan Tambahan sebanyak \$3,500,000.00 untuk Perkhidmatan Tahun 1978. Butir-butir perbelanjaan ini bersama-sama dengan huraiananya adalah dibentangkan di dalam Dewan ini sebagai Kertas No. 1 Tahun 1979.

Rang Undang-Undang ini, Tuan Speaker, adalah bertujuan memperuntukkan satu peruntukan tambahan sebanyak \$3,500,000.00 untuk Perbendaharaan Negeri di bawah Pecahan Kepala 4100 — Bayaran Pindahan yang tidak diperuntukkan dengan secukupnya bagi Anggaran Biasa Tahun 1978. Tujuan Bayaran Pindahan ini ialah bagi merekod pembayaran yang dibuat dengan wang tunai atau secara hadiah seperti pencaruman, pemberian dan subsidi kepada Kuasa-Kuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun dan kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Pada mulanya, peruntukan sebanyak \$2,902,970.00 telah diperuntukkan dalam Anggaran Biasa Tahun 1978 untuk menemui perbelanjaan ini. Peruntukan Tambahan yang Kedua ini dikendaki bagi menindah wang sejumlah \$3,500,000.00 kepada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1978 untuk menemui perbelanjaan yang dikaji semula dalam Kumpulanwang Pembangunan.

Perbelanjaan yang dikaji semula

dalam Pembangunan Negeri yang memerlukan peruntukan itu ialah untuk menemui butiran-butiran perbelanjaan seperti berikut: —

(i) Jalan-jalan Negeri	\$1,690,000.00
(ii) Membaiki Jalan, Titi dan Pembetong	965,000.00
(iii) Mesjid Negeri	845,000.00
	<u>\$3,500,000.00</u>

Sejumlah 13 batang jalan telah dibina di bawah rancangan ini, iaitu 2 daripadanya di Pulau Pinang dan 11 di Seberang Perai. Jumlah jalan, titi dan pembetong yang dibaiki ialah 26, iaitu 9 di Pulau Pinang dan 17 di Seberang Perai. Perbelanjaan bagi projek-projek ini adalah dibiahi oleh Kerajaan Negeri sebagai projek-projek yang tidak dibayar balik.

Sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri berazam untuk menetapkan jarak pembangunannya dalam Negeri dan bagi setengah-setengah sektor pula mempercepatkannya di mana perl. Jalan, titi dan pembetong merupakan projek-projek yang mustahak oleh sebab ianya mendatangkan faedah-faedah yang besar kepada rakyat kita, terutamanya kepada mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luarbandar. Projek-projek ini bertujuan untuk meninggikan taraf hidup rakyat kita sejajar dengan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Wang sejumlah \$2,655,000.00 daripada Kumpulanwang Negeri telah dibelanjakan bagi maksud ini.

Seterusnya, wang sejumlah \$845,000.00 lagi adalah dikehendaki untuk membiayai Mesjid Negeri oleh sebab jumlah pemberian daripada Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1978 hanya sebanyak \$342,000.00 berbanding dengan perbelanjaan yang telah dibuat sebanyak \$1,217,000.00.

Adalah diharapkan bahawa lebih banyak lagi derma-derma akan dihulurkan oleh orangramai tanpa mengira bangsa atau ugama. Mesjid ini akan siap dalam tahun ini dan ianya akan menjadi satu lambang sejati mengenai kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan yang disokong oleh rakyat dengan semangat Rukun Negara.

Tuan Speaker, oleh yang demikian, Rang Undang-Undang ini meminta Kuasa Berkanun menyediakan perbelanjaan tambahan bagi menambahkan peruntukan-peruntukan yang telah disediakan dalam Enakmen Perbelanjaan (1978) Enakmen 1977.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Tuan Speaker, saya mohon menyokong Rang Undang-Undang ini.

Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah disebut dalam huraian Rang Undang-Undang sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri bahawa daripada \$3.5 juta ini akan dibelanjakan untuk jalan-jalan dan juga titi-titi dan ini akan memberikan munafaat dan faedah kepada penduduk-penduduk di luarbandar. Peruntukan sebanyak \$845,000.00 akan diberikan kepada Mesjid Negeri, dan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Kerajaan Negeri telah mendapat hanya \$342,000.00 dibandingkan dengan perbelanjaan yang telah dibuatkan oleh Kerajaan Negeri berkenaan dengan Mesjid Negeri. Di sini saya suka merayu kepada Kerajaan Pusat supaya peruntukan yang telah dijanjikan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak (bekas Perdana Menteri), yang juga dijanjikan oleh Menteri Kewangan, akan dihantar-kan terus dengan seberapa segera yang boleh.

Jadi, Tuan Speaker, dengan ini saya suka sekali lagi menyokong

Rang Undang-Undang ini yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Tuan Speaker: Rang Undang-Undang ini dibuka untuk perbahasan.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui. Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang Undang-Undang dalam Jawatankuasa Perbekalan

Wang sebanyak \$3,500,000.00 untuk Kepala B.13. menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jadual, Fasal, Fasal 2 dan tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Dewan bersidang semula

Bacaan yang Ketiga

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1978), (No.2), 1979, telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

2. Rang Undang-Undang Wang Pinjaman (Pembayaran Gaji dan Tunjangan kepada Kakitangan Kerajaan Negeri dan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Tempatan), 1979.

Bacaan Yang pertama

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-Undang bernama 'Suatu Enakmen bagi memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri me-

minjam wang tidak lebih daripada \$10,000,000.00 sahaja daripada Persekutuan bagi maksud membiayai pembayaran gaji dan tunggakan mengikut Laporan Kabinet mengenai gaji kepada kakitangan Kerajaan Negeri dan Pihakberkuasa-Pihakberkuasa Tempatan dalam Negeri' dibacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Tuan Speaker, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-Undang ini.

Rang Undang-Undang dibatalkan bagi kali yang pertama.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon kebenaran Tuan Speaker di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 118 bagi mencadangkan penggantungan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibawa di dalam semua peringkatnya di dalam Majlis Mesyuarat ini.

Tuan Speaker: Saya memberi Kebenaran di atas cadangan menggantungan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat tersebut.

Bacaan Yang Kedua

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-Undang bernama 'Suatu Enakmen bagi memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri meminjam wang tidak lebih daripada \$10,000,000.00 daripada Persekutuan bagi maksud membiayai pembayaran gaji dan tunggakan mengikut Laporan Kabinet mengenai gaji kepada kakitangan Kerajaan Negeri dan Pihakberkuasa-Pihakberkuasa Tempatan dalam Negeri' dibacakan bagi kali yang kedua.

Perkara 111(2) Perlembagaan Persekutuan mengemukakan bahawa Kerajaan Negeri hanya boleh meminjam di bawah Kuasa Undang-Undang Negeri. Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi kuasa Kerajaan Negeri meminjam wang sebanyak \$10,000,000.00 dari Kerajaan

Persekutuan bagi membiayai pembayaran gaji dan tunggakan mengikut Laporan Gaji Kabinet kepada kakitangan Kerajaan Negeri dan Kuasa-Kuasa Tempatan dalam Negeri, yang telahpun dilaksanakan dalam tahun 1977.

Tuan Speaker, sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa Parlimen telah meluluskan perakuan-perakuan perubahan gaji bagi semua kakitangan Kerajaan di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet pada 26hb. Januari, 1977 dengan membayar(gangguan).

Tuan Speaker: Yang Amat Berhormat di dalam masalah kita hendak menggantungkan Peraturan 118 tadi yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat, diminta sokongan terlebih dahulu. Adakah Ahli-Ahli menyokong di atas penggantungan Seksyen 118 itu?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Saya menyokong.

Tuan Speaker: Terima Kasih.

Soalan dikemukakan dan dipersejutui.

pg. 149 **Bacaan Yang Kedua**

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya minta maaf. Saya ulang balik.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-Undang bernama 'Suatu Enakmen bagi memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri meminjam wang tidak lebih daripada \$10,000,000.00 daripada Persekutuan bagi maksud membiayai pembayaran gaji dan tunggakan mengikut Laporan Kabinet mengenai gaji kepada kakitangan Kerajaan Negeri dan Pihakberkuasa-Pihakberkuasa Tempatan dalam Negeri' dibacakan bagi kali yang kedua.

Perkara 111(2) Perlembagaan Persekutuan mengemukakan bahawa Kerajaan Negeri hanya boleh memin-

jam di bawah Kuasa Undang-Undang Negeri. Rang Undang-Undang inilah untuk memberi kuasa kepada Kerajaan meminjam wang sebanyak \$10,000,000.00 dari Kerajaan Persekutuan bagi membiayai pembayaran gaji dan tunggakan mengikut Laporan Gaji Kabinet kepada kakitangan Kerajaan Negeri dan Pihakberkuasa-Pihakberkuasa Tempatan dalam Negeri, yang telah pun dilaksanakan dalam tahun 1977.

Tuan Speaker, tadi saya kata, sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa Parlimen telah meluluskan perakuan-perakuan perubahan gaji bagi semua kakitangan Kerajaan di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet pada 26hb. Januari, 1977 dengan membayar tunggakan-tunggakan kebelakangan mulai dari 1hb Januari, 1976. Oleh itu, Kerajaan Negeri dikehendaki menemui perbelanjaan tambahan sebanyak \$5,773,190.00 untuk membayar tunggakan gaji bagi tempoh 1.1.76 hingga 30.6.77 dan sebanyak \$2,224,260.00 bagi gaji baru mulai dari 1.7.77 hingga 31.12.77.

Adalah jelas bahawa kenaikan-kenaikan ini tidak dapat ditanggung dari hasil yang diperolehi dari sumber-sumber Negeri. Kerajaan Negeri telah mengambil dayausaha untuk mengadakan perbincangan-perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan lebih banyak peruntukan secara langsung untuk menemui kenaikan-kenaikan gaji kakitangan berikutan dengan perakuan-perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet.

Hasil daripada perbincangan-perbincangan ini, Kerajaan Persekutuan pada mulanya telah memberi pendahuluan wang sebanyak \$6,690,799.00 pada 1hb. Disember 1977, sementara menunggu rundingan selanjutnya mengenai perkara ini. Kerajaan Perak ini. Kerajaan Persekutuan kini akhirnya telah membuat keputusan untuk memberi pinjaman, tanpa faedah, yang tidak melebihi \$10,000,000.00 bagi maksud ini.

Tuan Speaker, dalam ucapan-ucapan saya yang lalu di dalam Dewan ini, saya telah menyatakan bahawa kakitangan Kerajaan adalah orang-orang yang melaksanakan dasar-dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan. Kerajaan pula adalah dipilih oleh rakyat yang memberi mandat politik kepadanya untuk mentadbir Negara. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Kerajaan kita samada mereka di dalam Persekutuan, Negeri ataupun Pihak Berkuasa Berkanun atas dedikasi mereka terhadap kerja dan menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bagi terhadap tugas-tugas Membangun Negara.

Dalam konteks ini, saya ingin selanjutnya menyeru kepada kakitangan Kerajaan supaya bekerja dengan lebih kuat lagi untuk memberi suatu perkhidmatan yang lebih cekap, sejajar dengan cogan kata "Berkhidmat Untuk Negara", sebagaimana yang terkandung dalam Buku "Panduan Perkhidmatan Cemerlang". Mereka hendaklah menyelaraskan dan memperkemaskan aktiviti-aktiviti mereka supaya boleh melaksanakan dengan jayanya dasar-dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan yang berjiwa rakyat.

Oleh yang demikian, Rang Undang-Undang ini membolehkan Kerajaan Negeri meminjam dari Kerajaan Persekutuan sejumlah wang yang diperlukan untuk membiayai pembayaran gaji dan tunggakan dalam bentuk pinjaman-pinjaman Persekutuan kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Tuan Speaker, saya mohon menyokong Rang Undang-Undang ini.

Tuan Speaker: Saya kemukakan untuk perbahasan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik

Peter Paul Dason): Tuan Speaker, saya tidak menentang Rang Undang-Undang ini, tetapi saya ada sedikit perkara saya nak membentangkan di sini.

Tuan Speaker, Kerajaan Pulau Pinang adalah selalu mari ke Dewan ini dahulu tanya kuasa pinjaman daripada Kerajaan Pusat. Rakyat Pulau Pinang ingin tahu berapakah Kerajaan Pulau Pinang sudah pinjam daripada Kerajaan Pusat kerana berapa banyak kita Negeri Pulau Pinang pinjam, faedah yang kena bayar mestilah lebih. Rakyat Pulau Pinang ada hak mahu tahu berapa mestilah lebih. Rakyat Pulau Pinang ada hak mahu tahu berapa per cent cukai-cukai Negeri Pulau Pinang kutip ialah bakal **servicing debt** Negeri Pulau Pinang. Saya rasa, jikalau Kerajaan Pulau Pinang tidak jaga baik-baik tetapi dapat **habit** selalu bila susah sikit pinjam wang, boleh jadi satu masa bila apa cukai Negeri Pulau Pinang kutip tidak mencukupi mahu **service debt to run the State of Penang and to operate the State of Penang**.

Tuan Speaker, pinjaman kali ini ialah mahu bayar pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya atau Local Authorities Pulau Pinang dan Seberang Perai. Sungguhpun pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Majlis Bandaraya Georgetown dan Majlis Bandaraya Seberang Perai buat kerja depa baik-baik, tetapi bukan semuanya macam itu. Adalah juga pegawai-pegawai Kerajaan dengan pegawai-pegawai Majlis bila buat kerja mereka baik-baik tapi jangan ada pegawai-pegawai angkat satu **attitude** yang tidak betul — **superior attitudes** — bila beliau jumpa rakyat yang pergi ke **office** Kerajaan.

Pegawai-pegawai Kerajaan ada satu **responsibility** atau tanggungjawab jumpa **and deal** dengan rakyat **in a considerate manner**. Orang yang biasa pergi ke pejabat Kerajaan —

baik apa jabatan pun — berjumpa dengan orang ada pangkat, beliau tidak takut. Mereka tahu mereka punya hak dan pegawai-pegawai tidak boleh "**bully**" mereka. Tetapi bila rakyat baca tak cukup dan selalu ada komunikasi **matter** dengan Jabatan Kerajaan, bila mereka mari ke jabatan Kerajaan mengenai apa perkara pun, nampak pegawai Kerajaan sudah takut. Kerana itu pegawai Kerajaan atau Local Authority mestilah **adopt** satu **sympathetic** dan **considerate attitude**, baru mereka boleh sungguh-sungguh tolong rakyat.

Tuan Speaker, pegawai Kerajaan ada banyak **duties**. Bila mereka buat mereka punya **duties**, mestilah **carry out duties** mereka **conscientiously**. Negeri Pulau Pinang bolehlah tengok ada kemajuan jalan-jalan dibuat, talikom semua taruh **wiring**, tetapi koreklah jaian-jalan ini satu Pulau Pinang boleh nampak apakah **attitude** pegawai ini. Habis sudah korek lepaskan begitu dan tidak dipedulikan apa **inconvenience** mereka buat kepada rakyat. Lampu-lampu kadang-kadang tidak taruh **signals**. Ini tidak betul dan menjadi bahaya kepada rakyat. Apa kemajuan di Pulau Pinang, iaitu kereta lebih, tetapi kerana kereta lebih, jalan-jalan mesti jaga lebih baik. Kalau sudah **dig** jalan, mahu taruh paip air atau kebel talikom, mestilah pegawai yang bertanggungjawab kerja sedikit lebih, baik dan tutup jalan-jalan.

Saya ingat Majlis Bandaraya ada **run bus service** tetapi ada **bus service** tidak cukup. Mesti buat **bus service** yang lebih baik dari yang ada sekarang. Saya ada jumpa banyak orang-orang yang naik bas selalu banyak **complain** kerana apa hari pun boleh jumpa bas tidak jalan, macam ada **set-up by officials** tentang **transport service**. Kadang-kadang setengah jam satu bas tidak mahu datang dan sekali empat lima bas datang. Inilah **inefficient** kerana kita hari ini mau **empower** Kerajaan Negeri Pulau Pinang pinjam lebih daripada \$10 juta

mahu bayar pegawai-pegawai Kerajaan dan kepada Majlis-Majlis. Saya harap pegawai-pegawai yang tidak buat kerja mereka baik-baik berhatilah mereka ada satu **duty** dan buat kerja mereka baik-baik.

Ada banyak tempat di Pulau Pinang dan di kawasan saya manakala ada parit atau sungai kecil dengan titi-titi yang ada di situ sudah jahanam dan bila saya cari pegawai Kerajaan untuk membaikinya, satu pegawai nanti tolak tanggungjawab ini pada lagi satu jabatan. Bila pergi P.W.D. dia kata D.I.D. Pergi D.I.D. dia kata P.W.D., kalau tidak City Council. **Merry-go-round** selalu. Saya harap Kerajaan Pulau Pinang dapat mengambil tindakan **whereby** ini tolak **responsibility** dari satu **department** ke satu **department** boleh berhenti kerana ini bukan satu masalah kecil. Orang duduk dekat titi ini rasa banyak susah.

Tuan Speaker, Kerajaan ada belanja berjuta-juta ringgit mau memajukan ekonomi Pulau Pinang, tetapi **development** sahaja tidaka mencukupi kerana bila pegawai-pegawai Kerajaan ada buat rancangan-rancangan **development**, mestilah ingat bila rancangan-rancangan ini dibuat bolehkah rakyat susah. Kerajaan ada Pulau Pinang dan pegawai tanah ada angkat langkah-langkah yang keras sangat kerana mereka **demolish** rumah-rumah yang orang-orang misikin buat. Betul rumah-rumah ini ialah rumah-rumah haram, tetapi (gangguan).

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, sepatutnya perbahasan semacam ini dibawa dalam masa kita membahaskan semasa peruntukan tambahan. Tadi saya bagi peluang tidak sesiapa yang ambil bahagian.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Saya ada **protest**, Tuan Speaker, kerana di situ ada tiga **heads** saja yang Ketua Menteri kasi, iaitu jalan-jalan negeri, **repair** titi, dan

mesjid negeri. Kalau mahu **dedate** tadi mesti **debate** dalam tiga kepala ini. Tetapi kita tidak tahu sampai Ketua Menteri memberitahu Dewan ini. Ittulah saya tadi ada kata, Tuan Speaker, tidak ada Treasury Memorandum bagi **detail** apakah wang yang Kerajaan mahu \$3,500,000.00 Mana boleh saya dengan rakan-rakan saya **prepare**, tidak tahu apa mahu naik?

Tuan Speaker: Sila bahas dalam perkara ini.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Orang-orang yang buat rumah haram bukanlah mahu **ignore** atau nak **challenge law** negara inikah atau **rules** Majlis Bandaraya, tetapi kerana mereka tidak ada apa-apa peluang lagi mau cari satu rumah untuk sendiri dan anak-anak dan isteri mereka. Kerana itu pegawai-pegawai Kerajaan mesti tahu dan mengerti **background** orang-orang yang buat rumah haram. Bila angkat langkah baru mereka boleh **Adopt sympathetic attitude** dengan rakyat, baru boleh buat **duty** mereka **in a manner** tidak buat rakyat susah. Rakyat ada satu hak, Tuan Speaker. Hanya pegawai Kerajaan **adopt** satu **considerate attitude**. Rumah murah tidak dibina dalam tahun atau dalam masa Rancangan Malaysia Kedua, tahun 1970 hingga 1975. \$1.1 juta sahaja ada dibelanja. Dan sekarang masa Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan mahu membina \$3,900.00 mengikut Ahli dari Kawasan Tanjung Bungah kata dengan lebih sedikit \$4,000.00 lebih sikit saja. Tetapi adalah 40 sampai 50 **applicants** rumah murah. Kerana itu banyak orang membina rumah haram. Saya harap pegawai.....(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Saya minta perbahasan ini ditumpukan kepada Rang Undang-Undang yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat sahaja sebab kita telah pun berbahas perkara rumah-rumah ha-

ram dan saya minta Yang Berhormat kalau boleh tumpu kepada Rang Undang-Undang tersebut.

Tuan Speaker: Saya beri teguran yang kedua supaya tumpukan perbahasan dalam perkara pinjaman ini.

Bila saya bercakap, harap Yang Berhormat duduk. Sila duduk bila saya bercakap.

Perbahasan hendaklah berkisar dengan apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Apakah point saya ialah Pegawai Kerajaan mestilah di dalam semua **dealings** dengan **public** mesti **considerate**(gangguan).

Tuan Speaker: Saya ingat, Yang Berhormat, perkara itu telah dicakapkan berulang-ulang.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Lagi satu point, Tuan Speaker. Pegawai Majlis Bandaraya Pulau Pinang adalah **employ car park attendants**. Sekarang Ketua Menteri mari Dewan ini bertanya fasal pinjaman \$10 juta bayar pegawai-pegawai Kerajaan lebih gaji. Dengan itu saya bersetuju dan tak ada bimbang Rang Undang-Undang ini, tetapi saya harap Pegawai Majlis Bandaraya pun ingat kesusahan-kesusahan **car park attendants**. Elaun mereka sebulan \$60.00, dengan lebih \$20.00. Tetapi jikalau mereka tidak mari kerja satu hari, kena potong \$7.00. Itu saya mahu tanya pegawai-pegawai Majlis Bandaraya, patut atau tidak patut? Pegawai-Pegawai Majlis Bandaraya rasa mereka ada satu **right** atau hak mendapat lebih gaji. Macamana itu juga saya percaya **car park attendants** ada satu hak to **expect employer** mereka, Majlis Bandaraya **treat** depa.

Semua orang pegawai Majlis Bandaraya ada dapat cuti. **Car park attendants** ada **entitled to** dua minggu

Ahli Kawasan Ayer Itam [Encik Peter Paul Dason]: Apakah point saya ialah Pegawai Kerajaan mestilah di dalam semua **dealings** dengan **public** mesti **considerate**(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas [Khalid Ahmad Bin Sulaiman]: Tuan Speaker, boleh saya bawa perhatian Yang Berhormat kepada Seksyen 60(1). Kalau boleh, izinkan saya membaca:

“Apabila usul ‘Bahawa Rang Undang-Undang dibaca bagi kali yang kedua’ dibuat, perbincangannya hendaklah dihadkan kepada asas-asas dan kebaikan-kebaikan Rang Undang-Undang itu sahaja”.

Tuan Speaker: Saya sudah beri ingatan, tapi Yang Berhormat masih membawa perkara-perkara yang luar daripada apa yang dikemukakan dalam Dewan ini.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, **principles** ialah **principles of the Bill** Kenapa Rang Undang-Undang ini bawa mari di Dewan ini? Kerana pegawai-pegawai **deserve increment**. Kenapa **deserve** ini? Kerana buat kerja baik. Apa saya kata sama **principle** itu mestilah **apply to car park attendants** Itu saja. Saya tanya pegawai-pegawai ini siapa nanti untung bila Rang Undang-Undang ini jadi **law**? Ingat lain orang yang bekerja di bawah mereka. Itu saja. Saya tak boleh **accept** apa saya dok kata luar daripada Rang Undang-Undang ini.

Tiap-tiap pegawai Kerajaan ada **right to leave** **Car park attendants** ini boleh dapat dua minggu, tapi bila mereka mahu angkat **leave** mereka, tidak boleh jikalau mereka tidak boleh angkat lagi satu orang mari **replace** mereka. Jadi mana **leave**? Apa guna **leave**, tak boleh angkat **leave** jika tak boleh angkat orang untuk **replace**. Itu **attitude** silap.

Sini, di Dewan ini, Ketua Menteri

tanya dan bawa mari Rang Undang-Undang ini mau \$10 juta untuk bayar pegawai. Tetapi pegawai dengan ahli-ahli Majlis Bandaraya apakah macam mereka **treat car park attendants**. Leave boleh angkat, tetapi cari satu **replacement** mari, baru angkat **leave**, kalau tidak tak ada **leave**.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Tuan Speaker, saya minta izin sekali lagi.

Kalau nak bercakap berkenaan dengan **car park attendants**, sebenarnya **car park** tidak di bawah Cabinet Report. Jadi tak boleh dianggap sebagai pegawai-pegawai Kerajaan pada masa sekarang. Kita sekarang bercakap berkenaan dengan Rang Undang-Undang dan berkenaan pegawai-pegawai di bawah Cabinet Report.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, lebih baik berhati dengan teliti dan tungenkukan ini berkenaan dengan tunggakan gaji mengikut Laporan Kabinet. Kalau **car park** itu masuk dalam Cabinet Report, dia boleh dapat juga.

Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah Bin Mohamed): Tuan Speaker, saya bangun menyokong Usul pinjaman \$10 juta yang telah dibentangkan kepada Dewan ini supaya wang ini diperolehi untuk membayar bagi dan tunggakan kerana ini adalah satu pinjaman perlu bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyelesaikan masalah-masalah yang telah diper-setujui dan dibuat oleh Kerajaan Pusat iaitu Laporan Kabinet.

Tuan Speaker, wang perlu sebanyak \$10 juta ini hendak dibayar kepada kakitangan Kerajaan dan juga kepada kakitangan Majlis Perbandaran iaitu wang kenaikan gaji dan wang tunggakan. Saya menyokong Usul ini. Tuan Speaker, berdasarkan kepada perimbangan yang telah dibuat oleh Kerajaan Pusat berkaitan

dengan perkara-perkara kemudahan-kemudahan dan kenaikan kepada kakitangan Kerajaan. Dalam Dewan Negeri yang mulia ini, di samping kita membahaskan Rang Undang-Undang Pinjaman \$10 juta ini, tidak patutlah kita menyatakan dan buat tuduhan kepada kakitangan Kerajaan dan pegawai-pegawai Kerajaan, kerana tuduhan secara am ini melibatkan pengurusan tugas-tugas kakitangan Kerajaan dan pegawai-pegawai Kerajaan, kerana bukanlah semua kakitangan Kerajaan dan pegawai-pegawai Kerajaan menjalankan kerja curang.

Saya tertarik hati apa yang telah diucapkan oleh wakil dari Ayer Itam itu menuduh pegawai-pegawai Kerajaan. Saya rasa tuduhan-tuduhan ini saya tidak menyokong sama sekali, dan saya mempunyai keyakinan penuh bahawa pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah menjalankan tugas dan tanggungjawab yang baik dan sempurna. Dengan sebab itulah semua rancangan-rancangan Kerajaan yang dijalankan di dalam Negeri Pulau Pinang ini mengikut jadual dan waktu. Kalau pun ada sedikit sebanyak kakitangan Kerajaan yang sedemikian, perlulah pihak wakil daripada Ayer Itam itu mengemukakan mana pegawai-pegawai yang menjalankan kerja-kerja yang tidak memuaskan itu. Tetapi tuduhan secara umum itu tidaklah adil kerana kakitangan Kerajaan tidak dapat menjawab di dalam Dewan ini.

Tuan Speaker, permohonan pinjaman \$10 juta ini daripada Kerajaan Pusat, saya rasa, tanggungjawab Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri juga adalah dimestikan kerana dalam Malaysia ini banyak negeri-negeri yang di bawah Kerajaan Pusat. Kalau negeri-negeri itu menerima kesusahan di dalam bidang kewangan dan lain-lain, saya mempunyai keyakinan penuh bahawa permohonan kita akan berjaya dan dapat diselesaikan atas kehendak-kehendak pinjaman

tersebut ini.

Jadi, Tuan Speaker, saya mohon menyokong Rang Undang-Undang pinjaman \$10 juta daripada Kerajaan Pusat.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Tuan Speaker, saya hendak menentang Rang Undang-Undang ini. Saya rasa wakil dari Sungai Pinang boleh menyokong apa yang saya mahu perkatakan di sini.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat mahu menentang Usul ini?

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Ya, saya menentang.

Tuan Speaker: Menentang. Tidak sama dengan wakil dari Ayer Itam lah.

Ahli Kawasan Kampong Kolam [Encik Ooi Ean Kwong]: Di suratkhabar pun ada kata talikom bila ia meletakkan kebel-kebel itu dan jalan-jalan itu tidak disiapkan sebab Kerajaan — pegawai-pegawai di Talikom — tidak menjalankan tugasnya dengan baik.

Kedua, tadi Ketua Menteri ada menceritakan berkenaan dengan wang untuk mesjid. Dari sini saya rasa wakil daripada Sungai Pinang pun boleh bercakap sedikit berkenaan dengan itu sebab satu kuil orang-orang Cina di Jelutong Timur telah diruntuhkan oleh Kerajaan. Di dalam Perlembagaan Negara kita, agama setiap bangsa mesti dijamin. Tetapi bila perkara itu dikemukakan oleh saya, Jabatan sana berkata, di belakang kuil itu orang main judi. Itu tidak bersangkutan dengan undang-undang Negeri kita, tetapi penjelasan dari pegawai itu kata ada orang bermain judi di belakang sana. Sebab itu Kerajaan mengambil tindakan untuk menutup kuil Cina itu.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Tuan Speaker, saya minta perhatian sekali lagi, kita berbincang berkenaan dengan Rang Undang-Undang. Jadi saya minta tumpuan dibuat kepada Rang Undang-Undang ini.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Itu bersangkutan dengan tugas pegawai-pegawai dan Jabatan Tanah, Pulau Pinang.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, sekarang kita membahaskan soal pinjaman \$10 juta.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong): Di sini, bagaimana kita boleh bersetuju atau boleh melakukan Rang Undang-Undang itu? Di Seberang Perai juga kita dapat tahu pegawai-pegawai Jabatan Kesihatan tidak membuat kerja-kerja masing-masing dengan cukup berm minat dan di seluruh Malaysia, Butterworth ialah satu pekan yang kotor sekali. Bagaimana pegawai yang bertugas menjalankan tugas-tugasnya?

Itulah sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Pinang [Dr. Ong Hean Tee]: Tuan Speaker, saya sokong dengan sepenuhnya Rang Undang-Undang ini dan saya rasa sangat hairan bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang boleh menentang dengan Rang Undang-Undang ini. Ahli Yang Berhormat Kawasan Kampong Kolam pun telah menjemput saya berucap sedikit berkenaan dengan jalan-jalan di kawasan beliau. Beliau pun tiap-tiap hari melalui jalan itu tetapi tidak nampak lubang-lubang dan terpaksa saya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang dekat di Sungai Pinang membawa perkara ini kepada pihak Majlis Perbandaran. Janganlah menggunakan kerja saya sebagai modal di sini.

Tuan Speaker, saya ingat wang ini sangat diperlui dan tidak berapa betul bagi Kerajaan Negeri meminjam wang ini daripada Kerajaan Pusat. Saya ingat Kerajaan Pusat kita patut memberikan wang ini tanpa meminjamkan wang kepada kita. Dan saya harap pada masa-masa di Persidangan Parlimen atau Dewan Rakyat, ahli-ahli kita yang duduk di Dewan in yang juga ahli-ahli Parlimen akan membawa perkara ini dan memberitahu kepada Kerajaan Pusat bahawa Kerajaan Negeri berkehendaki banyak wang untuk menguruskan perkhidmatan-perkhidmatan yang mereka tiap-tiap kali meminta. Macamanakah kita boleh mendapat perkhidmatan tanpa wang gaji untuk kakitangan kita?

Terima kasih.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengambil perbahasan di dalam cadangan saya.

Nampak saya suara daripada Parti Pembangkang telah berpecah-belah — **first fiddle** dan **second fiddle** main tidak serupa menyanyi — tetapi saya sendiri fikir, kalau kita ingin hendak mengambil apa-apa tujuan yang baik, tujuan tidak ingin hendak bohong dengan rakyat, itu kita tidak berpecah-belah. Jadi apa mereka ingin ialah mereka harap jika kita dapat wang pinjaman ini dan bayar gaji-gaji kepada kakitangan pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, dan semua pegawai-pegawai dan kakitangan di dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa, bolehlah Kerajaan memberi tugas. Ini telah pun saya memberi keterangan di dalam ucapan saya, tetapi di dalam ucapan saya, saya pun telah mengucap tahniah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sungguhpun di dalam Pihakberkuasa-Pihakberkuasa sebab saya sebagai seorang yang bertanggungjawab dan boleh kata dalam 10 tahun saya adalah pegang teraju pemerintahan di dalam Negeri Pulau Pinang — pertunjukan taraf dan tradisi kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan adalah tinggi sekali dan mereka telah menunjukkan satu semangat dedikasi dan taat setia kepada negara dan rakyat kita yang kita langsung tidak gunakan, dikurangkan. Tanya saya . Sungguhpun adalah satu-dua kakitangan yangmana bila-bila mereka kerja tidak berhubung rapat dengan rakyat, tetapi boleh kata dalam 10 tahun saya tidak dapat lebih lima-enam surat **complaint** daripada rakyat dan apa-apa yang kita dapat **complaint** dari rakyat Kerajaan telah pun menjalankan dengan seterusnya.

Saya haraplah jika Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam ada apa-apa **complaint** yang sungguhsungguh, beliau bolehlah bawa perkara yang berkaitan seseorang yang kita boleh selesaikan masaalah-masaalah ini dan tidak payahlah kita mengambil satu perkara, **generalise**, dan kata semua kakitangan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri tidak cekap dan tidak kerja dengan lcin. Saya ingin beliau pun tidak sesungguhnya ingat bangkang dengan kakitangan dan pegawai-pegawai.

Jadi ada satu perkara Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam telah bawa, ialah masaalah **parking attendants**. Sekim **parking attendants** ini tidak masuk di dalam sekim Perkhidmatan Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan. Sebab itu perkara itu tidak berbangkit di dalam perbahasan ini. Tetapi, apa yang dilakukan perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat ialah di dalam Majlis Perbandaran Pulau Pinang masa sekarang sebelah Majlis Perbandaran ada menjalankan satu sekim **parking**

attendant yang luas lebih daripada sekim perhidmatan yang ada. 400 lebih budak-budak yang kita ada di dalam masyarakat kita khususnya di dalam masyarakat bandar yangmana budak-budak tidak dapat kerja dan tidak dapat peluang untuk bekerja terus sekarang ada dapat satu peluang yangmana mereka bolehlah bekerja dan di masa itu dapat latihan yang mereka boleh dapat kerja-kerja tetap di hari depan. Ini satu sekim yang sungguh baik, yang semua pihak berharap mereka ada cukup wang hendak bayar lebih. Apa yang kita ada masa sekarang di dalam Majlis Perbandaran Pulau Pinang, mereka di dalam Badan Berkanun itu telah buat satu sekim yangmana sekarang menolong 400 keluarga di dalam Pulau Pinang. Ini satu tujuan yang saya ingat semua orang sungguh bertimbang dengan berasa baik dan mestilah diucap tahniah kepada Majlis Perbandaran.

Ada satu perkara yang penting sekali, iaitu masaalah yang Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam bawa mengenai perkara pinjaman-pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pinjaman-pinjaman yang kita di dalam pihak Kerajaan Negeri telah dapat daripada Kerajaan Persekutuan boleh kata termasuk dua pihak. Satu pihak pinjaman untuk pembangunan dan satu pihak untuk wang pembayaran peruntukan gaji-gaji. Dan masaalah pinjaman-pinjaman yang Kerajaan Negeri dapat daripada Kerajaan Persekutuan, kita mesti berasa bangga sebab sampai hari ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada satu rekod yang penting sekali sebab bila-bila kita mesti bayar balik pinjaman-pinjaman yang kita dapat daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membayar balik mengikut jadual. Ini satu rekod saya ingat yang baik sekali dan yang tertentu.

Apa yang digunakan yang kita

Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan mesti mengambil perhatian ialah kali ini kita dapat satu pinjaman untuk wang anggaran tahunan atau wang perbelanjaan tahunan, dan sebab itu jika kita tidak jaga dengan kedudukan kewangan dalam negeri dengan baik sekali, barangkali hari depan masaalah ini boleh menjadi satu masaalah merosakkan kewangan kita di dalam Negeri Pulau Pinang. Tetapi perkara ini Kerajaan Persekutuan pun telah mengambil pertimbangan dan Kerajaan Persekutuan pun telah mengambil keputusan yang sesuai dengan perkara dan hal-hal yang kita ada di dalam Negeri Pulau Pinang. Jika kita tidak dapat pinjaman ini satu pinjaman tanpa faedah dan masa ini tanpa syarat yang bila kita mesti bayar balik wang pinjaman ini dan Kerajaan Negeri kita mesti cari \$10 juta daripada hasil-hasil dalam negeri, ini ada satu **conclusion** saja. Itu ialah kita mesti naikkan hasil-hasil di dalam Negeri Pulau Pinang. Tetapi sebablah Kerajaan Persekutuan telah faham kedudukan rakyat kita masa sekarang, dan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ingin hendak kurangkan kesusahan rakyat kita, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ingat dan ambil keputusan masa sekarang tidak payah kita naikkan hasil-hasil di dalam negeri. Sebab itulah kita mendapat pinjaman ini tanpa faedah. Ini satu perkara yang besar sekali. Sungguhpun jika cadangan Ahli Yang Berhormat Sungai Pinang dapat perhatian Kerajaan Persekutuan dan pinjaman ini menjadi satu geran atau subsidi kepada Kerajaan Negeri, itu lebih baik, tapi bagaimana kita dapat masa sekarang ini satu pinjaman yang sungguh-sungguh menolong dengan Kerajaan Negeri. Sebab itu Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan sebablah Kerajaan Persekutuan telah menolong kepada kita.

Saya harap Yang Berhormat Ahli

Kawasan Ayer Itam janganlah masuk pergi kepada Dewan Parlimen dan dalam Dewan Parlimen bawa perkara-perkara — satu tidak bawa perkara-perkara, saya tidak tahu — tapi tak usah diam di dalam Parlimen dan masuk dalam Dewan Undangan Negeri bawa perkara Kerajaan Tempatan dan bila keluar dari Dewan Negeri bawa perkara-perkara yang sungguh berbincang di dalam kedai kopi sahaja. Di dalam Dewan ini kita ada banyak kerja yang kita mesti luluskan dan sesungguh pinjaman wang ini tidak bersangkutan dengan pinjaman wang untuk pembangunan. Dan ini satu wang pinjaman yang Kerajaan Persekutuan sungguhpun telah menolong dengan Kerajaan Negeri.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini kini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk tujuan menimbangkan Rang Undang-Undang ini sefasal demi sefasal.

Ahli Kawasan Bayan Lepas [Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman]: Tuan Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-Undang dalam Jawatankuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4, dan Fasal 5, dan tajuk penuh dan fasal yang mengundang menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**Dewan bersidang semula
Bacaan Yang Ketiga**

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya

Undang-Undang Wang Pinjaman (Pembayaran Gaji dan Tunggakan kepada Kakitangan Kerajaan Negeri dan Pihakberkuasa-Pihakberkuasa Tempatan) 1979, telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal di dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sebarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas [Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman]: Tuan Speaker, saya sokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

5. USUL-USUL

[A] Usul oleh Y.B. Dr. Sak Cheng Lum.

Ahli Kawasan Bagan Jermal [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Speaker, saya bangun mencadangkan Usul:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Y.B. Encik Lim Heng Tee dilantik sebagai seorang Wakil Dewan ini atas Jemaah Universiti Malaya di bawah Seksyen 13(i) Perlembagaan Universiti tersebut bagi satu tempoh selama tiga tahun dan bahawa perlantikan ini hendaklah berkuatkuasa mulai 1hb. Ogos, 1978.”

Tuan Speaker, Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran telah menulis dan menasihatkan bahawa menurut Seksyen 13(i) Perlembagaan Universiti memperuntukkan seorang wakil Dewan ini dilantik ke Jemaahnya.

Oleh yang demikian, dengan sukacitanya saya mencadangkan Y.B. Encik Lim Heng Tee, Ahli Kawasan Machang Bubuk, dilantik ke Jemaah Universiti tersebut. Perlantikan ini

akan dikuatkuasakan mulai 1hb. Ogos, 1978.

Tuan Speaker, saya mohon menca- dangkan.

Ahli Kawasan Penanti [Encik Abdullah Bin Mohamed]: Tuan Speaker, saya wakil dari kawasan Penanti menyokong.

Ahli Kawasan Ayer Itam [Encik Peter Paul Dason]: Tuan Speaker, saya bangun untuk bercakap sedikit atas usul ini.

Perlantikan ini adalah satu perlan- tikan yang penuh dengan tanggung- jawab dan rakyat dan saya juga berharap bahawa ahli yang dilantik ini akan benar-benar mengambil berat akan aspirasi-aspirasi dan kepentin- gan rakyat Pulau Pinang. Rakyat dan saya berharap bahawa ahli yang dilantik ini akan berusaha untuk mendapatkan lebih banyak lagi tem- pat untuk pelajar-pelajar dari Pulau Pinang untuk belajar di Universiti berkenaan, juga tempat-tempat yang diberikan kepada pelajar-pelajar dari Pulau Pinang hendaklah mencerminkan komposisi kaum Negeri ini.

Dalam pada ini, ingin saya mene- gaskan saya tidak berniat samasekali supaya peluang-peluang pelajaran tinggi bagi orang-orang Melayu dise- kat atau dikurangkan. Tidak ada. Yang saya maksudkan ialah supaya sebarang peluang hendaklah diberi- kan kepada saudara-saudara kita dari kaum Melayu dan di samping itu peluang-peluang hendaklah juga di- berikan kepada anak-anak bukan Melayu untuk melanjutkan pelajaran tinggi mereka.

Tuan Speaker, satu perkara yang telah menjadi **burning issue** di kalan- gan rakyat kita hari ini ialah peluang pelajaran tinggi untuk muda-mudi kita. Peluang untuk pelajaran tinggi adalah hak bagi seseorang pelajar dan

saya berharap ahli yang dilantik bagi mewakili Negeri ini akan sentiasa sedar akan perkara ini.

Tuan Speaker, kita dapat tahu bahawa dalam pengambilan pelajar- pelajar di dalam universiti-universiti pada tahun lalu, lebih dari 20,000 pelajar-pelajar gagal memasuki uni- versiti untuk menyambung pelajaran mereka. Ini adalah satu perkara yang menyedihkan kerana ini merupakan pembaziran tenaga manusia yang ber- guna. Mereka yang gagal ini juga tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri kerana mereka tidak mampu. Dan ramai di antara mereka ini adalah pelajar-pelajar yang mempunyai rekod akademik yang baik. Oleh yang demikian, saya berharap ahli yang dilantik ini akan berusaha untuk mendapatkan lebih banyak lagi tempat untuk anak-anak negeri Pulau Pinang untuk belajar di universiti berkenaan serta juga ber- usah untuk mendapatkan lebih ban- yak lagi tempat untuk pelajar-pelajar bukan Melayu kerana daripada ang- ka-angka yang diberikan oleh Kera- jaan, terlalu sedikit tempat yang diberikan kepada pelajar-pelajar bu- kan Melayu. Sebarang pengambilan pelajar hendaklah mencerminkan komposisi rakyat Negeri ini.

Perkara kedua yang saya ingin bangkitkan ialah berkaitan dengan perkara peraturan disiplin yang di- kenakan ke atas **academies** kita. Peraturan disiplin itu adalah terlalu menyekat atau **restrictive** dan inilah sebabnya kakitangan-kakitangan akademik di universiti-universiti me- nentang peraturan-peraturan terse- but. Para **academies** hendaklah diberi peluang untuk mengkritik dan menge- luarkan buah fikiran mereka dan sebarang peraturan-peraturan disi- plin yang hendak dikenakan mestilah dirundingkan terlebih dahulu dengan mereka.

Oleh yang demikian saya berharap

ahli yang dilantik ini akan menggunakan kedudukannya itu untuk menunjukkan satu kejayaan yang damai dan **conducive** di dalam kampus-kampus demi kepentingan semua pihak yang terlibat. Juga saya berharap ahli yang dilantik ini juga akan berusaha supaya universiti berkenaan akan mengeluarkan graduan-graduan yang bijak dalam pelajaran dan **all-rounder**. Ahli yang dilantik hendaklah berusaha untuk menguruskan hal Akta Universiti dan Kolej-Kolej Universiti kerana Akta tersebut terlalu menyekat kebebasan para pelajar. Universiti hendaklah menjadi tempat yang mengeluarkan graduan-graduan yang baik dan bertanggungjawab. Peruntukan-peruntukan yang sedia ada di dalam Akta U.U.C.A. itu adalah terlalu menyekat aktiviti para pelajar. Universiti adalah tempat untuk melatih bakal pemimpin-pemimpin negara, dan untuk berbuat demikian, pelajar-pelajar hendaklah diberi kebebasan untuk merancang aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan berguna kepada negeri dan rakyat. Oleh yang demikian, saya berharap ahli yang dilantik akan berusaha mendapatkan Akta Universiti dan Kolej-Kolej Universiti itu dimansuhkan atau pun sekurang-kurangnya diubahsuai.

Saya berharap ahli yang dilantik ini akan mengambil perhatian tentang perkara yang telah saya bangkitkan tadi dan saya berharap agar beliau akan sentiasa meletakkan kepentingan dan aspirasi rakyat Negeri Pulau Pinang dalam setiap keputusan atau tindakan yang diambilkannya apabila beliau mewakili Negeri Pulau Pinang ke Majlis Universiti tersebut.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, sungguh saya tidak ingin hendak ambil bahagian di dalam perbahasan ini, tetapi saya fikir Ahli Kawasan Ayer Itam langsung tidak adil kepada wakil yang telah kita lantik sebab fungsi-fungsi Jemaah Universiti Malaya tidak berkaitan dengan per-

kara-perkara yang beliau telah bangkitkan, dan jika kita hendak pergi ke J.K.R. tetapi masuk di dalam D.I.D., tentulah kita tidak dapat masuk jalan tetapi nanti masuk di dalam parit. Sebab itu, kita faham Yang Berhormat pun mesti ambil peluang di sini mesti capak sedikit sebanyak kepada masalah pelajaran tetapi perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan wakil-wakil yang kita hantar kepada badan Jemaah Universiti tentu tidak dijalankan dan saya ingat beliau tidak patut.

Saya harap ahli yang kita lantik sungguh-sungguh menjalankan tanggungjawab beliau dengan tegas.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

[B] Usul oleh Y.B. Dr. Tan Chong Teik

Ahli Kawasan Sungai Nibong [Dr. Tan Chong Teik]: Tuan Speaker, saya bangun mencadangkan Usul:—

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Y.B. Dr. Ong Hean Tee dilantik sebagai seorang wakil Dewan ini atas Jemaah Universiti Pertanian Malaysia di bawah Seksyen 13(i) Perlembagaan Universiti tersebut bagi satu tempoh selama tiga tahun dan bahawa perlantikan ini hendaklah berkuatkuasa mulai 1hb. Januari, 1979.”

Tuan Speaker, Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran telah menulis dan menasihatkan bahawa menurut Seksyen 13(i) Perlembagaan Universiti memperuntukkan seorang wakil Dewan ini dilantik ke Jemaahnya.

Oleh yang demikian, dengan sukacitanya saya mencadangkan Y.B. Dr. Ong Hean Tee, Ahli Kawasan Sungai Pinang dilantik ke Jemaah Universiti tersebut. Perlantikan ini akan dikuatkuasakan mulai 1hb. Januari, 1979.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Bukit Tambun [Encik Ng Swee Ching]: Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

[C] **Usul oleh Y.B. Encik Mohd. Noor bin Ahmad:**

Ahli Kawasan Tasek Glugor [Encik Md. Noor Bin Ahmad]: Tuan Speaker, saya bangun mencadangkan Usul:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Y.B. Encik Lim Heng Tee dilantik semula sebagai seorang wakil Dewan ini atas Jemaah Universiti Teknologi Malaysia di bawah Seksyen 13(i) Perlembagaan Universiti tersebut bagi satu tempoh selama tiga tahun dan bahawa perlantikan ini hendaklah berkuatkuasa mulai 1hb. September, 1979.”

Tuan Speaker, Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran telah menulis dan menasihatkan bahawa menurut Seksyen 13(i) Perlembagaan Universiti memperuntukkan seorang wakil Dewan ini dilantik ke Jemaahnya.

Oleh yang demikian, dengan sukacitanya saya mencadangkan Y.B. Encik Lim Heng Tee, Ahli Kawasan Machang Bubuk, dilantik semula ke Jemaah Universiti tersebut. Perlantikan ini akan dikuatkuasakan mulai 1hb. September, 1979.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

6. Penangguhan

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Ahli Kawasan Bertam [Encik Abdul Rahman Bin Haji Abbas]: Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang ucapan tangguhan. Saya persilakan Y.B. Encik Seow Hun Khim.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam [Encik Seow Hun Khim]: Tuan Speaker, saya bangkit untuk berucap mengenai buruknya sistem parit dan masalah yang berkaitan dengan pembuangan dan pembakaran sampah-sarap di kampung-kampung baru di seluruh Seberang Perai khasnya di Kampung Sungai Rambai di kawasan Bukit Mertajam. Sebagaimana yang kita sedar, kedua-dua perkara ini sentiasa mengancam kesihatan dan kebersihan alam sekitar kampung-kampung baru itu. Umpamanya, di Kampung Sungai Rambai, sampah-sarap dibiarkan bertimbun di tengah-tengah kampung itu. Lama-kelamaan ianya menjadi tempat pembiakan nyamuk dan lalat. Sistem parit di situ pun didapati kurang memuaskan. Air di dalam parit dan longkang tidak boleh mengalir. Akibatnya nyamuk-nyamuk membiak dan kawasan itu pun berbau busuk. Pada musim hujan air dari parit dan longkang membanjiri kawasan-kawasan di sekitarnya.

Tuan Speaker, masalah-masalah ini bukanlah satu *issue* yang baru kerana pada tahun 1977, *issue* seperti ini telah dikemukakan di Dewan Undangan ini di mana Kerajaan Negeri telah berjanji akan mengambil tindakan. Tetapi malangnya, hingga pada saat ini, masih banyak surat-surat aduan diterima dari penduduk-penduduk kampung-kampung baru itu. Memandangkan kepada janji-janji

janjian yang telah diberikan di Dewan ini dan keadaan buruk alam sekitar yang masih terdapat di kampung-kampung baru itu, kita mendapat satu kesimpulan bahawa Kerajaan Negeri tidak menunaikan janjian-janjiannya untuk membersihkan dan mengawal alam sekitar atau langsung tidak mengindahkan kepentingan, kebajikan dan hasrat-hasrat penduduk-penduduk itu. Di samping itu, M.P.S.P. patutlah dikecam atas kekurangan kecekapannya. Tingkah laku M.P.S.P. mencerminkan bahawa dia hanya bergerak dan bertindak apabila surat aduan diterima dan kadang-kadang langsung tidak mengindahkan surat aduan itu. Nampaknya M.P.S.P. tidak mempunyai sebarang inisiatif dan rancangan kerja sendiri untuk mengawal sekitar. Di kampung-kampung baru ini sikap tidak apa dan kelalaian M.P.S.P. patutlah berubah demi kepentingan dan kebajikan kampung-kampung baru itu.

Tuan Speaker, apakah gunanya mendirikan papan lambang mendesak penduduk-penduduk membersihkan kawasan-kawasan masing-masing apabila M.P.S.P. sendiri tidak membuat kerja-kerja yang patut dibuatnya? Kepentingan dan kebajikan kampung-kampung baru ini telah diabaikan buat selama-lama itu dan nampaknya masanya sudah sampai untuk Kerajaan Negeri melaksanakan berbagai projek untuk menentukan kebersihan alam sekitar di kampung-kampung baru itu dapat terkawal.

Akhirnya, tetapi tidak kurang pentingnya, saya merayu supaya Kerajaan Negeri mengatasi masaalah ini dengan penuh keikhlasan dan kejujuran.

Terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Peter Paul Dason.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason): Tuan Speaker, saya minta Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri menimbang semula dengan seriusnya cadangan Kerajaan Negeri bahawa Kerajaan Negeri tidak akan memberi masa lagi kepada orang yang belum lagi selesai membayar tunggakan atau **arrears** bayaran **instalment** mereka.

Setakat bulan November, tahun lalu, tunggakan yang patut dibayar kepada Kerajaan Negeri ialah sebanyak \$1.4 juta tetapi **amount** ini telah dikurangkan kepada lebih-kurang \$700,000.00 pada bulan April ini. Ini menunjukkan bahawa mereka yang berhutang itu telah mencuba dengan seberapa yang boleh untuk menyelesaikan tunggakan ini dan memandangkan kepada orang-orang yang malang ini, hendaklah diberi masa yang lebih untuk menyelesaikan pembayaran tunggakan mereka itu dan saya rasa seruan saya ini adalah adil dan munasabah. Adalah tidak adil bagi Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri untuk mengatakan bahawa masa yang lanjut tidak akan diberi kerana orang ramai salahkan Kerajaan kerana tidak mengutip bayaran tersebut dahulu dan membenarkannya bertimbun. Pengerusi Perumahan Negeri tidaklah patut menggunakan rakyat sebagai alasan untuk menyembunyikan sikapnya yang tidak patut ini. Apakah sebabnya Jawatankuasa Perumahan Negeri hendak mengutip tunggakan-tunggakan tersebut dengan begitu cepat tanpa menghiraukan penderitaan yang terpaksa dialami oleh beribu-ribu orang? Apakah tindakan Kerajaan ini adalah sejajar dengan sebuah Kerajaan yang berjiwa rakyat?

Cadangan untuk mentafsirkan penyewa-penyewa ini yang gagal untuk membayar tunggakan mereka ini menjelang 31hb. Mac, 1979 sebagai penyewa-penyewa **month-to-month**

yang mempunyai sebuah bilik dan \$12,500.00 untuk sebuah flat yang mempunyai 2 bilik selepas pendudukan ini dibetulkan atau **regularised**. Ini adalah sangat memeranjatkan. Bagaimana Jawatankuasa Perumahan Negeri boleh **justify** cadangan-cadangannya itu yang tidak patut dan munasabah? Ini hanya menunjukkan sikap tamak Kerajaan Negeri untuk mendapatkan wang dengan apa cara pun tanpa mengira samada cara ini adalah adil atau tidak dan samada cara ini akan mengakibatkan kesusahan kepada rakyat yang miskin.

Parti DAP menggesa Kerajaan supaya bersikap adil dan munasabah dan memberikan orang-orang yang duduk di situ masa yang lebih untuk membayar tunggakan mereka itu dan tempoh yang diberikan ini hendaklah sekurang-kurangnya satu tahun. Saya juga menyeru Kerajaan supaya melayan mereka-mereka yang terlibat ini sebagai orang yang berhak menandatangani perjanjian penjualan selepas mereka selesai membayar segala tunggakan mereka, juga segala bayaran yang dibuatkan oleh mereka dahulu tidaklah patut dirampas atau di **forfeit**, dan hendaklah diambil kira. Juga flat-flat tersebut hendaklah dijual kepada mereka dengan harga asal, serta juga bayaran bunga. Tidaklah patut dinaikkan dari 2 peratus kepada 5 peratus.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Ooi Ean Kwong.

Ahli Kawasan Kampong Kolam [Encik Ooi Ean Kwong]: Tuan Speaker, banyak wang telah dibelanjakan untuk membuat KOMTAR untuk memberi perasaan kepada rakyat bahawa Negeri Pulau Pinang ada bangunan yang tertinggi. Berjuta-juta ringgit wang telah dibelanjakan bukan untuk faedah atau bukan untuk munafaat kepada rakyat atau kepada orang-orang yang miskin tetapi untuk menunaikan cita-cita

Ketua Menteri atau impian Ketua Menteri. Masaalah rakyat telah dilupakan semenjak GERAKAN menjadi Kerajaan Negeri Pulau Pinang 10 tahun dulu. Kalau mereka memandang di sekeliling Pulau Pinang atau di sekeliling bandar, mereka akan menghalakan di keliling tempat itu Kerajaan tidak mengambil langkah untuk memperbaiki keadaan masyarakat bandar-bandar berkaitan dengan banjir, sistem parit dan sebagainya.

Saya hendak menyeru kepada Ketua Menteri memandang kepada kawasan berikut: Lebuhraya McNair, Lebuhraya Macallum, Lebuhraya Tye Sin, Rope Walk, Lebuhraya Carnarvon, Kampong Kaka, Kampong Kolam dan Lebuhraya Kimberley. Bila hujan lebat, kawasan ini mengalami banjir dan menjejaskan kenderaan yang melalui di tempat itu dan ini menyebabkan kesusahan kepada rakyat. Perkara ini telah berbangkit bertahun-tahun dahulu dan tiada apa-apa langkah diambil untuk mengatasi masaalah ini.

Sistem parit di bandar telah merosot sampai air tidak boleh mengalir di Lebuhraya Bridge, Lebuhraya Noordin, Jalan Magazine, Lebuhraya Presgrave, Lebuhraya McNair, Lebuhraya Kimberley, Lebuhraya Carnarvon dan sebagainya. Air di dalam parit itu memberikan bau busuk dan bau itu tidak boleh ditahankan oleh manusia. Jabatan Kesihatan tidak boleh menolong dalam perkara itu jikalau parit itu tidak diperbaiki semula.

Semenjak Balai Polis Central dibina di Persiaran Claimant, parit-parit yang berikut telah terjejas, iaitu Lebuhraya Kimberley, Rope Walk dan Kampong Kaka. Air parit itu bertakung dan pekerja-pekerja tidak boleh buat apa-apa. Barangkali tiada kerjasama di antara D.I.D. dan Jabatan Kejuruteraan. Selain daripada itu, parit besar yang tertutup di Rope

Walk dan Lebuh Kimberley telah dipenuhi dengan sampah yang tersangkut di antara kebel-kebel dan paip-paip yang diletakkan oleh Jabatan Talikom, L.L.N. dan Pihak Berkuasa Air. Kita akan hairan jika membuka lubang-lubang (manholes) itu kita akan melihat parit itu berlumuran dengan berbagai-bagai jenis sampah. Pekerja-pekerja tidak boleh mengutip sampah itu tetapi membiarkan keadaan busuk. Masalah ini perlu diambil tindakan serta-merta dan jikalau ada wabak yang timbul, rakyat akan menyatakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bertanggungjawab. Satu siasatan patut dibuat untuk mengkaji dan untuk mencari jalan mengapa masalah itu berlaku dan siapa bertanggungjawab.

Selain daripada itu, satu kawasan di bandar yang diabaikan oleh Kerajaan ialah satu parit dekat Lebuh Macallum. Parit itu sangat kotor dan bila kita memandangnya dia menjadi malu kepada Pulau Pinang. Perkara itu telah dikemukakan oleh rakyat di kawasan itu tetapi Pihak Berkuasa tidak angkat atau tidak buat apa-apa pun berkenaan dengan keadaan itu atau meningkatkan keadaan itu. Saya pasti rakyat di tempat itu patut mendapat perkhidmatan parit yang sesuai dan pada masa akan datang sebuah sekolah akan dibina di seberang parit itu dan saya yakin mereka perlu mengadakan satu suasana yang sihat bila penuntut-penuntut datang ke sekolah itu.

Dan akhirnya, saya hendak menyeru dan menyoal kepada Ketua Menteri adakah satu pelan untuk menyusun semula sistem parit di bandar, dan jika ada, bila tugas itu hendak dijalankan dan jika tidak, mengapa?

Tuan Speaker: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan persidangan ini selama 15 minit.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.56 petang.

Tuan Speaker: Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Machang Bubuk [Encik Lim Heng Tee]: Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada keputusan Kerajaan baru-baru ini untuk menaikkan premium yang dikenakan atas tanah kerajaan yang dijualkan atau disewakan kepada rakyat. Ini, sebagaimana tuan maklum, telah menyebabkan kesusahan yang agak besar kepada rakyat yang miskin khususnya kepada mereka di kawasan kampung-kampung dan kampung baru yang telah memohon tanah kerajaan untuk tujuan perumahan dan pertanian sejak beberapa tahun dahulu dan sudah menunggu bertahun-tahun. Sudah tentu mereka ini tidak mampu membeli tanah yang mahal.

Adalah munasabah untuk Kerajaan menaikkan premium pada kadar pasaran atas tanah kerajaan yang dijualkan untuk tujuan perniagaan dan kegiatan-kegiatan keuntungan. Tetapi Kerajaan pastilah bersimpati dan **flexible** kepada pemohon-pemohon yang miskin untuk tanah kerajaan di kawasan luarbandar untuk tujuan perumahan dan pertanian sebagai asas keperluan kehidupan dengan mengenakan kadar premium yang istimewa, umpamanya setengah harga pasaran ataupun lebih rendah lagi, kalau boleh.

Tuan Speaker, satu daripada objektif-objektif yang terutama dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah pembasmian kemiskinan. Bukanlah elok dan positif cara menolong orang miskin dengan mengenakan bayaran yang istimewa?

Tuan Speaker, sistem pemberian tanah Kerajaan Negeri sangat tidak memuaskan kerana sistem yang ada pada masa sekarang tidak teratur, lambat serta menyebabkan penyelewengan. Umpamanya, saya telah dapat sungutan (complaint) bahawa 6 keping tanah di Perkampungan Berapit, Bukit Mertajam, telah diberikan kepada 6 orang secara luar biasa. Dari jawapan-jawapan bertulis kepada soalan-soalan saya mengenai perkara itu, didapati bahawa hanya ada 6 pemohon-pemohon yang meminta 6 keping tanah tersebut. Mengapa tidak ada orang lain yang memohon? Juga didapati bahawa kesemua 6 permohonan adalah disampaikan kepada satu tarikh yang sama. Nampaknya keenam-enam pemohon-pemohon itu berpakat memohon tanah-tanah tersebut sebagai satu golongan atau sindikit. Tuan Speaker, nampaknya sistem pentadbiran tanah dalam negeri kita telah membolehkan orang-orang tertentu atau golongan mendapatkan pertimbangan yang diutamakan.

Tuan Speaker, pemberian tanah Kerajaan Negeri perlulah dirancang dengan teliti dan seterusnya dilaksanakan dengan lebih sistematik dari satu kawasan ke satu kawasan dan dari satu projek ke satu projek sepertimana yang pemberian rumah murah Kerajaan dijalankan.

Tuan Speaker, izinkan saya mencadangkan cara-cara yang berikut untuk memperbaiki sistem pemberian tanah Kerajaan Negeri: —

Langkah 1. :

Terlebih dahulu semua Pejabat Tanah mestilah mengkaji bersungguh-sungguh semua tanah Kerajaan yang ada.

Langkah 2. :

Pihak Berkuasa Negeri kemudian akan memutuskan dengan meng-

ikut dasar mana-mana tanah yang boleh dipohon.

Langkah 3. :

Kerajaan nanti akan mengumumkan dan mengiklankan tanah-tanah yang boleh dipohon kawasan demi kawasan, projek demi projek dengan menyatakan tempoh dan tarikh untuk permohonan.

Langkah 4. :

Satu bahagian pemberian tanah khas seperti Bahagian Perumahan dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan haruslah ditubuhkan untuk memilih dan memproseskan semua permohonan dengan menggunakan borang-borang yang standard.

Langkah 5. :

Jawatankuasa Tanah Negeri kemudian akan menimbangkan permohonan-permohonan yang terpilih dan seterusnya membuat keputusan.

Langkah 6. :

Senarai pemohon-pemohon yang berjaya dengan butir-butir nama, umur, alamat, pekerjaan dan sebagainya akan dipamirkan di tempat-tempat yang utama seperti Pejabat-Pejabat Tanah dan Balai Rakyat tempatan, untuk pemeriksaan orang ramai dan bantahan, jika ada.

Langkah 7. :

Permohonan yang didapati tidak jujur atau ragu-ragu boleh dibatalkan atau disiasat dengan selanjutnya. Permohonan-permohonan yang berjaya akan disampaikan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan muktamad.

Tuan Speaker, dengan komputerisasi, Jabatan Tanah dan Galian

dalam negeri kita adalah diharapkan supaya langkah-langkah yang tetap akan diambil untuk membaikkan cara pemberian tanah Kerajaan dengan sistem yang lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong [Encik Chin Nyok Soo]: Tuan Speaker, saya ingin membangkitkan semula masaalah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Chung San yangmana oleh kerana Kerajaan Pusat ingin membina perluasan atau *extension* kepada Lapanganterbang Bayan Lepas, sekolah tersebut terpaksa membina sebuah bangunan baru di Kampong Perlis.

Pelan bangunan sekolah tersebut telah pun diluluskan oleh Majlis Perbandaran serta juga oleh Jabatan Pelajaran. Projek pembinaan sekolah di tapak yang baru terpaksa dihentikan dengan tiba-tiba apabila sekolah tersebut menerima notis dari pihak Majlis Perbandaran dan Jabatan Pelajaran.

Ahli Parlimen bagi kawasan Bukit Bendera yang juga Ahli Dewan Negeri bagi kawasan Ayer Itam telah pun membangkitkan perkara ini di dalam Dewan Rakyat pada mesyuarat Dewan Rakyat yang lalu dan Timbalan Menteri Pelajaran dalam jawapannya telah berjanji yang Sekolah Chung San akan dibenarkan kekal di tapak asalnya dan beliau juga telah berjanji perbelanjaan yang terlibat dalam pembinaan bangunan baru sekolah tersebut akan dibayar balik kepada sekolah tersebut.

Di bawah Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Negeri boleh menjamin dan memelihara kegunaan dan pelajaran bahasa-bahasa yang lain dan dalam pada ini saya menggesa Kerajaan Negeri mengembalikan tapak dan bangunan asal Sekolah Rendah Jenis Kebangsa-

an Chung San kepada sekolah tersebut dengan percuma atau sekurang-kurangnya meminta sekolah tersebut membayar lebih-kurang \$230,000.00 kepada Kerajaan Negeri kepada sekolah tersebut apabila ia membeli bangunan dan tapak sekolah tersebut.

Tuan Speaker, semasa Mesyuarat Dewan Undangan Negeri dahulu, saya telah membangkitkan issue Sekolah Chung San dan ketika itu Ketua Menteri telah berkata yang saya cuba membuatkan issue Sekolah Chung San itu sebagai 'political propaganda'. Ini adalah tidak benar kerana issue Sekolah Chung San ini adalah merupakan satu issue berkaitan dengan pelajaran dan orangramai memandang berat ke atas issue ini.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa semasa pilihanraya kecil Kampong Kolam, issue Sekolah Chung San telah menjadi satu issue yang hangat diperbincangkan dan rakyat telah menunjukkan kemarahan mereka terhadap tindakan Kerajaan dengan menolak calon Barisan Nasional. Dan akibat ini, pihak pembangkang telah juga berjaya dalam pilihanraya kecil tersebut dan kejayaan ini adalah satu kejayaan bersejarah kerana inilah kali pertama pihak pembangkang telah berjaya di dalam satu pilihanraya kecil dalam sejarah Negeri Pulau Pinang.

Peristiwa Sekolah Chung San ini juga telah membuktikan betapa pentingnya ujud sebuah parti pembangkang di dalam Dewan ini untuk menyuarakan hasrat dan pendapat orangramai. Saya dan rakan seperjuangan saya akan terus bertindak sebagai ahli-ahli yang bernas dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas dan kewajipan kami.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Speaker, saya

ingin menyentuh berkenaan masalah perumahan di Pulau Pinang.

Berikut maklumat yang telah diberi oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri, Pulau Pinang kekurangan rumah murah yang agaknya 40,000 sehingga 50,000 buah. Tetapi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, dengan peruntukan dari Kerajaan Pusat sebanyak \$34 juta, dan juga dengan usaha P.D.C., di negeri ini hanya dijangka dibina kira-kira 18,000 unit-unit rumah murah. Angka-angka ini membayangkan masalah perumahan yang serius di Pulau Pinang. Kekurangan rumah-rumah, terutamanya rumah-rumah kos rendah, serta harga rumah-rumah yang semakin meningkat mengakibatkan pemilikan sebuah rumah mustahil.

Memandang kepada kedudukan kekurangan rumah yang serius di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri haruslah berikhtiar mengatasinya, kerana masalah perumahan ini akan mengakibatkan masalah-masalah lain seperti masalah sosial, ekonomi dan juga politik. Usaha telah diambil oleh beberapa badan Kerajaan yang berkenaan, tetapi saya rasa usaha ini harus diberatkan.

Kekurangan rumah dan harga rumah yang terlampau tinggi di Negeri Pulau Pinang sekarang, mengikut pihak awam dan pihak swasta, adalah disebabkan oleh banyak faktor, di antara: —

- (1) Kekurangan tanah dan harga tanah yang terlampau tinggi;
- (2) Harga bahan-bahan perumahan yang tinggi;
- (3) **Speculation** atau spekulasi;
- (4) Orang-orang dari negeri-negeri lain membeli rumah di Pulau Pinang;
- (5) Kelewatan meluluskan pelan-

pelan rumah oleh pihak yang berkenaan;

- (6) Kerajaan Negeri tidak membina cukup rumah kos rendah;

dan lain-lain.

Beberapa faktor-faktor yang tersebut, umpamanya, harga bahan-bahan perumahan yang tinggi, bukanlah di bawah kawalan Kerajaan Negeri secara langsung. Walau bagaimanapun, saya rasa ingin membentangkan di sini 3 faktor, iaitu faktor-faktor yang boleh dapat dikendalikan oleh Kerajaan: —

- (i) Kelewatan meluluskan pelan-pelan. Faktor ini dibawa oleh pihak swasta sebagai sebab utama untuk harga rumah mereka menjadi tinggi. Misalnya, mengikut pendapatan saya sendiri, di kawasan Butterworth iaitu di Jalan Chain Ferry, ada satu sekim perumahan yang besar yang telah menunggu sampai empat tahun dan masih belum dapat pihak berkenaan meluluskan pelan-pelannya. Oleh kerana sekim perumahan ini seluas lebih dari 250 ekar, dalam tapak sekim ini adalah tapak-tapak yang ada di ketepikan untuk tapak-tapak rekreasi dan tapak-tapak sekolah. Sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Chung Wah, cawangan ketiga, di Jalan Chain Ferry juga telah mencadangkan mendirikan bangunan sekolah baru di tapak ini dan kelewatan meluluskan pelan-pelan sekim perumahan pun telah mengakibatkan kelewatan pembangunan sekolah ini.
- (ii) Faktor yang kedua, spekulasi, banyak aduan telah diterima tentang pengadu untung yang membeli rumah-rumah murah yang dibina oleh Kerajaan dan P.D.C. Orang-orang yang telah memiliki rumah-rumah juga dapat mem-

beli rumah-rumah kos rendah P.D.C. Saya mendedak kepada Pihak Berkuasa yang berkenaan menjamin rumah-rumah kos rendah Kerajaan akan diperuntukkan kepada orang-orang yang sebenarnya memerlukan tempat-tempat kediaman dan bukan kepada mereka yang ingin mendapat keuntungan sahaja.

- (iii) Kerajaan Negeri tidak membina cukup rumah kos rendah. Misalnya, di seluruh Butterworth, hanya ada dua projek perumahan kos rendah, iaitu 90 unit rumah cluster di Jalan Mohd. Saad dan 400 unit rumah pangsa di Bagan Ajam. Memandang kepada 9,000 lebih permohonan untuk 90 unit rumah di Jalan Mohd. Saad, keperluan atas rumah-rumah kos rendah di Butterworth adalah sebenar-benarnya sangat besar. Berkenaan dengan hal ini, saya merayu kepada Kerajaan Pusat menambahkan peruntukan perumahan kepada Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, akhir sekali saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri memandangkan dengan seriusnya kepada penubuhan sebuah Lembaga Perumahan. Ini bukan cadangan yang baru tetapi saya fikir ini adalah satu langkah positif yang Kerajaan Negeri kita boleh ambil dalam usahanya untuk membekalkan cukup rumah kepada rakyatnya, terutamanya golongan yang berpendapatan pertengahan dan yang berpendapatan rendah.

Pada sekarang ini, kita ada beberapa badan Kerajaan yang melaksanakan rancangan-rancangan perumahan mereka masing-masing. Saya suka Pejabat Perumahan Negeri dan P.D.C. yang mengadakan rancangan-rancangan sendiri. Saya juga sedar bahawa Majlis-Majlis Tempatan juga

sedang mempertimbangkan membina rumah-rumah kos rendah. Saya fikir masaalah-masaalah perumahan Negeri boleh diatasi dengan lebih berkesan jika kita hanya ada satu badan untuk menjaga semua aspek masaalah perumahan ini, terutamanya masaalah perumahan kos rendah. Badan sebagai ini harus memusatkan [centralise] semua aktiviti-aktiviti perumahan Kerajaan — yang termasuk kajian masaalah-masaalah perumahan — dengan secara panjang-lebar seperti mengstabilkan harga rumah, mencegah spekulasi dan bertanggungjawab perlaksanaan semua projek-projek perumahan Kerajaan termasuk merancang, membina, menjual dan membeli balik rumah-rumah. Saya rasa juga, badan ini boleh membantu pemaaju-pemaaju swasta yang benar.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh sebab Y.B. Dr. Ong Hean Tee telah menarik balik ucapan penangguhannya, saya sekarang mempersilakan Y.A.B. Ketua Menteri jika ingin memberi apa-apa jawapannya.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah [Encik Khor Gark Kim]: Tuan Speaker, saya bangun untuk memberi jawapan kepada ucapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ayer Itam untuk hujjah-hujjahnya dan beliau telah membangkitkan berkenaan dengan rumah pangsa Kerajaan di Rifle Range. Malangnya, bagaimanapun, ucapannya menunjukkan bahawa beliau tidak memahami langkah-langkah pentadbiran yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dan issue-issue asasi yang terlibat. Dalam konteks rumah-rumah pangsa di Rifle Range tentang per-

kara ini saya akan menjelaskan seperti berikut: —

Untuk sebarang penghuni asal yang belum melanggar sebarang syarat perjanjian penghunian sementara dan yang tidak berhutang kepada Kerajaan, bayaran yang telah dibuatnya pada tahun yang lalu itu akan semuanya dianggap sebagai bayaran pembelian ke atas unit itu yang ia sedang menginap setelah ia menandatangani perjanjian jual-beli dengan Kerajaan. Seorang penghuni asal yang telah melanggar sebarang syarat, bagaimanapun, mungkin ditamatkan penghuniannya dan bayaran yang telah dibuatnya pada tahun lalu akan dianggap sebagai bayaran sewa untuk unit itu. Apabila unit itu telah diambilalih dan diuntukkan kepada orang lain yang pada mulanya belum mendaftarkan diri kepada Kerajaan Negeri sebagai penghuni yang asal dan sah, penghuni baru ini akan kemudiannya memulakan bayaran untuk unit itu pada satu harga yang akan ditetapkan oleh Kerajaan. Soal rampasan bayaran yang lalu bagi kedua-dua penghuni tidak berbangkit sama sekali. Sebaik sahaja dari hari seorang penghuni menduduki unitnya, ia diberitahu dengan jelas tentang perjanjian penghunian sementara yang ia telah menandatangani dengan Kerajaan Negeri bahawa jika ada berhutang sewanya boleh dianggap sebagai satu perlanggaran kepada syarat perjanjian itu dan ia boleh dipecat dari unit itu.

Dalam tahun yang lalu, banyak surat amaran telah diberi kepada sipenghutang dan tindakan mahkamah atau guaman telah diambil terhadap mereka. Banyak masa telah juga diberi untuk mereka menjelaskannya dari bulan Februari tahun 1978 hingga bulan Disember tahun 1978. Sebelum menandatangani perjanjian jual-beli, tarikh tamat itu juga telah dilanjutkan untuk mereka menjelaskan hutang sehingga hujung

bulan Mac tahun ini. Penghuni-penghuni yang masih dalam tunggakan sewa daripada Kerajaan Negeri tidak dibenarkan menandatangani perjanjian bayaran ansuran pada hujung bulan Mac tahun ini. Penghuni yang benar-benar dalam keadaan susah-payah boleh menulis kepada Bahagian Perumahan Negeri untuk memohon membayar hutangnya dengan cara beransur. Sekiranya mereka itu telah benar mencuba untuk menjelaskan hutang dengan cara pembayaran mereka itu boleh diterima oleh Kerajaan, maka mereka itu boleh ditimbangkan supaya memiliki unit mereka masing-masing bila mereka menjelaskan hutang. Tetapi bagi mereka yang mengeksploitasikan keadaan tersebut dan tidak ingin cuba menjelaskan hutang, mereka itu akan dihadapi tindakan undang-undang yang akan mengakibatkan mereka kehilangan unit yang mereka sedang tinggal itu. Bahagian Perumahan Negeri telah bersikap sangat murah hati berkenaan perkara ini. Ini adalah sebab tunggakan sewa telah bertambah sehingga \$1.45 juta pada pertengahan tahun dahulu. Keadaan ini harus diperbetulkan dan tunggakan sewa mesti dikutip supaya Kerajaan boleh melancarkan rancangan perumahan dan memperbaiki keadaan rancangan sekarang ini.

Adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah menaikkan harga rumah-rumah pangsa yang dijual kepada penghuni-penghuni asal dan telah meningkatkan kadar faedah dari 2 hingga 5 peratus. Sesudah perjanjian jual-beli telah ditandatangani rumah pangsa itu akan dibuat kepada penghuni asal itu dengan harga \$5,773.00 untuk satu unit dua bilik dan \$9,287.00 untuk unit tiga bilik dan kadar 2% pada tahun dalam tempoh 25 tahun dari tahun pertama ia menduduki unit itu. Sekiranya seorang penghuni baru diperuntukkan satu unit baru pada hari ini, ia mungkin dikehendaki

membayar lebih banyak oleh sebab nilai pasaran untuk rumah-rumah pangsa ini adalah berbeza pada hari ini. Harga dalam kes-kes demikian akan ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri selepas mempertimbangkan semua faktor-faktor yang berkenaan.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Datuk Keramat [Datuk Teh Ewe Lim]: Tuan Speaker, saya bangun untuk memberi jawapan kepada ucapan penangguhan oleh Y.B. Encik Seow Hun Khim.

Tuan Speaker, Majlis Perbandaran Seberang Perai menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan mengangkut sampah yang biasa termasuk pembersihan parit-parit untuk semua kampung-kampung di dalam kawasan bandar dan kawasan-kawasan had pekan yang diwartakan dalam Seberang Perai.

Masalah pamaritan dalam kampung-kampung baru adalah disebabkan oleh ketiadaan sistem pamaritan yang menyeluruh pada masa kampung itu diwujudkan iaitu semasa Darurat 1948. Parit-parit yang dibina pada masa itu sekarang ini tidak mencukupi untuk menemui keperluan pembangunan yang ada sekarang di dalam kampung-kampung itu. Dengan perlanjutan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Tempatan ke kawasan-kawasan yang sedemikian, parit-parit adalah diselenggarakan oleh kuasa tempatan yang berkenaan.

Adalah menjadi dasar Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk meluaskan perkhidmatan pembersihan kepada semua kampung-kampung baru di Seberang Perai. Untuk mencapai dasar ini, Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang mengambil kesempatan geran pelancaran yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membeli peralatan dan kenderaan tambahan. Dengan tambahan

tenagakerja, program bagi meluaskan perkhidmatan mengangkat sampah dan perkhidmatan pembersihan kepada kampung-kampung baru dan kawasan-kawasan yang jauh dapatlah dilaksanakan. Dengan memberi keutamaan kepada perluasan perkhidmatan-perkhidmatan kepada kawasan luarbandar, adalah diharapkan bahawa kawasan-kawasan dan kampung-kampung yang dahulunya diabaikan akan mendapat munafaat daripada perkhidmatan-perkhidmatan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah juga melancarkan satu rancangan bagi menyediakan kemudahan pertandasan yang lebih baik di luarbandar di bawah projek pertandasan dan 'vector control' — satu projek yang dijalankan bersama oleh Kementerian Kesihatan dan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Berkaitan dengan pembuangan sampah, usaha sedaya upaya akan dijalankan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi memastikan bahawa sampah-sarap tidak dibakar atau ditanam secara yang tidak teratur oleh penduduk-penduduk kampung tetapi dipungut oleh perkhidmatan pemungutan sampah Majlis dan dibuangkan di tempat-tempat membuang sampah yang tertentu di Seberang Perai.

Jawapan kepada ucapan penangguhan oleh Y.B. Encik Ooi Ean Kwong, Tuan Speaker, soal banjir yang disebabkan oleh air pasang dalam kawasan-kawasan tersebut adalah merupakan perkara yang telah lama menerima sungutan. Adalah menjadi suatu hakikat bahawa kawasan-kawasan itu sememangnya rendah dengan paras purata 10.00 kaki R.L. (Reduced Level). Semasa air pasang besar, sebilangan daripada kawasan-kawasan ini dibanjiri oleh air laut melalui banyak telok-telok kecil. Apabila ribut besar berlaku semasa air pasang, kedudukannya menjadi

lebih serius lagi. Sistem saliran kawasan ini adalah yang paling baik yang dapat diadakan memandangkan aras bumi yang begitu rendah di kawasan itu.

Ada dua ikhtiar yang boleh dilakukan bagi mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut: —

- (a) Sekim mengepam — Sekim ini melibatkan pembinaan sebuah pintu air dan pemasangan pam-pam air ribut besar, seperti yang telah dipasang di parit Prangin. Memandangkan kepada masalah-masalah sampah-sarap yang dialami di Parit Prangin, sekim yang sama tidak diperakukan untuk kawasan Jalan MacCallum.
- (b) Meninggikan paras Bumi — ini melibatkan peninggian paras-paras jalan, lorong belakang dan halaman rumah. Cara ini memakan belanja dan juga memakan masa.

Majlis sentiasa menegaskan supaya pemajuan-pemajuan baru didirikan sekaki lebih tinggi dari paras banjir dan kerja-kerja mempermukaan semula jalan yang diusahakan di kawasan-kawasan ini akan lama kelamaannya meninggikan paras-paras jalan dan lorong belakang ke paras yang lebih tinggi dari paras air pasang.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Tuan Speaker, saya bangun untuk menjawab perkara-perkara yang dikemukakan oleh dua orang Ahli-Ahli Yang Berhormat dan saya ucapkan tahniah atas cadangan-cadangan yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Machang Bubuk berkenaan sistem pentadbiran tanah di Negeri Pulau Pinang ini.

Yang Berhormat telah membuat teguran atas premium yang telah

ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Di sini, Tuan Speaker, kalau boleh, izinkan saya membuat atau memberi penjelasan sedikit mengenai premium yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri, khususnya di kawasan-kawasan baru di Seberang Perai. Kepada penduduk-penduduk asal, premium yang telah ditetapkan ialah cara nominal sahaja, iaitu \$1 sahaja dan kepada anak kepada penduduk asal, Kerajaan telah pun menetapkan \$1 jika tanah itu dipunyai oleh bapa atau emak dan tanah tambahan ini adalah mengikut premium dan adalah mengikut pasaran iaitu 2½ pada 1 kaki persegi tetapi pada orangramai, premium yang ditetapkan ialah sebanyak \$2.50. Ini adalah mengikut harga pasaran.

Sebenarnya, harga ini sangatlah rendah jika kita bandingkan dengan harga tanah di negeri ini. Dan nilai yang ditetapkan adalah berdasarkan nilai yang telah diberikan oleh seorang pakar Kerajaan iaitu Pegawai Penilaian. Jadi boleh dikatakan Kerajaan Negeri hingga hari ini telah menolong penduduk-penduduk atau orang-orang yang berpendapatan rendah supaya mereka dapat tanah Kerajaan mengikut nilai-nilai yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat pun telah memberikan 7 cara-cara untuk memperbaiki sistem pembelian tanah di Negeri Pulau Pinang ini dan di sini saya mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih atas pandangan Yang Berhormat dan kami akan mengambil perhatian atas apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Speaker, sistem pentadbiran tanah di Negeri Pulau Pinang adalah serupa dengan sistem-sistem yang terdapat di semua negeri di Semenanjung Malaysia. Sistem ini berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara

sebagai undang-undang yang mengawal pentadbiran tanah.

Bagi menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Paya Terubong, izinkan saya menegaskan di sini, Tuan Speaker, bahawa perkara ini pun telah pun di bawa kepada Kerajaan Negeri tetapi Pejabat Tanah atau Kerajaan Negeri hanya bertindak bagi pihak Kerajaan Pusat sebagai sebuah agen sahaja. Jadi, pada masa ataupun waktu pengambilan tanah Sekolah Chung San itu, Jemaah Pengurus sekolah itu telah diberi pilihan samada mahukan tapak gantian atau wang sebagai gantirugi

bagi tanah dan bayaran sekolah. Pihak Jemaah Pengurus telah memilih untuk mengambil wang, tetapi mereka hanya membantah di atas jumlah yang telah ditetapkan. Jumlah ini adalah menikut nilai yang telah diberikan oleh pakar Kerajaan. Ini adalah hak mereka dan perkara ini telah dirujuk kepada Mahkamah untuk diputuskan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang.